



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil.17**

**Isnin**

**29 Julai 2024**

---

**K A N D U N G A N**

<b>PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN</b>	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Pengisytiharan Suatu Kawasan Dalam Daerah Bintulu Menjadi Suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024	(Halaman	35)
Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024	(Halaman	52)
Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024	(Halaman	80)

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Dato Awang Beme bin Awang Ali Basah [Tuan Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Tuan Yang di-Pertua]
3. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
4. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
5. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
6. “ Dato' Sri Ti Lian Ker
7. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
8. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
9. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
10. “ Tuan Manolan bin Mohamad
11. “ Puan Susan Chemerai Anding
12. “ Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah
13. “ Datin Ros Suryati binti Alang
14. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
15. “ Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan
16. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
17. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
18. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah
19. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
20. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
21. “ Dato' Sivaraj a/l Chandran
22. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
23. “ Tuan Abun Sui Anyit
24. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
25. “ Puan Noorita binti Sual
26. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
27. “ Datuk Nelson W Angang
28. “ Tuan Pele Peter Tinggom
29. “ Dato' Setia Salehuddin bin Saidin
30. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
31. “ Tuan Haji Hussin bin Ismail. (Terengganu)
32. “ Datuk Haji Aziz bin Ariffin
33. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)

**AHLI HADIR** (*samb/-*)

- |     |                |                                                                          |
|-----|----------------|--------------------------------------------------------------------------|
| 34. | Yang Berhormat | Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)                  |
| 35. | "              | Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)                        |
| 36. | "              | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)                        |
| 37. | "              | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan)                     |
| 38. | "              | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak)                                 |
| 39. | "              | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah)                             |
| 40. | "              | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)                                          |
| 41. | "              | Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)                                            |
| 42. | "              | Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)                                    |
| 43. | "              | Datuk Lim Pay Hen (Johor)                                                |
| 44. | "              | Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor)                                   |
| 45. | "              | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)                                    |
| 46. | "              | Datuk Noraini binti Idris (Sabah)                                        |
| 47. | "              | Datuk Wira Koh Nai Kwong                                                 |
| 48. | "              | Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka)                                     |
| 49. | "              | Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)             |
| 50. | "              | Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang)                                  |
| 51. | "              | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)                         |
| 52. | "              | Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak)                                       |
| 53. | "              | Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)               |
| 54. | "              | Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)          |
| 55. | "              | Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan) |

**AHLI TIDAK HADIR**

- |    |                |                                                                                                         |
|----|----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | Yang Berhormat | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]    |
| 2. | "              | Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi]                                 |
| 3. | "              | Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] |
| 4. | "              | Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]                                                     |
| 5. | "              | Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh                                                          |
| 6. | "              | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak)                                                           |

**AHLI TIDAK HADIR  
(BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
2. “ Datuk Razali bin Idris
3. ” Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
4. “ Tuan Robert Lau Hui Yew

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Berhormat Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Menteri Ekonomi] (Pandan)
2. “ Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Hassan [Menteri Luar Negeri] (Rembau)
3. “ Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Santubong)
4. “ Puan Fadhlina binti Sidek [Menteri Pendidikan] (Nibong Tebal)
5. “ Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad [Menteri Kesihatan] (Kuala Selangor)
6. “ Datuk Mustapha @ Mohd Yunus Sakmud [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Sepanggar)
7. “ Dato Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)
8. “ Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
9. “ Dato Hajah Rubiah binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
10. “ Tuan M. Kulasegaran [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) (Ipoh Barat)
11. “ Tuan Adly bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] (Alor Gajah)
12. “ Dato' Sri Huang Tiong Sii [Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam] (Sarikei)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KELIMA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Isnin, 29 Julai 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan pertanyaan pertama oleh Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis Abd Aziz.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Terima kasih, Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 1.

**1. Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apa langkah semasa pihak kerajaan dalam membanteras *online scam* yang semakin maju dengan pelbagai modus operandi yang baharu dan semakin berleluasa ketika ini.

**Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan mengucapkan syabas, tahniah atas pelantikan Yang Berhormat sebagai Speaker. Sahabat lama yang saya kenal puluhan tahun dan saya rasa gembira dapat bersama dalam Dewan bersama Yang Berhormat.

Saya mohon juga untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis bersekali dengan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa Musa dan Yang Berhormat Senator Haji Hussin Ismail. Untuk itu, kalau boleh saya mohon sedikit fleksibiliti daripada segi masa kerana saya bercadang untuk menjawab sekali gus tentang tajuk ini. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya.

Saya mulakan dengan memaklumkan bahawa bila disebut tentang *online scam*, penipuan atas talian ini, ia wujud dalam bentuk pelbagai. Yang pertama ialah jenayah telekomunikasi. Tiba-tiba, kita terima panggilan. Dia kata, dia dari Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dia kadang-kadang daripada *courier service*. Itu skrip dia bermula. Itu jenayah telekomunikasi.

Dalam bentuk jenayah e-kewangan. Dia *hack* kita punya e-mel. Kemudian, berlakulah skrip dan proses penipuan seterusnya. Yang ketiga, *love scam*. Dia *establish* dulu *romantism*

*relationship*. Apabila orang dah terpicat begitu, maka mulalah jarum penipuan itu *mai*. Yang terbaharu, ada satu kes *pilot*, perempuan. RM700,000 lesap begitu saja, ini *love scam*.

Yang ketiga, jenayah e-dagang. Dia tipuan dalam pembeli barang- pembelian barang dalam talian. Dia juga tipu pelaburan. Tak wujud, tetapi dia tawarkan pelaburan dengan menggunakan *online scam* ataupun dia tawar pinjaman, tetapi tak wujud. Baik. Bila kita dah kenal bentuk jenayah penipuan atas talian maka tentulah harapan rakyat itu kepada Polis Diraja Malaysia, khususnya Jabatan Siasatan Jenayah Komersial.

Baik. Yang Berhormat Speaker, daripada segi *law and regulations*, daripada segi undang-undang, kita akan kuatkuasakan Kanun Keseksaan. Kita akan kuatkuasakan Kanun Tatacara Jenayah. Kalau tak cukup kuat, kita pinda. Baru-baru ini, Dewan Rakyat luluskan khususnya seksyen 424A, B, C, dan seterusnya dan kita juga sekarang ini berharap nanti bila kita bentang di Dewan Rakyat akan mendapat sokongan itu. Kita perkemaskan daripada segi undang-undang.

Harapan rakyat ini adalah pada akhir dia menjadi mangsa, dia tahu dekat mana nak mengadu. Akaun bank dia yang telah ditipu, kita mesti bekukan segera. Kemudian, kita jalankan siasatan. Kita buat tangkapan. AG akan dakwa di mahkamah. Sabitan, kemudian wang yang rakyat atau mangsa ditipu itu, kita kembalikan semula kepada mereka. Itu adalah ekosistem yang rakyat nak tengok.

Kerana itu, keupayaan pasukan polis harus diyakinkan dulu. Di bawah Jabatan Siasatan Jenayah, kita ada Unit Siasatan Forensik Digital sebab dia nak kena menganalisis *devices* yang digital, peranti yang digunakan dalam penipuan ini. Kita ada unit *Police Cyber Investigation Response Center*. Kerja dia nak pantau penipuan menggunakan platform media sosial.

Yang ketiga, kita ada Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di mana kita tempatkan Pegawai Polis sebab merekalah yang akan menggerakkan siasatan bagi kes-kes penipuan ini. Kemudian, kita ada Unit Taktikal Siber. Tujuan dia nak jejak dan nak mengesan penjenayah siber.

Jadi, daripada segi tatakelola, daripada segi *governance*, kita ada Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional. Singkatannya NFCC. Ini di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kemudian, kita ada Polis Diraja Malaysia, kita ada Bank Negara, kita ada SKMM dan kita akan dapatkan kerjasama daripada institusi kewangan dan industri telekomunikasi.

Jadi, gabungan kesemua ini, kita himpunkan sumber dan kepakaran, baharulah pendekatan ini boleh kita manfaatkan untuk pastikan perkhidmatan kita dalam urusan ini akan dapat kita jayakan dengan berkesan. Itu reaksi saya, pusingan pertama. Terima kasih.

**Dato' Juhani binti Abd Aziz:** ...Soalan tambahan.

Soalan tambahan saya, iaitu sejauh mana undang-undang dan akta yang dapat membantu dalam membendung jenayah ini melalui prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan, terutamanya melalui penyiasatan dan pendakwaan.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya sebut tadi daripada segi, dengan izin, *law and regulation*, kita tak ada masalah. Bahkan kita tambah baik lagi dengan pindaan yang saya sebut tadi ya, misalnya pindaan seksyen 424 Kanun Keseksaan. Ini orang yang memiliki atau mempunyai kawalan terhadap instrumen pembayaran, *debit card*-kah, apakah, *credit card* apa semua ini atau akaun milik orang lain, yang ini adalah satu kesalahan kalau dia gunakan untuk masuk *illegal means*, maksud yang tidak sah.

Seksyen 424B yang kita pinda juga baru-baru ini, orang yang memberikan, membenarkan atau menjual instrumen pembayaran- kita ada kes pelajar universiti misalnya. Ini kes yang sebenar. Dia berikan, dia benarkan akaun dia itu digunakan untuk tujuan-tujuan yang tidak sah ini. Dia bagi kepada siapa? Dia bagi kepada *scammer* atau bagi kepada Ah Long. Jadi apa yang berlaku Yang Berhormat? Bila kita kerjasama dengan bank, bank akan *share CCTV* bila *ATM transaction* dibuat. Dia akan ada satu watak ini dia pegang *bundles ATM cards*. Orang *queue* ke belakang, dia asyik keluar duit sahaja.

Itu sah ada orang lain beri kebenaran kepada dia untuk guna akaun dan akses kepada kad. Jadi dia akan buat transaksi itu sampai 30 minit, 40 minit. Itu sangat jelas. Maknanya ada orang yang memberi izin penggunaan. Ini dengan pindaan ini sekarang, Polis boleh pergi kepada orang yang memberi izin akaun dia digunakan.

Baik yang paling penting buat kami, buat pasukan penguat kuasa Polis ini Yang Berhormat adalah pindaan 116D Kanun Keseksaan. Ini seorang pegawai berpangkat Sarjan, pegawai penyiasat bila dia terima sahaja aduan, melalui *call centre* kita, 997 dengan pindaan ini, dia punya kuasa untuk meminta supaya akaun mangsa, akaun bank mangsa dihentikan. Tak boleh ada transaksi keluar masuk lagi. Sebelum ini tak ada yang begitu, tapi dengan adanya sekarang pindaan ini, kita selamatkan dulu yang itu.

Jadi tak boleh lagi penipuan ini ataupun *scammer* ini dapat akses untuk tujuan menyalahgunakan pengeluaran wang bagi tujuan maksud penipuan. Ini pindaan. Jadi sejauh mana koordinasinya? Undang-undang satu bab, penguatkuasaan satu bab, keupayaan Polis khususnya Bahagian Jenayah Perdagangan ini mempersiapkan pasukan yang kompeten satu bab. Jadi kesemuanya itu adalah hala tuju yang terdekat yang sekarang dalam perancangan kepimpinan KDN, khususnya PDRM.

Saya beri jaminan Ahli Yang Berhormat, pindaan-pindaan yang sedang kita buat yang menerima dukungan semua Ahli Parlimen di peringkat Dewan Rakyat adalah *way forward*, arah tuju yang betul yang kita telah usahakan. Dengan kelebihan ini, kita yakin bahawa usaha

untuk membanteras jenayah penipuan atas talian ini mampu kita *mitigate*, walaupun tidak atasi sepenuhnya. Terima kasih.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan?

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Soalan tambahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya nampak Dato' Arman tadi.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Soalan tambahan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Siapa..?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Arman.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Lepas itu saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia berdiri dulu tadi.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Menteri setuju selepas dia, Datuk Hajah Zurainah.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Yang Berhormat Menteri, sebelum ini kita dikejutkan dengan isu *Macau Scam* yang heboh di seluruh negara.

Soalan saya hari ini, salah seorang pelaku dalam *Macau Scam* tersebut masih lagi dilihat bebas dan masih lagi ada *investment* di pusat-pusat *shopping complex* yang besar seperti di Pavilion. Soalan hari ini, kenapa *scammer* yang dikenali ramai ini masih bebas di luar dan masih boleh meneruskan perniagaan mereka di luar? Terima kasih.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Yang Berhormat Senator, saya akan bagi jawapan berdasarkan kepada tindakan penguatkuasaan yang dibuat. Saya tidak akan terus *zoom in* dalam jawapan Dewan ini kepada *specific case* yang disebut oleh Yang Berhormat. Walaupun penjelasan atau laporan di peringkat media itu dikatakan meluas, tidak ada tindakan. Jadi apa yang kita buat- sebagai badan penguat kuasa, pihak Polis akan bertindak berasaskan kepada *compelling evidence*. Itu *rule number one*.

Dia tak boleh berdasarkan kepada *assumption*. Itu *rule number two*.

*Rule number three* adalah siasatan itu harus profesional, telus dan mengikut lunas undang-undang. Berdasarkan kepada komitmen ini, sebagai badan penguat kuasa undang-undang, pihak Polis khususnya jenayah komersial ini dalam menjalankan tugas mereka panduan utama mereka adalah undang-undang yang kita luluskan.

Kalau di sana nanti yang Ahli Yang Berhormat nampak ada kekurangan dan kelemahan, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk mengangkat dan memaklumkan. Boleh jadi ada, boleh juga dalam bentuk kita rasa tindakan sudah diambil, tapi cara kita menjelaskan daripada segi komunikasi kita itu, ada kekurangan. Jadi persepsinya adalah orang terlibat masih bebas umpamanya, tapi saya sebutkan di sini, bila saya berdiri dalam Dewan ini, saya beri jawapan secara penuh tanggungjawab sebab saya juga ada pertanggungjawaban.



Kita mulakan dengan mengukuhkan dulu daripada segi *law and regulation*. Bina pasukan yang kompeten. Kita mengurus soal- nak *train* jenayah ini semakin kompleks ini. Sekarang dah sampai peringkat *AI tools, deepfake*. Tiba-tiba kita dengar di sebelah sana Perdana Menteri disebut seolah-olah memberikan satu ucapan persis suara dia yang sebenar. Ini *deepfake*.

Bayangkan nanti ke depan nanti, penipuan atas talian dalam bentuk *AI generative* ini. Itu juga satu cabaran yang kita jangka. Sudahkah kita bersedia, jawapan kita ya. Kita bersedia untuk memperkuatkan kompetensi Pasukan Polis menerima masalah yang kita nampak semakin mendatang. Kalau dia guna untuk tujuan baik tak apa Yang Berhormat.

Ada seorang Ahli Parlimen wanita di Amerika Syarikat. Dia ada masalah kesihatan. Suara dia hilang. Dia bagi ucapan dalam Dewan dengan menggunakan *AI tools*. Suara itu, tapi kalau direka *deepfake* ini dengan suara orang lain, kemudian disebar luas, maka fitnah itu akan berleluasa. Itu kalau bentuk fitnah, apa lagi dalam bentuk penipuan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita hadkan kepada dua. Datuk Seri Zurainah.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Boleh tambah satu lagi?

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat Menteri KDN. Hebat jawapannya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi macam Yang Berhormat Menteri, dia tahu sahaja apa yang saya tulis ini. Saya nak tanya adakah modus operandi pihak kerajaan mengambil kira kegunaan AI ini? Apakah yang akan kita lakukan, bagaimanakah *training* akan kita beri dan juga *last* sekali, boleh tak kita beri hukuman yang keras sikit kepada *scammers* ini. Geramlah rasanya. Terima kasih.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih soalan Yang Berhormat. Apakah KDN khususnya Pasukan Polis ada keupayaan daripada segi penguasaan ilmu baharu ini? *AI tools, artificial intelligence tools* dan segala macam. Jawapannya ya. Di Kementerian Dalam Negeri, saya telah mulakan satu unit yang kita panggil *Unit Data Science*. KDN ini kaya dengan data. Satu kementerian yang sangat kaya dengan data. Data ini *business* baharu dalam dunia ini. Sumber yang *generate income* baharu, nanti bukan lagi minyak dan gaskah sawit. Ia adalah data.

Kerana itu kita wujudkan Unit Sains Data ini khususnya untuk menganalisis kesemua data yang ada dalam KDN termasuk di bawah Polis Diraja Malaysia, Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, tentang *sexual abuse*, tentang *pedo* dan segala macam. Supaya bila data ini kita analisis, kita boleh *come out* dengan *predictive models*. Kita boleh menjangkakan apa yang akan berlaku dan kalau kita dah tahu, kita boleh *mitigate* untuk mengurangkan kesan itu.

Jawapan Yang Berhormat, ya. Kita punya bahagian itu dan latihan untuk membangunkan kompetensi pasukan polis khususnya di Bahagian Jenayah Komersial ini adalah satu usaha yang kita buat secara berterusan. Saya mohon sangat-sangat keyakinan dapat diberikan kepada pasukan Polis hari ini. Saya pun bawa sama Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial untuk dengar sendiri soalan Yang Berhormat sebagai bukti bahawa dalam Dewan ini Ahli Yang Berhormat adalah tergolong mereka yang punya *concern* terhadap isu yang dihadapi rakyat di luar. Terima kasih.

■1020

**Tuan Yang di-Pertua:** Sama-sama Datuk.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Sama soalan, tapi nak kena tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua lagi nak soal.

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Dato' Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Datuk Dr. Dominic dulu.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Izin Dato'?

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemudian Haji Hussin.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Terima kasih, terima kasih.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, penjelasan yang telah diberikan.

Memang ada banyak mangsa *scammer* itu bahawa simpanan duit mereka dicuri, banyak dan sampai tahap mereka kena membuat kerja-kerja yang lain dan ada kebanyakan juga yang sudah bersara.

So, soalan saya adalah mengenai apakah tindakan atau jaminan yang diberikan oleh kementerian itu untuk mengembalikan duit mereka? Satu.

Kedua ialah daripada segi selain daripada segi kewangan, apakah tindakan yang lebih sesuai untuk mangsa itu seperti kaunseling yang akan diberikan? Terima kasih.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ucap terima kasih.

Perspektif yang tepat kerana kita cuba bercakap bagi pihak rakyat yang menjadi mangsa. Betul ya. Saya nak *establish fact number one*. Trend penipuan ini, trendnya meningkat dan dia terkena kepada semua orang, tak kira latar, tak kira kaum. Pesara kah dia, profesional kah dia, ada doktor, ada peguam, ada *pilot*, semua ini, pesara guru, semua sekali. Bila kita *analyze* data siapa yang jadi mangsa, itu kelompoknya. Oleh sebab kita dah tahu *profiling* mangsanya begitu, maka itulah soalan Yang Berhormat adalah, apakah ada elemen kaunseling? Elemen pencegahan itu- satu komponen penting dalam jenayah komersial polis ini, menguruskan isu ini. Ada *outreach program* dalam bentuk seminar, ceramah, tulisan dalam

media, muncul di siaran-siaran media yang lain untuk menyebarkan mesej ini kepada rakyat, agar jangan ikut terjebak. Kalau sudah terkena, itu yang sebut tadi. *Hunting line* kita ialah 997.

Saya akui ada kekurangan sebab dia punya operasi adalah 8 pagi, 8 malam. Jadi, soalan yang orang tanya kepada saya, macam mana kalau *victim* kena tipu, takkan nak tunggu esok pagi? Itu aspek penambahbaikan yang saya sedang tengok, KDN sedang tengok dengan serius. Kalau ia nya berupa kekangan kakitangan, kami kena atasi perkara itu. Bank? Yes, dia 24 jam. Kalau ada yang kena tipu, 24 jam dia boleh beritahu dengan bank tapi pusat kami ini ada kekangan daripada segi masa. Dia tidak boleh lagi *operate* cara biasa kerana cabaran dan juga aduan ini harus memudahkan rakyat.

Prosesnya apa? Polis ini bila dia uruskan hal ini Yang Berhormat, mangsa akan dapat balik wang dia apabila dapat kita kesan dan selamatkan ini dalam tempoh julat masa antara tiga hingga enam bulan. Kita *parking* dulu, sementara kes itu dibawa ke mahkamah. Duit yang kita selamatkan, kita *parking* akaun dia, tapi jangan guna dululah. Nak bagi jaminan bahawa kita dah selamatkan. *At least*, tak ada lagi *layer*, kita *avoid layer* di mana duit itu berpindah, berpindah, berpindah. Jadi jawapan Yang Berhormat, amalan sekarang, ini di bawah Perkara 413, CPC. CPC, Yang Berhormat Speaker bantu saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kanun Jenayah.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Kanun Tatacara Jenayah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tatacara jenayah.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Okey- 413 adalah seksyen yang Polis guna pakai untuk mengembalikan semula wang kepada mangsa secara *temporary*. *Parking* dulu, dia belum guna sehingga kes itu diselesaikan di peringkat mahkamah. Jadi, ada *mechanic* itu dalam undang-undang sedia ada, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang terakhir ialah YB Tuan Haji Hussin.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Sangat terkait. Soalan daripada penyوال juga sama, Yang Berhormat Dato'. Terima kasih atas ruang yang diberikan. Sahabat saya, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya nak - agak lebih terkhusus.

Tadi Yang Berhormat sebut tentang ada lima kategori tak silap saya, lima, tetapi saya nak sebut ada satu lagi yang berlaku lagi sekarang ini. Bukan *scammer* nak minta duit tapi *scammer* sabotaj. Semua NGO misal contoh, saya spesifik kepada NGO itu. Ada satu *scammer* yang tukar wajah Pengerusi dia sedikit jadi muda. Tukar satu nombor pada IC. Tukar sikit, tapi akaun-akaun dia, yang isytihar pada publik bahawa NGO ini sedang buka untuk pinjaman tak perlu bayar. Bukan pinjam tak bayar. Pinjaman tanpa cagaran dan bayar modal asal.

Kes ini tujuannya- NGO mana ada duit untuk buat pinjaman, tetapi sudah pun di-*report* kepada polis, mungkin tak tepat dan juga *report* kepada MCMC. Masing-masing menjawab, kata macam tak ada penyelesaian. So, kalau ini dibiarkan, dia akan menjadi kes baharu. Mungkin ada pihak- sekarang dah banyak pihak yang dah tertipu dan ada yang telah pun menyatakan bahawa ini merupakan satu kerja yang itu dan kemungkinan ada *whistleblower* pula untuk bertindak terhadap NGO yang berkenaan menyatakan ini NGO penipu, berjanji tapi tidak tunai.

Saya tak faham apa benda tujuan dia nak, tetapi dah berlaku hampir setengah tahun. Sehingga hari ini, tak dapat penyelesaian. So, boleh masuk dalam satu kategori ini yang agak pelik saya tengok, tetapi minta respons daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Senator Cikgu Hussin. Saya panggil dia cikgu ya. Tadi saya bagi beberapa kategori. Pertama, jenayah telekomunikasi. Dia menyamar jadi Pegawai Lembaga Hasil ataupun dia kata ada kurier, barang kita dekat *airport*, tapi untuk keluarkan, kena bayar. Itu satu.

Kedua, jenayah *e-kewangan*. Dia *hack*, dia masuk, dia kuasai *mail* kita. Ketiga adalah *love scam*. Dia *establish* dulu hubungan *romantism*. Kemudian dia masuk jarum. Akhirnya, tertipu. Keempat, jenayah *e-dagang*. Masa saya di Kementerian Perdagangan dulu, ini jenayah *e-dagang* ini trend yang pernah dia iklankan. Orang beli. Beli *phone*, sampai batu bata pun ada. Dia *order* yang ori, sampai yang *fake*, contoh. Banyaklah dan trend itu pun meningkat. Saya yakin sahabat saya, Timbalan Menteri ada. Dia boleh sahkan trend itu.

Saya kata ada wujud tipu pelaburan. Dia *offer* pelaburan, tak wujud pun. Kemudian dia tipu pinjaman. Yang Berhormat sebut tadi, soal pinjaman gunakan platform NGO, tipu dalam bentuk itu. Kalau Yang Berhormat merasakan bahawa ada elemen lain, ciri lain yang tidak terangkum di dalam tafsiran jenayah komersial buat kami, kami sentiasa terbuka. *Engagement* macam inilah Yang Berhormat, membolehkan pihak Polis- dia tidak boleh beroperasi dalam *vacuum*, dia tak boleh beroperasi dalam statik. Isu ini dinamik. Tak jadi masalah 10 tahun dulu tapi menjadi masalah yang kompleks sekarang.

Seperti juga Yang Berhormat, dalam *scam* penipuan pekerjaan. Dulu tak berlaku, tujuh tahun dulu, sekarang menjadi-jadi. Jadi untuk itu, kita tingkatkan kerjasama ASEANAPOL, kita tingkat kerjasama dengan negara-negara lain untuk belajar pengalaman mereka. Sebab benda ini semua benda-benda baharu. Jadi, ia sangat kreatif, Yang Berhormat. Saya tak nafikan langsung isu Yang Berhormat bangkit itu wujud. YB sebut dah lebih setengah tahun misalnya, wujud.

Jadi untuk itu, panduan saya kepada Pasukan Polis, khususnya jenayah komersial. Demikian banyak cabaran yang semakin kompleks, tinggi harapan rakyat. Tugas kita adalah

perkukuhkan daripada segi undang-undang. Pihak Polis perkukuhkan daripada segi *enforcement*, tapi kalau di sana kita masih lagi, profil kes kita itu mendapati ini definisi yang wujud. Yang saya sebut tadi berdasarkan kepada *profiling* kes yang polis *develop*, itu adalah segmentasi yang kita *classified*-kan. Kalau Yang Berhormat rasakan bahawa ada keperluan untuk kita memasukkan dalam klasifikasi kita dalam makna dan takrif yang tadi, kalau sifatnya ada perbezaan, kami terbuka untuk melihatnya. Isu pokoknya apa? Kita selesaikan masalah yang dihadapi oleh mangsa. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Yang Berhormat Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman.

**2. Dato' Abdul Halim bin Suleiman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah persediaan dan program yang bakal dianjurkan oleh kementerian dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertamanya, saya nak mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Dato' Yang di-Pertua, atas pelantikan Dato' Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Selamat menjalankan tugas, Dato' Yang di-Pertua.

Keduanya, terima kasih diucapkan kepada sahabat, Dato' Halim. Bertanya tentang kesiapsiagaan negara dalam kita akan mempengerusikan ASEAN pada tahun 2025.

Dato' Yang di-Pertua, kementerian ataupun kerajaan menyedari kepentingan untuk mempertingkatkan kesedaran awam berkenaan dengan kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 selaras dengan nilai dan identiti ASEAN yang berpaksikan kepada rakyat.

#### ■1030

Oleh sebab itu, bagi membantu meningkatkan kesedaran awam bagi ASEAN dan kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2025, Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama dengan semua badan *sectoral* dan kementerian-kementerian yang lain.

Sebenarnya Dato' Yang di-Pertua, ASEAN ini bagi kita ada tiga Tonggak- tiga kluster utama iaitu Tonggak Politik-Keselamatan yang dipengerusikan oleh Kementerian Luar Negeri, Tonggak Komuniti Ekonomi atau Kluster Komuniti Ekonomi dipengerusikan oleh Kementerian Perdagangan dan Pelaburan dan tonggak ketiga iaitu Sosio-Budaya yang dipengerusikan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Jadi Dato' Yang di-Pertua, berbagai-bagai agensi, kementerian, jabatan dalam dan luar negara, pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan, komuniti setempat serta masyarakat

awam telah pun kita gerakkan untuk kita pastikan supaya kesedaran masyarakat awam terutamanya di Malaysia, kita sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 ini dapat dijayakan dan dapat didakap oleh masyarakat sebagai suatu kebanggaan kepada kita kerana pusingan untuk menjadi Pengerusi ini dia sepuluh tahun sekali. Kali terakhir kita menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2015 yang mana kita mengambil giliran pula pada tahun 2025 untuk kita menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun depan.

Berbagai-bagai persiapan yang dilakukan, kalau di peringkat Tonggak Politik dan Keselamatan Dato' Yang di-Pertua, Program Seranta dan Diplomasi Awam di seluruh negara termasuk di institusi pengajian awam, swasta, sekolah menengah, rendah serta Program Madani Rakyat, kita buat penganjuran ruang pameran ASEAN sempena Hari Terbuka Putrajaya baru-baru ini Dato' Yang di-Pertua. Pertandingan mereka cipta logo kepengerusian ASEAN, penggunaan media dan publisiti bermula daripada Februari tahun ini telah pun bermula dan juga bagi kerja promosi dan publisiti, semua PBT-PBT telah pun diminta dan telah pun mula.

PBT yang telah pun bermula Bandaraya Kuala Lumpur, Perbandaran Putrajaya, Majlis Perbandaran Sepang, Selayang, Bandaraya Shah Alam dan Sabak Bernam. Semua dah ada dia punya *e-banner* dalam dia punya kawasan masing-masing untuk mempromosikan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun depan.

Bagi Tonggak Ekonomi pula Dato' Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Pelaburan dan Perdagangan, dia buat bagai-bagai forum umpamanya ASEAN 2025, *Building an ASEAN* dengan izin, *Building an ASEAN-wide Middle-Class Society Forum*, *ASEAN Economic Integration Forum* bulan Ogos ini dan juga *ASEAN Youth Forum* pada bulan November.

Bagi Tonggak Sosio-Budaya pula yang diterajui oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Dato' Yang di-Pertua, bagai-bagai program telah dan akan dilakukan termasuk program *ASEAN Heritage Train: Enhancing Connectivity towards Cultural Diversity* dari bulan sembilan sampai 26 Julai yang lalu yang merentasi tiga buah negara ASEAN, bermula dari Laos, Thailand dan berakhir di Malaysia. Kemudian Program *Sustainability in Cultural and Creative Industries: ASEAN and Beyond* daripada 3 hingga 8 Jun tempoh hari di Kota Bharu, Kelantan. Projek perdana ASEAN, *Best of ASEAN Performing Arts* bertempat di *Malaysian Pavillion ASEAN* di Ekspo Dunia Osaka pada nanti.

Jadi berbagai-bagai program telah pun dan akan dibuat kerana kita mahu supaya rakyat Malaysia tahu dan juga bersama-sama untuk kita menjayakan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun hadapan Dato' Pengerusi. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman:** Terima kasih jawapan yang diberikan oleh Menteri. Saya melihat ini satu platform untuk kita mempertingkatkan keyakinan pelabur-pelabur dalam negara kita. Cuma, pertanyaan saya, apakah penekanan atau fokus yang bakal

diberikan oleh Malaysia serta apakah manfaat yang akan dijangka akan diperolehi oleh negara dan rantau ini memandangkan keadaan politik negara-negara luar juga dalam keadaan yang tidak menentu? Apakah yang perlu kita lakukan untuk memastikan bahawa ianya dapat dilakukan secara berjaya dalam negeri kita? Terima kasih.

**Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Berkenaan dengan apakah manfaat yang boleh kita dapat sebagai menjadi Pengerusi kepada ASEAN pada tahun 2025. Saya baharu balik dari Laos, ada Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN bersama dengan rakan-rakan dialog dan bukan rakan dialog. Itu sebab minta maaf Dato' Yang di-Pertua, kerana tak dapat menjawab soalan pada minggu lepas selama lima hari.

Blok ASEAN ini Dato' Yang di-Pertua merupakan sebuah blok yang amat penting di dunia. Itu sebabnya kesemua pemimpin-pemimpin, Menteri-Menteri Luar ASEAN terutamanya rakan-rakan dialog datang dan bersama-sama di dalam kita punya mesyuarat bilateral antara ASEAN dengan rakan dialog dan juga ada juga *side meeting* dengan rakan dialog.

Mereka kesemuanya mahu melihat supaya ASEAN ini diperkasakan dan ASEAN merupakan satu rantau yang mana pertumbuhan ekonomi yang paling cepat dalam dunia. Itu sebabnya kepentingan blok ASEAN ini mendapat perhatian daripada seluruh dunia Dato' Yang di-Pertua. Itu sebabnya Malaysia perlu mengambil kesempatan ini sebagai Pengerusi tahun depan untuk kita membawa sebanyak mungkin forum-forum, membawa sebanyak mungkin- ini di bawah kluster ekonomi sebenarnya yang akan membawa seperti mana *ASEAN Business Advisory Council Malaysia Chapter* telah pun merancang akan ada beberapa forum-forum, akan membawa seramai mungkin rakan-rakan mereka yang mahu melihat bagaimana cara untuk kita jadikan Malaysia ini sebagai sebuah negara yang mana pertumbuhan ekonominya amat dibanggakan.

Ramai rakan-rakan sejawat saya bertanya apa rahsianya Malaysia dalam suku pertama kita tumbuh, pertumbuhan ekonomi 4.2 peratus. Suku kedua ramai yang menjangkakan kita akan terkial-kial di bawah empat peratus, tetapi kita boleh tumbuh sebagai 5.8 peratus dalam keadaan ekonomi dunia yang tak menentu, di mana iklim pelaburan tidak menggalakkan, tapi pertumbuhan ekonomi kita melonjak. Jadi ini banyak negara yang meninjau dan mahu melihat dan mereka bertanya apakah kita punya model ekonomi, apa fokus kita.

Kita berkata kita nak adakan apa yang dipanggil sebagai *to raise the ceiling and also to raise the floor*. Kita nak supaya kita menggalakkan ekonomi berprestij tinggi, teknologi tinggi datang ke Malaysia, terutamanya dalam kita usaha menjayakan apa yang dipanggil sebagai *energy transition* punya *road map* juga kita punya, *digital transformation roadmap* yang kita

telah pun perkasakan dan akan kita jadikan sebagai tonggak untuk kita memperkasakan ekonomi negara kita bermula dari tahun ini. *Insyah-Allah* Dato' Yang di-Pertua.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Soalan tambahan Yang di-Pertua...

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Arman.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, adakah ASEAN akan datang akan membincangkan keberadaan negara-negara ASEAN dalam BRICS kerana BRICS ini akan merungkup tiga-tiga perkara yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi? Terima kasih.

**Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan:** Dato Yang di-Pertua, BRICS ini adalah satu lagi blok negara-negara yang bermula daripada lima buah negara. Macam juga ASEAN dulu bermula daripada lima buah negara, tetapi BRICS telah pun membuka keahliannya. Ada lagi lima buah negara yang baharu diterima awal tahun ini termasuklah UAE, termasuk Egypt dan juga beberapa buah negara lain, Iran dan juga- kepentingan ASEAN ini mengatasi segalanya bagi ahli-ahli ASEAN. Kita tidak mahu ASEAN ini berpecah kerana *centrality of ASEAN- ASEAN centrality*, ini penting. Ini menjadi sebagai suatu platform yang amat kuat kerana- terutamanya dalam rantau Asia Tenggara ini satu-satunya negara kawasan bebas, aman dan berkecuali. Itu kita punya asas. Kita tak mahu dipecah-pecahkan.

#### ■1040

Itu sebabnya dalam isu Laut China Selatan, dalam isu yang lain-lain, kita nak supaya dia diselesaikan secara rundingan bersama iaitu *ASEAN approach*. Kita tidak mahu ada pihak-pihak yang nak mengambil kesempatan dan menjadi hero, menjadi sebagai juara untuk menyelesaikan masalah ASEAN. Biar masalah dalam ASEAN diselesaikan oleh anggota ASEAN secara berdialog dan juga kita berunding bersama-sama.

Jadi, BRICS ini, Dato' Yang di-Pertua, merupakan suatu blok yang tidak formal. Bukannya satu blok yang kalau menjadi anggota, dia BRICS ini, kita mesti menandatangani *treaty of amity, treaty of-* macam-macam triti. Macam nak masuk ASEAN. Timor-Leste sekarang berstatus sebagai pemerhati. Dia nak menjadi ahli penuh, mesti menandatangani undang-undang, triti-triti yang ada, 84 triti semuanya.

BRICS tidak begitu. BRICS satu grup negara-negara yang longgar, yang tidak mempunyai apa-apa keperluan untuk kita menandatangani apa-apa triti di dalamnya. Jadi, kita melihat ia sebagai suatu blok yang boleh menjadi sebagai suatu platform yang baik kepada negara kita untuk kita bersuara di peringkat- selain daripada ASEAN, BRICS merupakan suatu blok yang lebih baik, yang lebih besar dia punya anggota yang mempunyai penduduk ataupun *population* lebih daripada dua bilion yang mempunyai dia punya GDP yang besar.



Jadi, kita telah pun menyatakan kita untuk menjadi sebagai ahli. Semalam, Menteri Luar Rusia datang. Saya jemput dari Laos. Dia ada bersama di Laos. Datang, dia singgah sebelum balik ke Moscow dan kami telah menyatakan bahawa Malaysia mempunyai minat untuk menjadi anggota BRICS jika ada dibuka untuk keanggotaan baharu bagi BRICS ini, Dato' Yang di-Pertua. *Insyallah*.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri nak jawab?

**Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh. *Ask*.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Dengan izin, saya nak ambil kesempatan ini mengalu-alukan kehadiran daripada *Junior Chamber* dan juga Parti Gerakan Sabah dekat sini... *[Tepuk]*

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri telah membuatkan penjelasan tadi untuk persediaan kesedaran awam yang kita akan menjadi Pengerusi ASEAN tahun depan. Soalan saya ialah, seperti Yang Berhormat Menteri mengatakan, Blok ASEAN itu penting, terutamanya daripada kerjasama yang serantau di negara ini. Memang tahun ini Laos ialah menjadi pengerusi. Tahun depan, kita akan menjadi pengerusi.

So, soalan saya ialah apakah jurang yang kita mesti mengambil perhatian semasa kita menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun depan? Terima kasih.

**Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan:** Saya tak pasti apa maksud soalan jurang kerana tidak ada jurang di antara Laos dengan Malaysia.

Cumanya, setiap negara yang menjadi pengerusi, dia ada dia punya keutamaan. Keutamaan Laos lain. Keutamaannya ialah berkenaan dengan dia punya tema, '*Connectivity and Resilience*', sebab Laos memerlukan *connectivity*, kesalinghubungan yang baik. Perlu banyak negara- misalnya, Malaysia perlu ada *direct flight* dari Kuala Lumpur ke Vientiane di mana kita telah pun memulihkan semula penerbangan Kuala Lumpur ke Vientiane, dua kali seminggu daripada awal bulan Ogos ini, Dato' Yang di-Pertua, kerana dulu terhenti selepas daripada COVID-19 dan macam-macam.

Malaysia pula, kita mempunyai keutamaan kita nanti, tapi saya tak boleh beritahu awallah kerana kita akan nanti bentangkan semasa Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN pada bulan Oktober nanti di Laos. Di situ nanti, Malaysia akan menerima mandat sebagai Pengerusi Negara-negara ASEAN pada tahun 2025 dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nanti akan membentangkan keutamaan termasuk tema kita pada ketika itu.

Juga, kita akan membentangkan hala tuju kita. Bukan sahaja sebagai negara yang akan mempengerusikan ASEAN pada tahun 2025 nanti, tetapi Malaysia juga diberikan penghormatan sebagai negara yang akan menjadi '*permanent shepherd*', dengan izin Dato'

Yang di-Pertua. Dulu, kita buat 2015 dulu, kita Pengerusi ASEAN, kita menjadi sebagai peneraju kepada apa yang dipanggil sebagai Komuniti ASEAN 10 tahun. Dasar, *vision* 10 tahun Komuniti ASEAN

Pada kali ini, kita bersetuju supaya Malaysia membuat rangka kerja pelan tindakan dan juga kita punya hasrat, *vision* kita untuk Komuniti ASEAN, bukan sahaja 10 tahun, tetapi 20 tahun dari tahun 2025 sehingga tahun 2045. Ini akan kita bentangkan, apa hasrat kita, apa hasrat ASEAN, Komuniti ASEAN yang besar. *Connectivity*-nya bukan sahaja daripada segi hubungan jalan raya, tetapi hubungan ekonomi *intra-ASEAN*.

Kerana, ASEAN ini, dia punya GDP besar-besar, tetapi perdagangan *intra* negara ASEAN itu amat sedikit. Cumanya, Malaysia-Singapura, Malaysia-Indonesia banyak, tetapi dengan negara-negara lain, mereka berdagang dengan negara luar daripada ASEAN lebih banyak daripada berdagang bersama, sesama sendiri dalam negara ASEAN. Ini nak kita perkasakan kerana banyak lagi kita punya potensi untuk kita mempertingkatkan dagangan *intra-ASEAN*, sesama kita dalam negara ASEAN. Ini juga sebagai salah satu keutamaan Malaysia nantilah daripada segi ekonominya. Yang lain-lain nanti, tunggulah bulan Oktober. Terima kasih.

**Datuk Lim Pay Hen:** Dato' Yang di-Pertua, satu soalan boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan:** Boleh. Tak ada masalah. Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh. Datuk Lim Pay Hen.

**Datuk Lim Pay Hen:** Okey, terima kasih banyak Dato' Speaker dan Yang Berhormat Menteri. Kementerian sebelum ini telah memutuskan bahawa Sidang ASEAN 2025 tidak akan memusatkan semua sidang di Kuala Lumpur. Jadi, apakah antara negeri yang akan menjadi pilihan mesyuarat ASEAN kelak? Adakah kerajaan akan membangkitkan berkaitan gesaan untuk menubuhkan agensi angkasa ASEAN yang pernah dicadangkan dan dibincangkan pada pameran LIMA Langkawi yang lalu? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada rakan yang bertanyakan.

Berkenaan dengan pemusatan ataupun pembahagian ya- kita tak panggil pemusatan. Sebab, saya telah pun beritahu bahawa kita ada 300 lebih mesyuarat pada tahun depan. Ada tiga Tonggak. Tonggak Keselamatan dan Politik saja ada 257 mesyuarat. Kita ada banyak kementerian- termasuk Kementerian Dalam Negeri sebagai di bawah kita punya tonggak tersebut. Ada 300 lebih mesyuarat.

Jadi, kita tidak akan pusatkan semua kita punya mesyuarat-mesyuarat tersebut, Dato' Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur sahaja. Kita akan bahagi-bahagikan. Kita akan juga minta dan juga kita pun telah kenal pasti, kalau boleh, *on best effort basis*, dengan izin, dengan

sedaya upaya kita, kita nak supaya pembahagian mesyuarat-mesyuarat ini, kita bahagi, kita bawa seluruh negeri-negeri di dalam negara kita supaya ia dapat dirasai dan juga masyarakat di Malaysia dapat juga melihat dan juga mengetahui apa itu ASEAN.

Cumanya, Dato' Yang di-Pertua, saya nak ambil kesempatan di sini, supaya negeri ataupun PBT yang telah kita pun kenal pasti untuk kita buat mesyuarat, misalnya nanti pada mesyuarat pertama sekali, mesyuarat menteri-menteri, *retreat* Menteri-Menteri Luar ASEAN, kita akan buat di Langkawi. Jadi, jalan berlubang-lubang itu kena turaplah supaya jangan banyak lembu berada di atas jalan raya. Jadi, itu kena nak lihat supaya PBT-PBT negeri-negeri memainkan peranan.

Berkenaan dengan pusat angkasa lepas tersebut, dia masih lagi dalam perancangan, tetapi Malaysia telah menerima banyak cadangan iaitu untuk Malaysia menjadi sebagai pusat pelancaran kepada satelit di negara kita. Kita belum lagi pilih negeri, tempatnya di mana, tapi ada lima, enam buah negara telah minta supaya Malaysia menjadi sebagai pusat pelancaran satelit ke angkasa lepas di negara kita. Ini akan kita bincang dengan kementerian-kementerian, agensi-agensi yang berkenaan sebelum dibawa ke Kabinet untuk kita pastikan ia dapat direalisasikan. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad.

**3. Datuk Dr. Azhar bin Ahmad** minta Menteri Ekonomi menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan kadar inflasi dapat dikawal dan apakah usaha yang akan dilakukan oleh kerajaan dalam memastikan rakyat tidak terlalu terbeban dengan kos sara hidup yang dilihat semakin meningkat.

#### ■1050

**Menteri Ekonomi [Tuan Mohd Rafizi bin Ramli]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan tahniah atas pelantikan.

Dalam tempoh separuh pertama 2024, kadar inflasi telah mencatatkan peningkatan pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 1.8 peratus berbanding kadar 2.5 peratus bagi tempoh yang sama, setahun sebelum itu. Itu telah kekal pada paras dua peratus dan ke bawah bagi tempoh 12 bulan berturut-turut sejak Julai 2023.

Penyederhanaan inflasi ini dinilai berdasarkan peningkatan harga barangan, sama ada dari sebulan ke sebulan atau pun dari setahun ke setahun yang sudah tentu lebih perlahan dan lebih stabil. Ia bukan bermakna penurunan harga barang secara keseluruhan. Bila kita lihat kepada bakul-bakul barang dan perkhidmatan, ada yang memang menurun, tetapi sebahagian besarnya, kenaikan itu menyederhanakan sejak 12 bulan yang lepas. Pun begitu, kerajaan sedar bahawa masalah kos sara hidup ini adalah masalah yang perlu

ditangani dengan berkesan di Malaysia dan ia juga merupakan masalah yang sama di seluruh dunia.

Faktor-faktor ini adalah disebabkan sebahagiannya peningkatan kos pengeluaran disebabkan oleh kenaikan kos operasi, sebahagian besarnya juga ialah ketidakpastian bekalan dan pasaran akibat isu geopolitik.

Pertamanya, selepas dunia mengalami COVID-19. Kemudian, bersambung pula dengan beberapa masalah geopolitik dan juga keadaan ekonomi dunia secara keseluruhan termasuk ketidakpastian kadar mata wang dan lain-lain.

Dato' Yang di-Pertua, usaha-usaha kerajaan untuk membantu rakyat menangani kos sara hidup ini boleh dikelaskan kepada empat strategi utama. Pertama ialah untuk meningkatkan bekalan dan jaminan makanan untuk rakyat menerusi pelbagai program pertanian pada skala yang besar. Contohnya, Program Penguatan Keterjaminan Makanan 2024 dengan kos sebanyak RM400 juta bagi pelaksanaan aktiviti pemantapan rantai makanan dan penguatan pasaran agromakanan.

Kerajaan juga telah mempercepatkan usaha untuk memodenkan industri padi beras negara termasuklah dengan pelaburan melebihi RM3 bilion untuk menaik taraf sumber air bagi memastikan penyaluran air yang lebih baik terutamanya di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Kedah. Program penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun juga dijangka akan berupaya meningkatkan purata hasil padi beras negara sebanyak 15 peratus.

Selain daripada itu, kerajaan juga menyediakan dana-dana khusus untuk mempercepatkan pemodenan industri tani negara termasuklah Program Pemerkasaan Industri Akuakultur, kos sebanyak RM30 juta. Dana teknologi dan automasi di rantai nilai agromakanan, kos RM50 juta. Beberapa langkah untuk menstabilkan bekalan makanan ini adalah menunjukkan hasil yang baik. Contohnya, keputusan kerajaan untuk membenarkan import ayam telah berjaya mengekalkan harga pada paras yang berpatutan walaupun harga ayam diapungkan.

Ada juga program-program lain. Contohnya kerajaan membuka tanah-tanah kerajaan untuk pertanian moden pada skala nasional melalui Program IPR-INTAN dan fokusnya ialah kepada tanaman-tanaman kontan yang buat masa sekarang ini banyak diimport. Contohnya, sasaran melalui INTAN ialah untuk memastikan kita berjaya meningkatkan SSL atau pun tahap *self-sufficiency level*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, daripada 30 peratus sekarang kepada 50 peratus dalam tempoh dua tahun dari sekarang. Itu yang pertama iaitu menstabilkan sumber bekalan makanan melalui pasaran.

Kedua, untuk kita memberi tumpuan kepada persoalan gaji kerana kos sara hidup ini melibatkan dua perspektif. Satu ialah kos, satu ialah pendapatan rakyat. Sebab itu beberapa pendekatan besar telah bermula. Untuk kakitangan awam contohnya, semakan gaji penjawat

awam telah dimuktamadkan dan akan diumumkan dalam masa yang terdekat. Proses menyemak gaji minimum contohnya, berlaku seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang di bawah Majlis Perundingan Gaji Negara dan pada masa yang sesuai, akan diangkat ke Jemaah Menteri.

Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Ekonomi juga contohnya, telah pun memulakan projek rintis Dasar Gaji Progresif untuk membolehkan gaji sektor swasta yang berada di paras permulaan dan paras yang RM5,000 ke bawah itu juga ada campur tangan daripada kerajaan untuk memastikan kenaikan gaji secara berkala.

Tumpuan kerajaan kepada aktiviti-aktiviti yang berteknologi tinggi yang disebut sebagai *high growth, high value* juga dijangka akan memberikan gaji yang lebih baik melalui penghasilan kerja yang bermutu tinggi. Contohnya, usaha kerajaan yang terkini untuk menskalakan industri semi konduktor melalui reka cipta semi konduktor telah membuka peluang pekerjaan kepada graduan pada gaji permulaan RM6,500. Itu adalah strategi kedua.

Strategi ketiga, sudah tentu untuk meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan harga yang berpatutan dan mengelakkan aktiviti mengaut keuntungan secara berlebihan. Ini dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan kita telah melihat pelbagai Ops dan juga operasi-operasi yang telah diambil yang sudah pun ada keberkesanannya. Contohnya dalam mengekang penyeludupan diesel dan juga kesan inflasi selepas pengapungan harga diesel.

Terakhir Dato' Yang di-Pertua, strategi keempat ialah memastikan bahawa bantuan-bantuan kepada kumpulan-kumpulan secara bersasar ini ditambah. Ini termasuklah meningkatkan jumlah peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah kepada RM10 bilion bagi tahun 2024 dan juga bantuan-bantuan lain, sama ada melalui SARA, untuk menoktahkan kemiskinan. Contohnya, seluruh agensi kerajaan digerakkan dan bayaran tambahan diberikan supaya keluarga-keluarga ini melepasi garis kemiskinan tegar. Juga dalam sebarang dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan, tumpuan diberikan untuk memastikan kumpulan sasaran berpendapatan rendah mendapat bantuan tunai tambahan. Contohnya, melalui bantuan tunai RM200 di bawah Program BUDI MADANI selepas pengapungan diesel dilakukan.

*Insyah-Allah* dengan strategi yang begini, yang meliputi keseluruhan aspek yang mempengaruhi kos sara hidup rakyat, *insyah-Allah* perkara ini akan dapat meringankan beban rakyat dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Soalan.

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang saya rasa lengkap, lagi melengkap. Soalan tambahan saya begini, PADU telah dilancarkan oleh Yang Berhormat PM sekitar pada 2 Januari 2024. Mendapat

sambutan yang baik apabila lebih kurang 58.7 peratus rakyat yang mendaftar dengan sistem PADU ini. Kalau daripada segi angkanya, lebih kurang 17 juta lebih yang telah mendaftar.

Soalannya, apakah rancangan kerajaan bagi membantu mereka yang telah mendaftar ini, yang layak dibantu bagi memastikan seperti mana Yang Berhormat Menteri sebut tadi, yang layak dan dibantu agar mereka terkeluar daripada bebanan hidup buat waktu ini? Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

#### ■1100

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Dato' Yang di-Pertua. PADU dibangunkan oleh kerajaan untuk memastikan ada satu pangkalan data utama yang bersepadu yang mengambil semua data daripada agensi-agensi kerajaan untuk memberikan gambaran yang lengkap tentang kedudukan sosioekonomi sesebuah isi rumah.

*Used case* pertama, maknanya penggunaan yang pertama ialah membangunkan satu sistem penyaluran bantuan bagi tujuan subsidi bersasar. Oleh sebab itu, daripada segi ketersediaannya, PADU sudah pun bersedia dan juga pelbagai pendekatan-pendekatan baharu yang sebelum ini tidak digunakan, sudah pun digunakan di dalam PADU. Contohnya, memastikan bahawa penentuan kelayakan penerimaan bantuan itu tidak semata-mata berdasarkan satu garis pendapatan nasional, tetapi mengambil kira tentang kedudukan dan kos sara hidup mengikut daerah-daerah, mengikut tanggungan keluarga dan mengambil kira perbelanjaan untuk menjalani kehidupan yang wajar.

Konsep-konsep ini telah dibangunkan dan penentuan keluarga-keluarga itu telah pun tersedia di dalam PADU, tetapi kerajaan buat masa sekarang memberi tumpuan untuk melaksanakan pensasaran subsidi kepada diesel terlebih dahulu. Ini juga sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memastikan sebarang perubahan dasar itu tidak berlaku mendadak sehingga mendatangkan kesan-kesan sampingan kepada rakyat.

Apabila kerajaan telah membuat keputusan mengenai perkara-perkara lain termasuklah contohnya, subsidi RON95, tidak seperti keadaan sebelum ini, kita telah pun ada data yang bersepadu yang telah diharmonikan dan telah disahkan untuk membolehkan kerajaan dengan segera melaksanakan apa-apa bentuk pensasaran subsidi dan bantuan kepada keluarga yang memerlukan.

Untuk tempoh masa yang akan datang, oleh sebab PADU adalah satu pangkalan data bersepadu kerajaan, itu membolehkan semakan-semakan bagi bantuan-bantuan lain dan juga program-program khusus untuk membantu rakyat itu boleh disemak terus dengan PADU.

Saya bagi contoh, Kementerian Sumber Manusia, MITI dan Kementerian Ekonomi sedang menjalankan- contohnya akademi dalam industri iaitu untuk pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah yang tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Sebarang- mereka akan diberikan kerja terus dan akan disijilkan daripada pengalaman bekerja itu. Melalui PADU contohnya, kita boleh mengenal pasti terus penerima-penerima seperti ini yang wajar ditawarkan dan ini akan membolehkan pendekatan kerajaan berubah secara berfasa daripada sebelum ini membangunkan program untuk rakyat.

Kemudian, perlu mendapatkan pendaftaran rakyat dan mencari penerima-penerima kepada satu kaedah yang mana setiap program yang dibangunkan oleh kerajaan untuk rakyat itu telah pun dikenal pasti dan disesuaikan terus dengan penerima-penerima yang memang kita sedia maklum ada di dalam PADU. *Insyaa-Allah* perkara ini akan berlaku secara berfasa dan bergantung kepada keputusan kerajaan mengenai setiap program-program rakyat yang dibangunkan oleh kementerian-kementerian. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Abun dulu berdiri.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Menteri yang menjawab dengan baik sekali. Saya ingin bertanya berkaitan dengan IPR dan juga IKR. Saya nampak program ini sangat baik untuk rakyat di seluruh negara, termasuk juga di Sarawak.

Adakah kerajaan akan meneruskan usaha ini dan melihat kepada kekangan-kekangan yang ada terutamanya ada yang tidak ada akaun JKK, ada yang geran tanah tidak ada. Jadi, ini yang menyebabkan sebahagian daripada rakyat di Sarawak tercicir. Bolehkah kerajaan mempermudah syarat-syarat begini supaya semua kelompok desa dan rumah panjang menerima program yang baik ini. Terima kasih.

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat Abun, terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya ingat soalan itu lebih menjurus kepada INTAN iaitu bagaimana kerajaan membina infrastruktur pertanian moden di atas tanah-tanah yang kemudian menggaji penerima-penerima daripada kalangan keluarga B40 dan miskin tegar.

Ada beberapa perkara yang kita perlu patuhi. Oleh sebab pelaburan kerajaan ini adalah wang rakyat, maka kita perlu memastikan pemilikan tanah itu betul-betul sah. Pertamanya, kerajaan tidak boleh membelanjakan wang rakyat ke atas tanah milik swasta kerana infrastruktur itu akhirnya akan menjadi milik swasta.

Jadi, sebab itu buat masa sekarang, daripada lebih 1,100 ekar tanah yang dibuka di seluruh negara, semuanya itu adalah di atas tanah kerajaan kerana infrastruktur pertanian moden yang dibangunkan melalui INTAN ini akhirnya adalah milik kerajaan. Cuma, penerima-penerima itu selepas mereka keluar daripada garis kemiskinan, akan ada kumpulan yang baharu masuk.

Kita sudah tentu sedang meneliti juga bentuk-bentuk program yang boleh melibatkan lebih banyak tanah-tanah selain daripada tanah kerajaan termasuk tanah swasta ataupun tanah-tanah yang tidak termasuk tanah kerajaan, swasta, kadang-kadang tanah persendirian dan sebagainya. Pun begitu, syaratnya itu perlu berbeza-beza dan apa pun, mestilah ada

perjanjian yang sah, yang membolehkan bahawa peruntukan dan pelaburan kerajaan itu dilindungi.

Kebimbangan saya contohnya, kalau kita terlalu memudahkan sehingga kita tidak mengambil kira perkara-perkara terutamanya melibatkan pemilikan, itu akan membolehkan pihak-pihak tertentu akan mengambil kesempatan melalui tindakan undang-undang dan sebagainya. Ada faktor-faktor yang unik di Sarawak, sebahagiannya juga di Sabah. Perkara ini sedang diperhalusi. Sudah tentu kita akan mengambil semua pandangan undang-undang sebelum kita membuat keputusan.

Cuma keadaannya sekarang ialah tanah-tanah yang kerajaan ada, baik kerajaan Persekutuan, di bawah PTG ataupun kerajaan-kerajaan negeri, tanah-tanah ini pun sudah cukup luas untuk kita bangunkan sebelum pun kita masuk ke tanah-tanah persendirian dan swasta.

Jadi, tumpuan buat ketika ini ialah untuk membolehkan tanah-tanah kerajaan yang tidak diusahakan ini, dibuka seluas-luasnya kepada rakyat dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan membina infrastruktur pertanian moden ini. Saya ingat ini juga sudah memadai untuk membolehkan penerima-penerima dari seluruh negara mula menyertai pertanian moden yang pulangnya memberi gaji sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan kepada keluarga-keluarga miskin tegar dan B40.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Mohon mencelah Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya sangat tertarik dengan ruang pembukaan tanah kerajaan yang akan diberi izin untuk pembangunan, misalnya pertanian, tetapi ada satu benda yang saya fikir sangat serius bila terutamanya sekali usahawan yang kecil mohon memiliki tanah kerajaan. Ada satu hal yang sangat berat di situ ialah perlu membayar premium yang sangat tinggi. Kalau kadang-kadang sesetengah negeri, premium untuk pajakan pun, sekurang-kurangnya sekitar 50 persen daripada harga asal. Mohon komen ataupun dengan dasar ini, nilai premium itu boleh dipertimbangkan supaya kecil sebab sebahagian kos premium itu sudah habis modal kerja. Terima kasih.

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebelum ini memang sudah ada pelbagai program terutamanya di bawah KPKM yang memberikan tanah-tanah kerajaan ini untuk dibangunkan oleh usahawan kecil ataupun sektor swasta.

Pandangan saya, perkara itu sukar dilakukan kerana modal untuk melaksanakan satu infrastruktur pertanian moden ini melibatkan jutaan Ringgit dan ia memerlukan beberapa pusingan tuaian sebelum teknologi dan sebelum pasarannya itu dapat diperbetulkan.

■1110



Malah, ia juga perlu dilaksanakan pada skala yang besar. Kalau satu, dua ekar itu, memang kos infrastrukturnya terlalu tinggi. Sebab itu kalau di tapak-tapak INTAN, sekurang-kurangnya 20, 30 ekar ke atas.

Hak untuk menentukan premium itu adalah hak kerajaan negeri masing-masing, kerana itu satu-satunya sumber pendapatan kerajaan negeri. Pada pandangan saya, apa pun peraturan untuk menetapkan premium, ia mestilah pada keadaan yang membolehkan kerajaan negeri mendapatkan hasil mencukupi dan pada masa yang sama, tanah-tanah yang diberikan ini dapat dibangunkan dengan berkesan supaya ia ada limpahan ekonomi.

Jadi, sebab itu di Kementerian Ekonomi, apabila kita membangunkan INTAN, kita telah pun melihat kekangan-kekangan dan kegagalan-kegagalan yang lepas apabila tanah-tanah diberikan kepada usahawan, tetapi mereka tidak ada modal untuk membangunkannya. Akhirnya, sama ada tanah itu terbiar ataupun tanah itu disub, sub, sub, sub kepada orang.

Sebab itu kerajaan mengambil pendekatan, lebih baik tanah Kerajaan Persekutuan dan tanah kerajaan negeri diberikan untuk tempoh lima tahun, lima tahun, lima tahun, untuk Kerajaan Persekutuan membangunkan infrastruktur atas 100 ekar, 50 ekar yang akan memberi pekerjaan kepada 100 orang, 200 orang di atas satu tapak, kerana ia dikawal sepenuhnya dan modal itu datang daripada kerajaan. Akhirnya, aset ini adalah aset kerajaan, yang mana peserta-peserta boleh diganti daripada satu kohort ke satu kohort yang akan datang.

Buat masa ini Yang Berhormat Senator, saya berterima kasih kepada semua negeri. Baik yang pembangkang ataupun kerajaan kerana sambutan kepada IPR INTAN ini cukup baik kerana ia melibatkan semua pihak. Kerajaan negeri pun, walaupun tidak mendapat sewa-kita tidak sewa sebenarnya daripada kerajaan-kerajaan negeri yang bagi ini. Dia bagi tanah sahaja, tetapi mereka sedia maklum bahawa infrastruktur itu ada di situ dan daripada tanah itu terbiar, sekurang-kurangnya kumpulan miskin tegar dalam kawasan itu mendapat pekerjaan kerana dengan gaji RM2,000 sebulan minimum, ia samalah seperti membuka kilang di kawasan-kawasan pedalaman yang sangat sukar oleh kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan untuk meyakinkan pelabur untuk membuka kilang.

Kalau perkara ini dapat diteruskan, saya- sasaran kita untuk menskalakan pertanian moden ini kepada puluh ribu ekar di seluruh negara, saya ingat itu jalan yang lebih selamat sekarang, berbanding dengan kita memberikan tanah kepada usahawan dan sebagainya, sekiranya mereka tidak mempunyai kepakaran dan juga kemampuan kewangan untuk mengusahakannya pada skala yang sepatutnya. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Dato' Yang di-Pertua,

*Pergi ke kedai membeli bunga,  
Kelopak bunga renyuk berlipat;  
Kebersihan sungai harus dijaga,  
Mohon Menteri jawab soalan empat.*

**4. Dato' Sri Ti Lian Ker** minta Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam menyatakan, kadar pemantauan terhadap kualiti 672 buah sungai di seluruh negara dan apakah intervensi kementerian dalam menangani kemerosotan kualiti air sungai menerusi Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan (JKKAS) yang ditubuhkan.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Dato' Sri Huang Tiong Sii]:**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri.

Pada tahun 2023, sebanyak 1,353 buah stesen pengawasan kualiti air sungai manual yang merangkumi 672 buah sungai telah dipantau di negara ini dengan kekerapan pensampelan bagi setiap stesen, dijalankan sebanyak enam kali setahun. Selain itu, terdapat juga 30 buah stesen pengawasan kualiti air sungai automatik yang bertujuan untuk memantau kualiti air sungai di hulu takat pengambilan air di sungai-sungai utama yang menjadi sumber bekalan air.

Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan (JKKAS) yang dipengerusi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri (II) telah ditubuhkan, bertujuan untuk memantau isu dan langkah-langkah menangani pencemaran sungai yang merentasi bidang kuasa pelbagai jabatan, kementerian dan kerajaan negeri. Jawatankuasa ini diterajui oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Menerusi Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan (JKKAS), ia ditubuhkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri (II) menetapkan bahawa tiga syor yang dikemukakan dalam pembentangan Jabatan Alam Sekitar adalah dipersetujui seperti berikut.

Pertama, kerja yang melibatkan semua pihak berkepentingan di peringkat persekutuan, kerajaan negeri, PBT dan NGO berkaitan akan diadakan dalam tempoh sebulan selepas mesyuarat ini, bagi melihat keseluruhan peraturan serta memperincikan tindakan bersepadu, pemantauan, penguatkuasaan dan pencegahan pencemaran supaya semua tindakan adalah selari dalam usaha meningkatkan kualiti air sungai negara.

Kedua, mewujudkan jawatankuasa khas di peringkat negeri bagi memantau kualiti air sungai dan setiap agensi memainkan peranan dalam pengurusan sungai di negeri mengikut bidang kuasa dan bidang tugas setiap agensi masing-masing. Penentuan struktur Jawatankuasa tersebut diserahkan kepada negeri masing-masing.

Ketiga, mesyuarat bersetuju supaya tindakan penguatkuasaan, peranan dan kebersamaan semua jabatan/agensi peringkat persekutuan, negeri dan PBT bagi tindakan penguatkuasaan mengikut bidang kuasa masing-masing ke atas punca pencemaran dalam menyasarkan kualiti air sungai yang bersih demi kesejahteraan rakyat.

Dalam hal ini, Bengkel Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan telah dilaksanakan pada 3 hingga 4 Julai 2024 dengan kehadiran daripada pelbagai agensi di peringkat Persekutuan dan negeri bagi membincangkan dan memperhalus tindakan yang perlu diambil bagi setiap agensi, pihak berkuasa tempatan (PBT), kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan, berdasarkan bidang kuasa masing-masing dalam menangani isu pencemaran sungai di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua. Isu berkenaan kualiti sungai seluruh negara bukanlah satu perkara yang baharu. Puncanya berlaku pencemaran adalah antaranya disebabkan faktor industri, loji kumbahan, perbandaran, pertanian, perumahan dan penternakan.

Justeru, pertanyaan saya, adakah penguatkuasaan undang-undang kita terlalu longgar, tidak ketat dan sehinggakan isu ini berlanjutan dan berlarutan? Berapakah kes pendakwaan dan pensabitkan hingga ke hari ini? Akhirnya, apakah ada harapan dan masa hadapan untuk kita meningkatkan kualiti sungai dalam tempoh 50 tahun yang akan datang?

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri.

Pencemaran air sungai yang berlaku di negara ini bukan semata-mata disebabkan oleh isu penguatkuasaan yang turut disebabkan oleh sikap tidak bertanggungjawab penjenayah-penjenayah alam sekitar dan pencemaran yang dilakukan secara haram ke dalam sungai. Namun, perkara ini boleh ditangani secara bersepadu dengan penglibatan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sentiasa memandang serius masalah pencemaran sungai. Sebanyak 896 kes aduan pencemaran sungai telah diambil tindakan siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sejak tahun 2020 hingga 2024. Bagi tempoh sama, sebanyak 772 kes pencemaran air telah didakwa dan disabitkan kesalahan di mahkamah dengan jumlah denda terkumpul sebanyak RM13.3 juta.

■1120

Kementerian ini melalui JAS, akan terus menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 demi menjamin kualiti air sungai di Malaysia agar sentiasa terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti air sungai negara boleh dipelihara dengan baik, sekiranya isu ini ditangani secara bersepadu dan penglibatan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri

dan pihak berkuasa tempatan, kebersamaan dan penyelarasan dengan semua pihak yang terlibat dalam menangani isu-isu kemerosotan kualiti air sungai, perlu ditingkatkan bagi memastikan kualiti air sungai negara akan terus terjamin pada tahun-tahun akan datang demi kesejahteraan rakyat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Pele.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi jawapan berkenaan dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian. Soalan saya adalah, mengikut tindakan yang telah diambil, adakah data-data menunjukkan penurunan pencemaran sejak tahun 2022? Terima kasih.

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Berdasarkan statistik, terdapat trend penurunan sungai tercemar dari tahun ke tahun, sebanyak 25 batang sungai daripada 672 buah sungai yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar telah menunjukkan indeks kualiti air (IKA) dalam kategori tercemar pada tahun 2023, berbanding 29 buah sungai tercemar pada tahun 2022.

Ini menunjukkan indikator yang positif kerana bilangan sungai yang berada dalam kategori tercemar telah menurun dari 29 batang sungai kepada 25 batang sungai pada tahun 2023. Sekian, terima kasih.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Soalan tambahan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Michael Mujah Lihan:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita had kepada dua sahaja.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terpulang kepada Menteri sekarang. Hendak jawab kah? Satu saja?

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri ada maklumkan kesalahan-kesalahan dan pencemaran-pencemaran sungai. Saya hendak tahu, berapa banyakkah kes sungai yang tercemar ini berulang-ulang?

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang berulang-ulang dalam saya sekarang punya- itu air itu tercemar. Saya tahu itu dalam sungai tercemar berulang-ulang, tetapi yang dahulu punya sudah disabitkan. Ada yang terulang punya telah selidik ini saya dalam tangan sendiri perkataan sekarang tadi Yang Berhormat tadi itu dalam ini statistik saya tidak ada itu berkaitan. Kalau nanti saya boleh bagi statistik terperinci, saya bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

5. **Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan, langkah-langkah kementerian bagi menangani inflasi dan kesan berganda kenaikan harga barang keperluan dan bahan binaan akibat kenaikan harga diesel tertinggi dalam sejarah iaitu sebanyak RM1.20.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin atas soalan. Sebelum saya mengulas lanjut soalan Yang Berhormat Senator, saya ingin memperbetulkan sedikit mungkin persepsi yang silap, di mana harga diesel ini bukan naik ya.

Sebenarnya sebelum ini harga diesel kita ada subsidi yang diberikan secara pukal kepada diesel yang dijual di pam-pam di stesen minyak Tuan Yang di-Pertua, tetapi sekarang subsidi itu disasarkan. Maka harga diesel di pam ataupun di stesen minyak merupakan harga diesel yang diapungkan, bukan dinaikkan, diapungkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita mengawal harga barangan perlu ataupun barangan asas ialah pertamanya dengan kita menyasarkan subsidi tersebut dan memastikan bahawa ada tiga kategori di bawah Program BUDI MADANI yang menerima penyesaran subsidi. Pertama ialah BUDI MADANI Individu di mana kenderaan-kenderaan individu mendapat RM200 untuk bantuan subsidi diesel. Kedua ialah BUDI Agrikomoditi, di mana pesawah, petani kecil ini diberi juga bantuan RM200 untuk membantu mereka dalam aktiviti-aktiviti mereka untuk memastikan kawalan harga barang itu dapat dilakukan.

Ketiga ialah Budi MySubsidi Diesel ataupun SKDS 2.0, di mana 23 kategori lori yang membawa barang-barang keperluan asas kepada *end user*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua diberikan *fleet card*. Maksudnya mereka boleh memohon *fleet card* dan daripada *fleet card* tersebut, mereka boleh menggunakan *fleet card* itu untuk mendapatkan harga diesel bersubsidi. Ini memastikan bahawa barang-barang perlu itu dapat kita kawal harganya.

Kemudian, perkara kedua yang kita lakukan ialah untuk memastikan bahawa seperti biasa kita ada kawalan harga barang yang seperti biasa saya jawab dalam Dewan, seperti barang yang bersubsidi, kawalan harga, kawalan harga tanpa subsidi, kawalan harga bersubsidi, skim harga maksimum musim perayaan, program penyeragaman harga Sabah, Sarawak, Labuan serta juga program pengedaran barang perlu, *community drumming* dan LPG serta juga Jualan RAHMAH. Ini yang telah kita lakukan untuk memastikan kita kawal harga barang dan kita stabilkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kita juga terus memantau harga barang. Sebelum penyesaran subsidi diumumkan, KPND telah pun buat pra operasi Ops Kesan 2.0 pada 2 Mei. Maksudnya, SKU-SKU itu kita sudah kumpul harga dan kita pastikan apabila

berlakunya penyesaran subsidi, kita boleh bandingkan harga hendak tengok harga itu naik atau tidak.

Jadi setakat ini, pada 28 Julai iaitu semalam kita dapati bahawa 21,038 buah premis telah pun kita periksa sejak dilancarkan Ops Kesan 2.0 daripada 8 Jun. 2 Mei, kita buat pra Ops Kesan. Ops Kesan 2.0 dilancarkan 8 Jun dan sejak itu kita telah periksa 21,038 buah premis untuk memastikan bahawa tidak berlaku kenaikan harga yang tidak munasabah ataupun apa yang kita katakan pencatutan.

Berkenaan dengan bahan binaan pula, saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa bahan binaan ini kita ada dua jenis bahan binaan iaitu bahan binaan simen dan bar bulat keluli yang merupakan barang kawalan berjadual di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Maka, pengilang atau pemborong perlu patuh kepada Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Saya juga ingin maklumkan bahawa selepas penyesaran subsidi itu berlaku, kita sudah pun memanggil, mengenal pasti empat buah syarikat yang terlibat dengan bahan binaan dan kemudian memanggil mereka ke ibu pejabat serta ada tiga buah syarikat yang telah diserahkan notis untuk hadir ke Ibu Pejabat KPDN untuk menjelaskan dan memberi justifikasi sekiranya betul atau tidak berlaku pencatutan. Jadi, setakat itu jawapan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya guna- minta maaf, harga diesel tidak naik cuma diapungkan sahaja tetapi naiklah RM1.20, betul tidak?

■1130

Dulu harga RM3.25, sekarang ini RM3.35. Tak naik, cuma diapung. Sama juga orang kata bukan barang naik, tetapi duit tak ada. Jadi asas dia sama, Yang Berhormat Dato', tapi saya hendak sebut begini, saya fikir semuanya tak boleh dinafikan. Sejak sekian tahun dah harga barang tak ada yang turun. Yang turun satu je, tiga sen, tetapi tidak ada bekalan pula itu.

Jadi tadi disebut Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebut tadi tentang barang-barang itu, tetapi kalau saya tengok semua senarai, cuma senaraikan barang yang tidak- yang turun harga. Senaraikan pula kepada tarif elektrik, tarif air semua sekali. Cuma di sini saya hendak tanya dalam senarai yang dibuat oleh kementerian yang ada *fleet card* tadi itu, ada 10 jenis kenderaan pengangkutan awam, daripada bas sekolah sampai ke Bomba.

Sembilan jenis kenderaan pengangkutan borongan daripada lori kargo sampai ke panel van, daripada 14 jenis kenderaan daripada pengangkutan barangan daripada *curtainsider*, sampai kepada perkhidmatan bergerak, tetapi tidak masuk Yang Berhormat, misalnya yang kita paling kritikal sekarang ini semua orang hendak makan, makanan asasi tetapi misalnya daripada segi kenderaan pertanian contohnya traktor, treler, *power tiller* dan

lain-lain yang guna hari-hari untuk pertanian, mereka guna diesel dan mereka terpaksa tanggung kos yang sanat besar.

Boleh tidak fikirkan supaya fikirkan kelompok ini dimasukkan dalam tiga tim yang akan dapat *fleet card* untuk membolehkan *initial cost* ataupun input pertanian dapat juga dikurangkan. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk minta, hendak tanya sedikit kesan, selepas Ops Kesan 2.0 dalam kajian. Setakat mana mampu turun sebab saya tengok begini. Memang harga barang tidak naik, tapi saiz semakin jauh beza. Harga tetap juga RM10 tetapi dia punya nombor, jumlahnya sama, tetapi saiznya mengecil dengan banyak.

Jadi, banyak perkara yang sedang dihadapi oleh semua pihak, sebab itu saya tengok kos yang paling kritikal dalam masyarakat sekarang ialah kos sara hidup yang masih sehingga ini belum terbelah, mohon penjelasan. Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Okey, kita bercakap berkenaan pasaran ekonomi terbuka. Ddalam pasaran ekonomi terbuka, turun naik harga itu biasa dan ia nya ada banyak faktor selain daripada bahan mentah, kos pengeluaran, kos pengangkutan, ada juga faktor-faktor seperti perubahan iklim, faktor-faktor antarabangsa contohnya, yang memberi kesan kepada harga barang. Contoh, pada satu ketika, kita import bawang. Kita import bawang 100 peratus dan apabila negara pengeluar asal itu menghentikan eksport bawang, maka tentu sekali harga bawang itu akan meningkat. Ini dalam pasaran ekonomi terbuka Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator.

Jadi, apa yang boleh kita lakukan dalam Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan ini ialah memastikan bahawa tiada elemen pencatutan. Apakah maksud elemen pencatutan itu? Maksudnya tiada kenaikan harga yang tidak munasabah. Saya kata di awal, turun naik itu biasa. Kita tak boleh kawal semua sebab kalau kita nak kawal semua, apa yang berlaku ialah pengeluar mungkin tidak mahu mengeluarkan langsung bahan tersebut.

Kalau kita ingat, tengok pada tahun 2022, satu ketika kita langsung tidak ada telur sebab kita kawal, kita kawal, kita kawal, kita paksa mereka mengeluarkan pada kadar harga yang tidak munasabah bagi mereka, akhirnya mereka tak nak keluarkan langsung bahan tersebut. Jadi dalam pasaran ekonomi terbuka, kita tak boleh nak kawal semua harga barang. Turun naik itu biasa, kita cuma pastikan bahawa tak ada pencatutan dan daripada 21,000 tadi yang saya kata 21,038 SKU premis yang kita tengok, SKU dia 24,847. Maksudnya turun naik itu biasa dan maklumat yang kita terima, data yang kita terima, dia tidak melibatkan pencatutan. Maksudnya tidak munasabah itu tidak ada.

Jadi terkawal, itu maksudnya terkawal. Bukan maksudnya ini kena jual macam ini, ini kena jual harga ini, ini kena jual harga ini. Dalam pasaran ekonomi terbuka, kalau kita buat macam ini Yang Berhormat Senator, orang tak nak berniaga. Macam telur tak ada hari itu sebab itulah antaranya. Jadi kita kena tanggungjawab, pastikan bekalan itu juga ada, bukan

setakat mengawal harga sebab bekalan itu juga penting. Jadi, dalam pasaran ekonomi terbuka, harga bekalan mesti kita jaga. Pastikan bekalan ada, pastikan harga terkawal. Okey.

Kemudian Dato' Yang di-Pertua, soalan berkenaan dengan kenderaan pertanian ini, saya banyak juga mendengar maklum balas berkenaan dengan *backhoe*, traktor yang menggunakan diesel. Jadi, cadangannya ialah sekiranya mereka boleh membawa usul ataupun memorandum, ajak libat urus dengan kementerian terlibat, sebab kami di KPDN melaksanakannya dan ada juga saya terima rayuan-rayuan daripada kumpulan-kumpulan ataupun NGO-NGO yang mewakili mereka, persatuan-persatuan yang mewakili, baru ini trak tunda contohnya.

Jadi kita dengar. Apa yang kita buat ialah kita bawa ke Jawatankuasa Rayuan. Jawatankuasa Rayuan ini dipengerusikan oleh MOF dan dia terlibatnya ialah kementerian-kementerian lain yang berkaitan dengan jenis-jenis kenderaan tersebut, ataupun bidang-bidang apa orang kata, yang mereka terlibat, kenderaan ini terlibat. Jadi, setakat ini betul, *backhoe* tidak termasuk dalam senarai 23 buah kenderaan yang membawa barang, sebab definisinya ialah membawa barang perlu. *Backhoe* terlibat dalam servis, sebab itu dia tidak termasuk dalam kategori 23 jenis kenderaan yang membawa barang perlu, iaitu kategori dia itu.

Jadi kalau hendak rayu, silakan dan saya sarankan berjumpa dengan kementerian yang berkaitan dan kemudian MOF lah yang akan membuat keputusan berkenaan dengan rayuan tersebut. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Hajah Ros Suryati.

**Datin Hajah Ros Suryati binti Alang:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Memandangkan kos sara hidup pada hari ini dan juga kenaikan barang ini tidak menentu, saya ingin menyarankan pihak kementerian mewujudkan talian gerak cepat atau talian gerak pantas bagi orang ramai terus mengadu, termasuk menghantar gambar dan maklumat harga yang naik mendadak dalam platform melalui media sosial atau *WhatsApp* dan meletakkan setiap pegawai penguat kuasa kementerian mengikut zon pemantauan. Terima kasih Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, di atas saranan itu. Saya ingin maklumkan memang kita ada saluran aduan. Saluran aduan berkenaan dengan bekalan, malah kita ada *QR code*. Nanti saya boleh bagi kepada Yang Berhormat Senator dan *QR code* ini ialah untuk membuat aduan dengan cepat berkenaan sekiranya ada aduan, ada kenaikan harga barang yang tidak munasabah yang didapati bahawa tidak logik dan sebagainya, malah *QR code* itu juga ada di laman rasmi KPDN ya.



Boleh kita dapatkan *QR code* dan juga nombor untuk kita *WhatsApp* untuk membuat aduan secara cepat dan tepat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Yang di-Pertua, kalau diizinkan, kalau diizinkan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Tidak izin... *[Ketawa]*

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Saya sudah banyak kali bangun, kasihan *kat* saya.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Saya suara Pembangkang.

**Beberapa Ahli:** Sini tidak ada Pembangkang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sini tidak ada Pembangkang, semua negarawan ya... *[Tepuk]*

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Benar, benar. Tuan Yang di-Pertua, boleh satu soalan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri hendak jawab?

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Timbalan Menteri, saya mendengar tadi Timbalan Menteri telah memberikan pelbagai, kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif dan pemantauan bagi memastikan bahawa premis-premis perniagaan ini tidak menaikkan harga luar biasa. Contohnya, sekarang ini Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa sebanyak 21,038 buah premis telah pun dipantau dan telah pun diperiksa tetapi masih ada kedengaran daripada masyarakat di bawah sana, bahawa harga tetap naik.

Jadi soalan saya, daripada 21,038 buah premis yang dikatakan telah dilawati dan diperiksa ini, adakah premis-premis ini telah menjual harga barangan luar biasa dan kalau ada, apakah tindakan pihak kerajaan, kementerian untuk mengambil tindakan terhadap mereka? Adakah ada tindakan pihak penguatkuasaan dengan cara mendakwa mereka, bawa mereka ke mahkamah dan kalaupun ada, adakah dipantau semula?

Dah diambil tindakan, adakah datang semua dalam masa seminggu, dua minggu untuk memastikan bahawa premis tersebut tidak lagi menaikkan harga secara luar biasa ini, sebab ini penting. Pemantauan adalah perkara yang penting untuk memastikan undang-undang yang ada tersebut dapat dilaksanakan dengan baik. Terima kasih Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat hendak mengalu-alukan kehadiran dulu. Okey, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Aziz bin Ariffin:** Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan rombongan Maahad Tahfiz Al-Quran Ar-Raudhah, Mengkuang Layar Perlis yang diketuai oleh Ustaz Fathi Ahmad. Seramai 26 orang pelajar dan 15 orang- tenaga pengajar. Terima kasih... *[Tepuk]*

## ■1140

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator, saya ucap tahniah. Sebab itu bagi peluang sebab baru angkat sumpah. Jadi, boleh jawab soalan Yang Berhormat Senator.

Saya juga mengalu-alukan anak-anak daripada Maahad Tahfiz Ar-Raudhah. Selamat datang ke Parlimen, selamat datang ke Dewan Negara... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, dari premis, 21,038 buah premis yang diperiksa, kita telah pun mengeluarkan 244 KPDN ya, jumlah Notis bertulis. Apakah maksud Notis bertulis itu? Ini apabila kita tengok ada elemen pencatutan Yang Berhormat Senator. Apabila ada elemen pencatutan, KPDN akan mengeluarkan Notis. Notis ini macam Surat Tunjuk Sebab. Mereka kena bagi banyak maklumat. Kita ada punca kuasa untuk meminta berapa kos barang mentah, berapa kos pengeluaran, berapa kos pengangkutan dan sebagainya. *Detail*.

Dan bukan sahaja kos ya. Kita boleh tanya, mereka perlu jawab tahun lepas berapa kosnya? Tahun sebelumnya, berapa kosnya? Supaya kita boleh tengok, ada atau tidak elemen pencatutan itu? Jadi, bila keluar Notis kalau mereka tak jawab, tindakannya sekian. Kalau mereka jawab, kita akan tengok pula, betul atau tidak ada atau tidak, elemen pencatutan itu. Jadi, kita akan selidik dan sekiranya ada elemen pencatutan, kes siasatan akan dibuka. Kertas Siasatan akan dibuka dan kes itu akan diteliti dan sekiranya mereka didapati bersalah, mereka akan dikenakan hukuman.

Jadi, KPDN tidak duduk diam. Maksudnya kita keluarkan Notis- *show cause*, beritahu, kenapa naik tak munasabah ini? Bagi tahu berapa kos? Kos bahan mentah banyak mana? Kos pengangkutan banyak mana? Kos pengeluaran banyak mana? Sampai dekat pemborong, banyak mana? Sampai dekat peruncit, banyak mana? Kenapa awak jual macam ini? Contoh ya. Jadi ada yang kita panggil juga ke HQ selepas penyesaran subsidi ini.

Kita panggil 19 ya. Kita panggil 19 Notis untuk hadir ya syarikat. Notis untuk hadir ke ibu pejabat KPDN untuk menjelaskan kenapa mereka menaikkan harga barang itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada tindakan ya dan ada susulan. Sekiranya perlu diambil tindakan, buka kes, buka kes siasatan dan sekiranya perlu diambil tindakan, diambil tindakan dan akan dikenakan hukuman mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, ini soalan terakhirlah. Ini Peguam punya soalan. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

**6. Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang Malaysia bagi memastikan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman dilaksanakan secara lebih terbuka dan telus, antara lain daripada segi sistem pemarkahan dan semakan semula skrip peperiksaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemarkahan- *marking* pemeriksaan Sijil Amalan Guaman dibuat berdasarkan skema jawapan yang disediakan oleh penyedia kertas soalan bagi setiap soalan, sebagai panduan kepada pemeriksa-pemeriksa skrip jawapan dalam memberikan markah mereka kepada setiap jawapan soalan-soalan kepada calon-calon supaya ia selaras dan adil.

Markah lulus bagi setiap mata pelajaran peperiksaan Sijil Amalan Guaman ialah sebanyak 40 markah. Sekiranya terdapat calon yang memperoleh markah antara 35 hingga 39, skrip jawapan tersebut akan dihantar kepada pemeriksa kedua untuk semakan semula-*remarking*, sebelum keputusan akhir dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang. Lembaga Kelayakan.

Proses pemarkahan semula ini adalah untuk memastikan markah yang diberikan kepada calon-calon yang hampir lulus ini adalah adil dan tepat. Semua markah calon-calon juga disahkan oleh Jawatankuasa Pemeriksa, yang terdiri daripada Ketua Pemeriksa Skrip Jawapan bagi setiap mata pelajaran dan keputusan calon-calon tersebut akan kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Kelayakan untuk kelulusan.

Dalam hal ini, Lembaga Kelayakan juga telah mengambil langkah-langkah untuk mengadakan sesi perjumpaan bersama dengan calon-calon pemeriksaan Sijil Amalan Guaman pada setiap tahun sejak tahun 2019 bagi tujuan memberikan penerangan dan pendedahan berhubung dengan cara menjawab soalan-soalan dan kesalahan-kesalahan lazim yang dilakukan semasa menjawab soalan, supaya calon-calon dapat menjawab soalan dengan tetap.

Selain itu, Lembaga Kelayakan telah turut mengambil langkah untuk mengadakan sesi perjumpaan dengan institusi-institusi swasta yang menjalankan Kursus Pengajian Pemeriksaan Sijil Amalan Guaman pada tahun 2019 dan 2023, untuk memastikan silibus yang digunakan akan berpandukan silibus pemeriksaan Sijil Amalan Guaman yang sentiasa dikemas kini pada setiap tahun, walaupun institusi-institusi swasta ini tidak berada di bawah *control* Lembaga Kelayakan.

Berkenaan dengan semakan semula skrip jawapan peperiksaan pada masa ini, tiada semakan semula dibenarkan oleh Lembaga Kelayakan. Walau bagaimanapun, pada 13 Jun

2024, Lembaga Kelayakan telah memutuskan untuk membenarkan semakan semula skrip jawapan pemeriksaan, tertakluk kepada kajian lanjut berkenaan dengan mekanisme pelaksanaan rayuan, bagi semakan semula tersebut, termasuklah tempoh rayuan, pelantikan pemeriksa dan fi yang akan dikenakan. Terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan bercadang untuk memansuhkan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (CLP)? Kedua, apakah status terkini cadangan pelaksanaan *Common Bar Exam* di Malaysia? Sekian terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Terima kasih Dato' Sri Senator. Sebenarnya jawapan ringkasnya tidak ada, ia akan dimansuhkan. *No abolishment at all*, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha penambahbaikan pemeriksaan CLP yang sedang dipertimbangkan adalah untuk mengadakan satu *Common Bar Course* atau *Common Bar Examination* yang lebih komprehensif, supaya selari dengan pemeriksaan *bar* di peringkat antarabangsa sebagaimana Kursus Latihan Bar- *Bar Training Courses* yang diadakan di *United Kingdom*.

Dalam hal ini, *Legal Profession Qualifying Board* telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa bagi mengkaji pelaksanaan CBC, CBE. Antara aspek yang sedang dikaji, termasuklah kandungan silibus dan kurikulum kaedah penilaian tenaga pengajar- *trainers* pentadbiran dan pengurusan dan kewangan yang diperlukan untuk melaksanakan CBC, CBE.

Selain itu, sesi-sesi konsultasi sedang diadakan bersama dengan pihak-pihak yang berkepentingan dan akan terus diadakan sehingga isu yang berbangkit diselesaikan. Pandangan yang diterima daripada pihak-pihak yang berkepentingan tersebut akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan, sebelum hasil keseluruhan kajian pelaksanaan CBC, CBE ini diangkat kepada Lembaga- *Legal Profession Qualifying Board*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu Peguam semua belakang.

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Terima kasih Dato' Speaker. Sekejap, sebentar lagi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya *simple* sahaja. CLP ini daripada dulu lagi ramai yang mengadu mengatakan bahawa seolah-olah kerajaan punya dasar menentukan berapa peratus yang patut lulus daripada pelajar-pelajar CLP ini.

Soalan saya, adakah kerajaan punya dasar untuk menentukan berapa peratus yang patut lulus, berapa peratus yang tak patut lulus? Terima kasih Timbalan Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Jawapan yang senang, tidak ada kuota sedemikian langsung. Ini adalah satu tohmahan... [*Tepuk*] *That must be very clear*. Sekarang kita menambahbaikkan supaya prosesnya lebih terbuka.

Di antaranya adalah mengadakan lebih *consultancy, open, openness*. Saya telah mengadakan *director examination* untuk mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan pihak-pihak universiti-universiti tempatan dan juga dengan swasta dan berjumpa dengan seberapa banyak anak murid yang sedang menduduki periksa-periksa tersebut.

*Bottom line no* kuota, semua layak untuk mendaftar dan mengambil bahagian dalam peperiksaan, jika layak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, satu soalan terakhir dari Sabah itu. Puan Noorita.

**Puan Noorita binti Sual:** Terima kasih Dato' Speaker. Yang Berhormat Menteri, di bawah seksyen 7 Akta Kelayakan Profesion Undang-undang, ada empat kategori yang ditetapkan menganggotai *Legal Profession Qualifying Board*.

Namun memandangkan Peperiksaan CLP juga merupakan salah satu cara untuk diterima masuk ke Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, mengapakan tidak ada wakil dari badan-badan Peguam Sabah dan Sarawak iaitu *Sabah Law Society* dan *Advocates Association of Sarawak* di dalam *Legal Profession Qualifying Board* ini?

■1150

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Memandangkan Yang di-Pertua pun dari Sarawak dan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sarawak.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** ...Penanya soalan Senator ini adalah dari Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pun dari Sarawak, *Sir*.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Dari apa itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sarawak.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Yes, Yang di-Pertua dari Sarawak. Yang menanya soalan ini adalah dari Sabah.

Saya setuju bahawa ada sesuatu yang tidak kena kerana kalau ikut standard praktis, ia akan merangkumi semua pihak, termasuk Sabah dan Sarawak. Itu saya- *I think the framers of this act* telah melepas pandang atau ini saya rasa adalah satu perkara yang perlu mengambil tindakan untuk, *to correct that wrong, ya... [Tepuk]*

Kerana Dato' Yang di-Pertua, pada masa ini hanya Peguam Negara yang menjadi pengerusi, dua orang hakim yang dinamakan oleh Ketua Hakim Negara, Pengerusi Majlis Peguam dan seorang ahli penguat kuasa dari fakulti undang-undang yang duduk dalam *Board* tersebut, tetapi yang mustahak sekali, yang melulus dalam peperiksaan ini boleh menjadi peguam di Sabah dan Sarawak. Walhal, *the proper stakeholders* dari Sabah dan Sarawak tidak diwakili di *Board* tersebut.

Saya setuju pada pandangan Yang Berhormat dan saya rasa tindakan akan diambil. Sebenarnya, saya telah memanggil pihak-pihak *stakeholders* untuk satu perjumpaan esok pukul 3 petang, untuk berbincang supaya kita mencari jalan dan saya berpendapat bahawa kita perlu ubah undang-undang tersebut pada sesi yang akan datang, untuk membolehkan representasi dari Sabah dan Sarawak. Saya harap Yang Berhormat boleh *me-represent* Sabah satu hari. Terima kasih... *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *One last question.*

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Yes. Dato' Yang di-Pertua, lebih banyak peraturan, lebih banyak kesempatan. Ada yang mengambil kesempatan untuk "menangguk di air keruh." Jadi, ada rungutan bahawa ada broker-broker yang akan berjanji untuk mendapatkan kelulusan CLP ini. Ini sudah rungutan yang banyak dalam pasaran dan ini tidak baik untuk satu profesion yang megah beramanah. Jadi soalan saya, adakah kementerian mendapat laporan ataupun adakah kementerian membuat siasatan supaya membersihkan atau menjernihkan profesion yang beramanah ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Yang Berhormat Senator, nampaknya ini satu tohmahan. Setakat... *[Ketawa]* Setakat sekarang, tidak ada sedemikian, tapi saya pun ada pernah dengar *allegation* ini. Saya percaya Dato' Yang di-Pertua, mungkin ramai di antara peguam-peguam yang tahu. Pada tahun 90-an, awal 90-an ada investigasi yang telah dibuat dalam kes ini dan ada seorang pengarah yang telah- di mana kes telah dibawa ke mahkamah untuk tindakan.

Selepas itu, lebih terbuka dan tidak ada apa-apa kartel atau broker yang terlibat pada pengetahuan kementerian. Walaupun sedemikian, apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah satu perkara yang serius dan saya akan kemukakan kepada pihak-pihak berkenaan, supaya tindakan susulan diambil dan jika perlu, kita akan bawa mereka ke mahkamah dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan telah berakhir.

***[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PENGISYTIHARAN SUATU KAWASAN  
DALAM DAERAH BINTULU MENJADI SUATU PORT PERSEKUTUAN  
(PEMANSUHAN) 2024****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.54 pg.****Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan, Yang Berhormat Menteri.**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan pelajar-pelajar Maahad Tahfiz daripada Ar Raudhah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang untuk Memansuhkan Akta Pengisytiharan Suatu Kawasan Dalam Daerah Bintulu Menjadi Suatu Port Persekutuan 1979 [Akta 217] untuk Mengadakan Peruntukan Bagi Membubarkan Status Pelabuhan Bintulu sebagai Pelabuhan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bantah, bertujuan untuk memansuhkan Akta Pengisytiharan Suatu Kawasan Dalam Daerah Bintulu Menjadi Suatu Port Persekutuan 1979 [Akta 217]. Rang undang-undang ini juga telah dibantah dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 17 Julai 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengisytiharan Suatu Kawasan Dalam Daerah Bintulu Menjadi Suatu Port Persekutuan 1979 [Akta 217] ini telah diwartakan pada 19 Februari 1979. Objektif pewartaan akta ini adalah untuk mengisytiharkan suatu kawasan di Daerah Bintulu menjadi pelabuhan Persekutuan untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan membangunkan Pelabuhan Bintulu di Tanjung Kidurong dan bertanggungjawab terhadap kewangan, pentadbiran dan memajukan Pelabuhan Bintulu sebagai pengendali eksport kargo dan gas cecair asli.

Dalam hubungan ini, pengubalan Rang Undang-undang Akta Pengisytiharan Suatu Kawasan Dalam Daerah Bintulu Menjadi Suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024 ini adalah merupakan komitmen kerajaan pada 22 Mac 2024, yang bersetuju secara prinsip untuk Lembaga Pelabuhan Bintulu dibubarkan dan menukarkan status Pelabuhan Bintulu sebagai Pelabuhan Persekutuan kepada Pelabuhan Negeri Sarawak.

Seterusnya, kerajaan pada 12 Julai 2024 telah bersetuju untuk membentangkan Rang Undang-undang Akta Pengisytiharan Suatu Kawasan Dalam Daerah Bintulu Menjadi Suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024 dan Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024 dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas 2024 ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya Rang Undang-undang Akta Pengisytiharan Suatu Kawasan Dalam Daerah Bintulu Menjadi Suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024 ini merangkumi dua Fasal secara keseluruhannya seperti mana berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan memberikan Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemansuhan Akta 217 dan perintah-perintah yang dibuat di bawahnya disebabkan oleh perubahan dasar kerajaan untuk menukar status Pelabuhan Bintulu daripada Pelabuhan Persekutuan kepada pelabuhan negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, secara umumnya saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, bahawa Rang Undang-undang Akta Pengisytiharan Suatu Kawasan Dalam Daerah Bintulu Menjadi Suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024 ini hanya memfokuskan kepada aspek pemansuhan Akta 217. Lain-lain perkara yang bersangkutan penukaran status Pelabuhan Bintulu dan implikasinya akan dijelaskan dengan lebih terperinci melalui pembentangan Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024 yang akan dilaksanakan dalam pembentangan seterusnya selepas ini.

Justeru, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, bahawa kedua-dua rang undang-undang ini akan dikuatkuasakan, setelah keseluruhan perkara-perkara yang berkaitan rundingan dan persetujuan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak telah dimuktamadkan untuk memastikan segala kepentingan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak dari sudut perundangan, kewangan dan sumber manusia terpelihara.

Dalam pada masa yang sama, pihak kerajaan juga adalah komited dengan penggubalan rang undang-undang ini bagi melaksanakan penukaran status Pelabuhan Bintulu daripada Pelabuhan Persekutuan kepada Pelabuhan Negeri Sarawak dan memastikan pembangunan dan operasi Pelabuhan Bintulu tidak terjejas. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

■1200

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Dato' Sri Huang Tiong Sii]:**  
Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 1979 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan saya ada seramai tujuh orang Ahli yang hendak berbahas, maka saya memberi ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah 7 minit seorang. Yang Berhormat Puan Susan Chemeraí Anding.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

### **12.01 tgh.**

**Puan Susan Chemeraí Anding:** Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya membahaskan pemansuhan Akta 217. Datuk Yang di-Pertua, pada tanggal 1979 sebuah kawasan di Bintulu, Sarawak telah diisytiharkan melalui Akta 217 ini sebagai kawasan Persekutuan untuk dijadikan sebagai sebuah pelabuhan. Dalam tempoh 45 tahun sejak itu, Pelabuhan Bintulu telah membangun dengan pesat menjadi sebuah pelabuhan yang signifikan di Sarawak dan di Malaysia amnya. Dengan pemansuhan ini, Pelabuhan Bintulu akan dikembalikan menjadi sebuah pelabuhan negeri dan bukan lagi sebuah Pelabuhan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti hari ini hari bersejarah untuk negeri Sarawak, sebab RUU ini membawa berita gembira dan seribu makna untuk kami di Sarawak, terutamanya dalam konteks pembangunan wilayah Sarawak. Pelabuhan Bintulu adalah pelabuhan yang mempunyai kepentingan strategik kepada Sarawak khususnya dan Malaysia amnya. Ianya merupakan terminal terbesar di Malaysia Timur dan pelabuhan serba guna terbesar di Sarawak dengan lebih 40 juta tan kargo setiap tahun, menghubungkan Sarawak kepada pelabuhan utama antarabangsa dan hab-hab pengangkutan. Ia juga terminal eksport LNG terbesar di Asia Timur.

Pengembalian pelabuhan ini kepada Sarawak amat penting kerana pelabuhan-pelabuhan di Sarawak memainkan peranan sebagai pemangkin dalam memacu Sarawak mencapai *Post COVID Development Strategy 2030* untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, menjelang tahun 2030. Memandangkan Sarawak berhasrat untuk mengeksport lebih banyak barangan pembangunan dan pemodenan, pelabuhan ini di Sarawak akan diberikan keutamaan untuk memastikan kecekapannya dalam memudahkan perdagangan bagi permintaan domestik serta antarabangsa.

Pengembalian pelabuhan ini juga selaras dengan hak Sarawak di bawah Perlembagaan Persekutuan, di mana pelabuhan merupakan perkara di bawah bidang kuasa

legislatif negeri Sabah dan Sarawak sahaja. Dengan erti kata lain, *this is within our legal and constitutional rights*, dengan izin, mengikut Perlembagaan Persekutuan dan juga Perjanjian Malaysia 1963. *We are taking back what is rightfully ours*, dengan izin, *no more, no less*.

Ada sejarah bagaimana ia jatuh ke tangan Persekutuan tapi saya tak akan menghurai lebih panjang di sini. Mungkin rakan-rakan Senator Sarawak lain akan menyentuh perkara ini nanti. Sebab memang ada tanda tanya daripada segi kesahihan penggubalan Akta 217 ini dahulu. Apa-apa pun, yang pasti sudah tiba masanya Pelabuhan Bintulu ini diserahkan kepada Kerajaan Sarawak dan diisytiharkan sebagai pelabuhan negeri dan dikawal selia di bawah Undang-undang negeri Sarawak dan di bawah bidang kuasa negeri supaya ianya selaras dengan apa yang termaktub di bawah Perkara 15 *List IIA*, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Dengan erti kata lain, kita harus juga memastikan kesahihan milikan Pelabuhan Bintulu dan memastikan bahawa port ini tidak bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Pelabuhan ini dibina atas permintaan Sarawak menggunakan dana Persekutuan untuk mengendalikan eksport LNG dan objektif ini sudah pun tercapai sepenuhnya.

Saya juga difahamkan bahawa apa-apa kos pelaburan terdahulu ataupun kos pembinaan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan sudah pun di-*recovered*, dengan izin, sepenuhnya. Jadi sememangnya sudah tidak ada apa-apa, sebab mengapa Pelabuhan Bintulu harus masih menjadi sebuah Pelabuhan Persekutuan.

Akhir sekali, hasrat Sarawak untuk mendapat balik Pelabuhan Bintulu ini sudah tentu tidak dapat tercapai jika tidak dengan sokongan dan kesungguhan Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Rang undang-undang ini hari ini merupakan manifestasi kesungguhan Kerajaan Madani, terutamanya Perdana Menteri kepada merealisasikan janji untuk mengembalikan hak Sarawak yang terhakis di bawah MA63. Dengan itu- kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Perdana Menteri kerana komited untuk mengembalikan Pelabuhan Bintulu ini kepada rakyat Sarawak.

Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan semua kakitangan kementerian yang telah membantu, supaya RUU ini dapat dibentangkan dan diluluskan. Sekian sahaja terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB Susan. Semua jurucakap pun dari Sarawak. Barisan Menteri pun ramai semua dari Sarawak. Kalau ada apa-apa kisah silam tu lupakanlah... *[Ketawa]* Sekarang ini Pelabuhan Bintulu benar-benar seratus peratus di bawah pentadbiran negeri Sarawak. Terima kasih.

Sekarang saya jemput Senator Dato' Ahmad Ibrahim.

### 12.08 tgh.

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum*, salam Malaysia Madani dan salam Sarawakku sayang. Saya menyokong penuh tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Susan Chemerai tadi.

Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Pengisytiharan Suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu Menjadi Suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024.

Pertama kali, saya ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak Kementerian Pengangkutan kerana bertungkus-lumus dalam merealisasikan kefahaman yang ada di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak melalui pemansuhan akta ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, atas komitmen beliau bersama-sama dengan Yang Berhormat Timbalan Premier yang juga merangkap Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak yang memeterai rundingan dan persefahaman pada bulan Mac lepas.

Datuk Yang di-Pertua, secara dasarnya saya amat menyokong penuh pemansuhan Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 2024 ini, sejajar dengan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan MA63 kerana ini ialah manifestasi Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Sarawak untuk menyelaraskan dan mengembalikan perkara yang seharusnya diletak di tempat yang selayak-layaknya ini paling mustahak.

Apa yang pasti, kebijaksanaan pemimpin kita iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, seharusnya dan selayaknya diberi pujian kerana komitmen mereka dalam memastikan perkara ini dapat dinoktahkan dengan penuh kesefahaman di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Sarawak.

### ■1210

Datuk Yang di-Pertua, semangat *federalism* inilah yang harus kita jaga dan inilah kesatuan yang perlu kita perkukuhkan dengan erat. Tidak perlu saya bangkitkan cerita lama yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Datuk- *insya-Allah*, Datuk- YB Susan Chemerai tadi, cerita 30, 40 tahun dahulu. Kita- semua tahu cerita itu, tapi tak perlu disentuhlah. Sekarang jalannya sudah betul. Jadi, kita sokong. Bak kata pepatah- selagi hayat dikandung badan, selagi itulah semangat Persekutuan patut tetap dijaga selamanya. Telus dan jujur.

Umum mengetahui Pelabuhan Bintulu merupakan antara terminal pengeksport utama gas asli cecair (LNG) di Asia Timur. Kita boleh katakan sebenarnya Pelabuhan Bintulu ini

adalah aset yang amat penting untuk Sarawak dan juga Malaysia. Siapa sangka Daerah Bintulu ini yang dahulunya hanyalah sebuah perkampungan kecil, di mana pada ketika itu hanyalah sebuah perkampungan nelayan terpencil dengan jumlah penduduk kaum nya yang sangat sedikit, namun perkampungan ini telah menyusun liku-liku sejarah yang panjang dalam membangun dan menjadi sebuah bandar besar, lebih-lebih lagi selepas penemuan sumber minyak dan gas cecair asli yang amat berharga di luar pantainya.

Penemuan minyak dan gas itu juga bukan sahaja membawa kepada pertumbuhan industri besar-besaran di bandar Bintulu dan ekonomi Sarawak, bahkan menyumbang besar dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia seharusnya, semenjak tahun 70-an lagi.

Datuk Yang di-Pertua, kini kita dapat lihat Bintulu Port Holdings Berhad menjadi gergasi dalam sektor pengeksportan bahan seperti kargo kontena, LNG, kelapa sawit, arang batu dan produk kayu yang telah menghasilkan RM770 juta pada tahun 2023 sahaja. Bukan sahaja industri *liquefied natural gas* (LNG), malah *Bintulu Supply Base* juga menjadi *one-stop centre*, dengan izin, kepada logistik industri minyak dan gas di Sarawak dan Malaysia.

Datuk Yang di-Pertua, apa yang penting sekarang ialah kemampuan Kerajaan Sarawak dalam memacu ekonomi dan juga kemajuan pembangunan sedikit sebanyak memberi gambaran, bahawasanya Sarawak berada di landasan yang tepat, lebih-lebih lagi apabila Kerajaan Sarawak mempunyai keyakinan untuk mentadbir dan mengurus pelabuhannya sendiri.

Benar, kuasa itu sepatutnya memang kuasa negeri Sarawak, tetapi ada terhakis pada suatu ketika dahulu. Melalui cara ini, maka dapatlah Kerajaan Sarawak melakukan beberapa anjakan yang lebih pragmatik dan penyusunan semula pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada dalam memastikan keutuhan dan kelestarian industri perkapalan dapat dikekalkan dan terus dimajukan di Sarawak.

Akhir kalam, besar harapan anak-anak Sarawak untuk melihat Pelabuhan Bintulu terus jadi nadi dan jantung kepada industri LNG dan industri minyak dan gas negara dan seterusnya meletakkan Malaysia sebagai satu-satu pelabuhan utama di negara dan juga dunia. Pemansuhan akta ini akan menjadi suatu sejarah yang akan dikenang oleh Sarawak dan anjakan paradigma dalam menjadikan Perlembagaan Persekutuan sebagai satu wadah dan semangat MA63 sebagai aspirasi Persekutuan.

Dengan ini, saya menyokong pemansuhan akta ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Datuk. Sekarang saya jemput Tuan Pele Peter Tinggung.

**12.14 tgh.**

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Salam Malaysia Madani dan salam *segulai sejalai*. Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya ruang untuk sama-sama berucap membahaskan Rang Undang-undang Pengisytiharan Suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu Menjadi Suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024.

Saya sangat bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Madani di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memahami dan mengambil berat untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 termasuk pemilikan pelabuhan. Walaupun rang undang-undang ini hanya lima helai, tapi rang undang-undang ini sangat signifikan dan sangat penting pada Sarawak khususnya, dan pada Malaysia secara amnya.

*Kalau gugur gugurlah nangka,  
Jangan tertimpa ranting pauh;  
Kalau tidur tidurlah mata,  
Saya juga masih mahu kenang benda yang jauh... pada tahun 1979.*

Izinkan saya, Yang di-Pertua, untuk menyentuh sedikit nanti berkenaan dengan perkara yang berlaku pada 1979.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan. Saya memang minat sejarah... *[Ketawa]*

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Kesepakatan daripada Perjanjian Malaysia 1963, Perlembagaan Persekutuan dipinda dan memasukkan peruntukan Perjanjian Malaysia 63 ke dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 15 Senarai IIA, tambahan kepada Senarai Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, di mana pelabuhan dan pangkalan, selain daripada yang diisytiharkan sebagai pelabuhan dan pangkalan persekutuan, terletak di dalam negeri tersebut iaitu negeri Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, walaupun demikian, pada tahun 1979, Parlimen telah meluluskan satu rang undang-undang yang dinamakan Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi satu Pelabuhan Persekutuan dengan membelakangkan peruntukan Perkara 15 Senarai IIA, tambahan kepada Senarai Negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang saya sebutkan tadi, dan juga di bawah Perkara 76(1)(c) Perlembagaan Persekutuan, di mana Perkara 76(1)(c) Perlembagaan Persekutuan menyatakan dengan jelas dan terang bahawa Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri, tetapi hanya seperti jika diminta sedemikian oleh dewan undangan mana-mana negeri.

Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, tiada rekod satu ordinan, satu akta yang telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Sarawak untuk meminta supaya Parlimen meluluskan

suatu akta pengisytiharan bahawa Pelabuhan Bintulu sebagai pelabuhan persekutuan. Saya adalah bekas Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak selama lima tahun. Sebagai Timbalan, lima tahun- *so, I did my research*, dengan izin. Memang tiada. Okey. Ini bermaksud akta ini diluluskan di Parlimen pada tahun 1979, ianya tidak konsisten dengan peruntukan Perkara 15 dan Perkara 76(1)(c) Perlembagaan Persekutuan *as our mother law* di Malaysia, *the highest law in the country*, dengan izin.

Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, justeru itu, daripada aspek perundangan di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Ordinan Sarawak dan Perjanjian Malaysia 1963, pemansuhan Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu Menjadi Satu Port Persekutuan adalah sangat tepat sekali. Dengan izin, *it is better late than never*. Demi kesejahteraan negara Malaysia yang kita cintai.

Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, saya rasa dengan hujah-hujah saya tadi, saya sama-sama menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

■1220

12.20 tgh.

**Tuan Michael Mujah Lihan:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih juga kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pengisytiharan Suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu iaitu Pelabuhan Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024.

Perbahasan rang undang-undang pemansuhan hari ini merupakan satu komitmen dan kesungguhan Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam memastikan hak Sarawak di bawah MA63 dan Perlembagaan Persekutuan dilaksanakan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri (II) selaku pengerusi teknikal yang berusaha untuk memastikan Pelabuhan Bintulu kembali menjadi milik Sarawak. Tidak ketinggalan juga saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri Pengangkutan serta pegawai-pegawai yang terlibat untuk mempermudah proses ini.

Datuk Yang di-Pertua, setelah sekian lama menunggu, akhirnya suatu Pengisytiharan Suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu Menjadi Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024 berjaya dibentangkan dan dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat yang telah jelas membuktikan komitmen Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan beliau dalam menunaikan perjanjian 1963.

Dengan penyerahan kuasa kawalan kepada kerajaan negeri, Kerajaan Sarawak dapat menyelaraskan kesemua pelabuhan yang terdapat di Sarawak dan menyusun dasar-dasar yang dapat memastikan pelabuhan di Sarawak dapat beroperasi dengan lebih berkesan, mempercepatkan proses logistik dan menarik lebih banyak peluang pelaburan asing.

Penyerahan ini dianggap sebagai peristiwa bersejarah yang membolehkan Sarawak meningkatkan aktiviti ekonomi di negeri tersebut dan memastikan kelestarian pertumbuhan ekonomi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pelabuhan Bintulu dikendalikan sebagai pengeksporan utama gas cecair di Asia Timur. Selain daripada itu, Pelabuhan Bintulu juga adalah pelabuhan pengeksporan kelapa sawit, batu arang, kayu balak dan sebagainya.

Datuk Yang di-Pertua, setelah penyerahan ini, Pelabuhan Bintulu akan berada di bawah kawalan Kerajaan Sarawak. Saya berharap tidak ada pihak yang ragu, sangsi dengan apa yang kita bahaskan pada hari ini. Walaupun Kerajaan Sarawak mengambil alih Pelabuhan Bintulu sebagai pelabuhan negeri, pihak PETRONAS, MIC, KWHP masih lagi menjadi pemegang entiti daripada Persekutuan.

Datuk Yang di-Pertua, pada tahun 1979 di mana Parlimen telah meluluskan *Declaration of An Area in Bintulu to be a Federal Port Act 1979 to peg away for Bintulu to be declare every port*, dengan izin, keputusan dibuat tanpa permintaan atau persetujuan Dewan Undangan Negeri Sarawak, seperti yang diwajibkan dalam perkara 76(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini adalah satu pelanggaran dan bercanggah terhadap prinsip Perlembagaan yang sepatutnya dihormati oleh semua pihak.

Datuk Yang di-Pertua, ketika penubuhan Malaysia pada 16 September 1963, telah dinyatakan bahawa semua pelabuhan di Sarawak adalah terletak di bawah Ordinan Lembaga Pelabuhan 1961 negeri Sarawak dan tiada Pelabuhan Persekutuan. Justeru itu, dengan lulusnya RUU pengisytiharan pemansuhan 2024 ini, maka status Pelabuhan Bintulu akan bertukar dari Pelabuhan Persekutuan kepada Pelabuhan Bintulu, di bawah kuasa Sarawak. Maka dengan ini, Akta 217 tidak terpakai lagi.

Akhir sekali Datuk Yang di-Pertua, dukungan dari semua pihak, jelas menunjukkan kita sehaluan menegak semangat Perjanjian Malaysia 1961. Dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Senator Tuan Abun Sui Anyit.

## 12.25 tgh.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Pengisytiharan Suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu Menjadi Suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024.

Seperti yang kita sedia maklum, Pelabuhan Bintulu adalah salah satu Pelabuhan Persekutuan selama ini dan sudah dibahaskan dengan panjang lebar oleh sahabat-sahabat saya sebelum ini di mana pelabuhan ini sepatutnya menjadi milik Sarawak berdasarkan Perlembagaan, Perkara 9. Walau bagaimanapun, saya melihat perkara ini dari sudut positif. Sebelum saya lebih lanjut dahulu, saya ingin sampaikan terima kasih saya kepada semua pihak yang berusaha sehingga menjadikan perkara ini menjadi satu realiti untuk diserahkan pada Sarawak kali ini.

Jadi justeru itu, saya ingin berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah mengambil berat perkara ini untuk diserahkan pada Sarawak. Jadi, kerana kita ada Kerajaan Perpaduan yang mempunyai nilai Madani, maka inilah sebabnya saya percaya perkara itu dapat direalisasikan masa ini. Saya juga berterima kasih kepada Menteri yang terlibat, Menteri Pengangkutan iaitu Yang Berhormat Tuan Anthony Loke dan kakitangan Kementerian Pengangkutan yang juga menyokong perkara ini, dengan pengesahan suatu kawasan di Bintulu itu akan diserahkan kepada Sarawak selepas ini. Saya berharap supaya dan sangat yakin juga supaya perkara ini akan dilaksanakan sepenuhnya oleh kerajaan.

Jadi justeru itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menjadikan ini suatu realiti pada kali ini dan saya juga berharap supaya perkara ini akan diteruskan selepas kita meluluskan pemansuhan ini pada hari ini. Banyak lagi perkara-perkara teknikal yang akan dilaksanakan selepas ini, terutamanya apabila suatu tempat ini akan diserahkan pada Sarawak, dia belum selesai lagi sehinggalah pewartaan itu terjadi.

Justeru itu, saya memohon, saya berharap kepada semua pihak, pegawai-pegawai kerajaan yang mengendalikan pewartaan ini supaya dilaksanakan dengan lancar supaya ia akan benar-benar dilaksanakan dengan sepenuhnya. Malah, dipercepatkan kerana sahabat-sahabat sebelum ini sudah menyatakan *better late than never*. Jadi justeru itu, peringkat ini pun sudah terlambat.

Justeru itu, saya berharap supaya ada usaha ke arah merealisasikan perkara ini secara diwartakan secepat mungkin selepas ini. Jangan kita lagi menunggu pewartaan ini mengambil masa sehingga setahun, dua tahun, lima tahun dan sebagainya. Kerana ia sudah terlalu lama berpangkalan dengan Kerajaan Persekutuan, maka sebab itulah perlu disegerakan pewartaan itu.

Saya juga berharap supaya pihak kerajaan yang masih lagi mempunyai entiti di dalam Pelabuhan Bintulu ini akan bekerjasama terus dan memberikan pengalaman-pengalaman yang ada untuk Kerajaan Sarawak mengendalikan sendiri Pelabuhan Bintulu ini supaya kita belajar daripada pengalaman-pengalaman yang telah- daripada Kerajaan Pusat. Ya, ini adalah memerlukan kerjasama yang baik. Kita tidak perlu sangatlah untuk kembali ke sejarah-



sejarah yang lama. Kalau kita kembali ke sejarah lama ini tidak akan membantu kita. Mungkin boleh memberikan suatu halangan-halangan ke depan, kalau kita selalu mengungkit kisah yang lama.

Justeru itulah, saya sangat bersyukur kerana kita di dalam Kerajaan Perpaduan ini, kerajaan yang mengamalkan nilai Madani ini, maka inilah perkara yang telah terjadi kerana kita bersama di dalam satu kerajaan yang mempertahankan kerajaan yang mempunyai nilai yang baik ini, maka ini akan terjadi. Justeru itu, saya berharap supaya kerajaan pada suatu hari nanti akan terus membantu Bintulu ini kerana dasar luar kita, dasar pelabuhan kita masih juga di dalam Kerajaan Persekutuan, sama-sama untuk memberi panduan pada Sarawak. Sarawak juga pada suatu masa juga harus belajar juga daripada Kerajaan Persekutuan. Ini perkara semua *give and take* dalam perkara ini.

Justeru itu, saya berharap supaya perkara ini tidak akan ada halangan untuk dilaksanakan. Justeru itu, saya sangat menyokong supaya rang undang-undang ini, pemansuhan ini sangat disokong oleh semua kita.

#### ■1230

Justeru, saya berharap kepada semua kita rakyat Malaysia supaya kita melihat perkara ini adalah sesuatu yang hak. Justeru, kita tidak boleh meletakkan sesuatu perkara yang mungkin mencuit hati kita untuk merasakan bahawa kita kehilangan sesuatu. Bagi kita yang di Sarawak pula, jangan kita merasa bangga sehingga kita menyatakan sesuatu yang mungkin mencuit hati juga di pihak-pihak yang menyerahnya kepada kita.

Jadi, inilah satu yang takdir kita pada masa kerajaan yang ada pada hari ini, kita memperoleh yang hak kita. Jadi, syukurlah kita kepada Tuhan kerana kita telah memperoleh hak kita. Justeru, saya berharap kementerian dan juga kerajaan yang ada dalam Kerajaan Perpaduan ini akan terus menjadikan ini menjadi realiti sehingga ia diwartakan. Jadi justeru itu, saya dengan ini menyokong penuh warta pemansuhan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Abun. Sekarang saya jemput Tuan Roderick Wong.

#### 12.31 tgh.

**Tuan Roderick Wong Siew Lead:** Salam hormat dan selamat pagi. Yang dimulikan Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian.

Dato' Yang di-Pertua, hari ini akan menjadi satu hari yang bersejarah pada Malaysia, khasnya kepada seluruh rakyat Sarawak tanpa mengira kaum, agama, fahaman politik dan sebagainya. Sebagai anak Sarawak, saya sangat gembira dan sangat berbangga dengan usaha Kerajaan Madani hari ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri

Anwar bin Ibrahim atas kesungguhan beliau untuk mengembalikan semula hak Sarawak seperti yang termaktub di dalam Perjanjian MA63.

Inilah antara matlamat yang sering kita perjuangkan tidak kira sama ada kita di pihak pembangkang mahupun kerajaan dan Kerajaan Pusat mahupun kerajaan negeri. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Menteri Pengangkutan kita, Yang Berhormat Anthony Loke; Timbalan Menteri Pengangkutan kita; dan juga Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg atas kejayaan ini. Tanpa kerjasama erat daripada semua pihak di peringkat Persekutuan dan peringkat kerajaan negeri, kita tidak akan dapat sampai ke peringkat dan pencapaian ini.

Malahan saya di pihak pembangkang DAP di Sarawak turut bersatu suara dan bersatu hati dengan kerajaan negeri Sarawak menyokong RUU kerana perkara ini adalah suatu langkah positif yang baik untuk kemajuan yang menyeluruh kepada negeri Sarawak amnya. Kemajuan setiap negeri akan akhirnya mencerminkan kejayaan kepada negara kita. Memandangkan cuma ada dua sahaja fasal di dalam RUU ini, saya ada satu persoalan. Persoalan saya ialah, lanjutan daripada pemansuhan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan tentang pengurusan sumber tenaga kerja yang saya pasti akan berlaku akibat daripada pemansuhan ini.

Saya rasa memang akan ada pihak-pihak yang akan terkesan secara negatif dan ada yang akan kehilangan pekerjaan, pertukaran dan kemungkinan diturunkan pangkat atau jawatan akibat daripada pemansuhan ini. Jadi, apakah tindakan yang akan kerajaan ambil untuk mengatasi masalah ini demi membantu tenaga kerja yang terkesan secara negatif atas pemindahan kuasa ini? Saya ingin menyatakan supaya semua kakitangan yang sedia ada, akan dikekalkan dan diberikan latihan yang profesional dan mencukupi daripada segi teknikal atau pengurusan supaya mereka dapat terus memberikan perkhidmatan yang baik dan sekaligus memberikan keyakinan kepada pelabur.

Saya ingin juga menyeru kepada kerajaan Sarawak untuk bersikap adil khasnya terhadap tenaga kerja luar dari Sarawak yang selama ini telah menyumbang tenaga, masa dan kemahiran mereka kepada industri-industri di *Bintulu Port* ini. Selanjutnya Dato' Yang di-Pertua, saya ingin membawa satu perkara yang mungkin sedikit tersasar tetapi masih juga berkaitan dengan RUU ini secara amnya. Besar harapan saya supaya kerjasama yang ditunjukkan oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri ini akan turut disemai dan dipupuk di dalam semua konteks pembangunan, termasuk juga jendela Kerajaan Persekutuan di Sarawak.

Contohnya, kalau saya ingin mendapatkan maklumat berkenaan masalah projek pembangunan seperti Pan Borneo daripada pihak JKR atau saya ingin mendapatkan maklumat mengenai masalah sekolah-sekolah daripada pihak PPD atau kalau saya ingin

mengetahui lebih lanjut masalah di hospital atau klinik di Sarikei. Pokoknya, kalau saya ingin mendapat tahu masalah di mana-mana sahaja agensi-agensi Kerajaan Pusat di kawasan saya, saya mohon agar kerjasama diberikan supaya saya dapat berusaha untuk membantu, membawa dan mengeluarkan isu-isu ini kepada pihak yang berkenaan. Sama seperti komitmen dan kerjasama Kerajaan Madani telah tunjukkan melalui RUU ini.

Akhir sekali Dato' Yang di-Pertua, saya dimaklumkan bahawa tiga buah Jawatankuasa ditubuhkan untuk meneruskan proses rundingan yang akan memperincikan segala rundingan berkaitan dengan teknikal, kewangan, pengurusan sumber manusia dan pengurusan akses. Saya menyokong langkah proaktif ini.

Walau bagaimanapun, saya berharap agar Kerajaan Sarawak akan dapat mengurus dan mengekalkan prestasi dan pencapaian Bintulu Port setelah peralihan kuasa ini nanti. Kita tidak mahu apa yang terjadi dengan isu tong gas yang berlaku baru-baru ini dan masih berlarutan sehingga kini di Sarawak akan juga terus berlaku akibat peralihan kuasa dan mendatangkan huru-hara dan menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat Sarawak. Untuk itu Dato' Yang di-Pertua, saya akhir dengan sekali lagi ingin menyatakan bahawa saya menyokong 100 peratus RUU Pemansuhan Perisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput pembahas terakhir kita, Puan Rita Sarimah.

### 12.36 tgh.

**Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol:** Terima Kasih Dato' Yang Di-Pertua. Seperti "Sirih Pulang ke Gagang", begitulah ibarat penyerahan Pelabuhan Bintulu kepada Kerajaan Sarawak. Kita tiba ke detik yang bersejarah pada hari ini atas kehendak politik atau, dengan izin, *political will*. Kehendak politik Kerajaan Pusat khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bersetuju dan bersedia untuk memperbetulkan keterlampaian Parlimen pada masa yang lalu, demi memartabatkan keluhuran Perlembagaan undang-undang tertinggi negara.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa persetujuan Kerajaan Pusat untuk memindah milik Pelabuhan Bintulu kepada Kerajaan Sarawak boleh dianggap sebagai satu reformasi sikap. Kesediaan Kerajaan Pusat untuk mendengar dan berunding untuk menyelesaikan masalah secara nekad. Sekian lama Sabah dan Sarawak menuntut penunaian beberapa perkara yang terkandung dalam Perjanjian Malaysia 1963. Namun, hanya dalam tempoh dua tiga tahun kebelakangan ini sahaja ada keberhasilan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan dengan tegas bahawa adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk menunaikan MA63.

Ketegasan ini boleh kita lihat dipertunjukkan melalui penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa yang terdapat ada tiga ya- Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian MA63 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, Jawatankuasa Teknikal Perjanjian Malaysia yang dipengerusikan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri II dan Jawatankuasa Penyelaras Perjanjian Malaysia yang diwakili pegawai-pegawai kerajaan yang membincangkan perkara asas MA63. Jadi melalui forum ini, telah membuka ruang untuk perbincangan dan penyelesaian isu-isu berkaitan MA63. Betullah pepatah Dato' Yang di-Pertua- *where there is a will, there is a way*, dengan izin.

Dato' Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum di mana-mana di dunia ini yang mengamalkan sistem *federalisme*, memang wujud pergeseran di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Kadang-kadang Kerajaan Pusat ingin terus memusatkan kuasa di bawah Kerajaan Pusat manakala kerajaan negeri pula mencuba untuk mendapatkan autonomi, tetapi syukur bagi Sabah dan Sarawak, kita bertindak bukan di luar daripada skop ataupun bidang kuasa MA63. Apa yang kita mahu, autonomi yang kita hendakkan dan yang kita pohon adalah berada dalam ruang lingkup MA63. Tidak lain dan tidak bukan dan begitu juga di bawah ruang lingkup Perlembagaan Persekutuan khususnya di bawah senarai 2A senarai negeri dan juga 2A di bawah Jadual Kesembilan.

Syabas saya ucapkan kepada Kerajaan Perpaduan, kerajaan Sarawak dan kerajaan Sabah atas usaha untuk mencapai kesepakatan secara harmoni dan dengan sikap saling hormat-menghormati akan hak-hak masing-masing.

#### ■1240

Datuk Yang di-Pertua, saya yakin bahawa melalui proses ini, hubungan Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Sarawak dan Sabah akan menjadi bertambah utuh.

Datuk Yang di-Pertua, saya berpandangan bahawa pembangunan Pelabuhan Bintulu 45 tahun yang lalu adalah satu keputusan yang pragmatik. Deposit gas di perairan Bintulu perlu digali dan diproses untuk dieksport. Maka, sebuah pelabuhan diperlukan untuk mengendalikan kapal dan gas asli cecair. Kerajaan Persekutuan telah memberi geran sebanyak RM500 juta untuk membangunkan Pelabuhan Bintulu iaitu diberikan kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu.

Lembaga Pelabuhan Bintulu telah mengaut keuntungan sejak tahun pertama ia beroperasi. Kini melalui Lembaga Pelabuhan Bintulu, Kerajaan Pusat telah mendapat pulangan modal. Pembangunan selanjutnya telah dibiayai oleh Bintulu Port Sdn. Bhd., pengendali pelabuhan yang dilesenkan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu. Bintulu Port Sdn. Bhd. telah membangunkan dua Jeti LNG tambahan, terminal kontena dan terminal minyak sawit termasuk *bulking installation* bagi produk sawit. Di samping itu, Pelabuhan Bintulu juga

mengendalikan eksport merangkumi *wax drilling fluid*, kimia *specialty fluid*, ammonia, urea, minyak mentah dan cecair petroleum.

Sebagai pelabuhan air dalam, *hinterland* Pelabuhan Bintulu termasuk wilayah-wilayah utara tengah dan selatan Sarawak, bahkan bagi pengeksportan produk sawit hampir 95 peratus daripada produk sawit iaitu dieksport melalui Pelabuhan Bintulu. Pada tahun lepas, Pelabuhan Bintulu telah mengendalikan 40 juta tan kargo. Daripada segi keselamatan, Pelabuhan Bintulu mempunyai rekod keselamatan yang cemerlang dan pernah mendapat anugerah *Safety Award* di peringkat antarabangsa. Melalui pengapungan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur iaitu sempena dengan pengapungan saham Pelabuhan Bintulu, pekerja-pekerja Pelabuhan Bintulu juga diberi *share* di dalam syarikat.

Ini merupakan *success story*. Sebenarnya, banyak *success story* legasi dari Kerajaan Persekutuan. Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, khususnya Kementerian Pengangkutan atas pimpinan dan bimbingan Pelabuhan Bintulu selama ini. Saya percaya, Kerajaan Sarawak akan meneruskan rekod yang cemerlang ini dan memandu arah Pelabuhan Bintulu, dengan izin, *to greater heights*, terutamanya daripada masa sekarang Kerajaan Sarawak membangunkan Pelabuhan Bintulu sebagai hab petrokimia yang unggul di rantau ini.

Datuk Yang di-Pertua, pengambilalihan Pelabuhan Bintulu adalah sebahagian daripada pelan strategik Kerajaan Sarawak untuk membangun dan menyatukan pelabuhan-pelabuhan Sarawak di bawah satu pentadbiran. Ini akan membolehkan Kerajaan Sarawak merancang pembangunan pelabuhannya selaras dengan pelan pembangunan Sarawak. Kerajaan Sarawak telah dan sedang membangunkan Bintulu sebagai hab petrokimia bagi Sarawak.

Datuk Yang di-Pertua, meskipun Kerajaan Pusat melepaskan hak miliknya- mohon 1 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada masa lagi.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Melepaskan hak miliknya dalam Pelabuhan Bintulu, namun, Kerajaan Pusat masih ada pegangan melalui hak milik saham sebanyak 28.5 peratus dalam Bintulu Port Holdings Berhad iaitu syarikat induk kepada pengendali berlesen Pelabuhan Bintulu, Samalaju Industrial Port dan Biport Bulkiers Sdn. Bhd. Kita tahu bahawa Bintulu Port Holdings Berhad yang disenaraikan di Bursa, dipegang oleh PETRONAS, 28.5 percent, dengan izin, yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan.

Jadi, selain Pelabuhan Bintulu, anak syarikat BHB juga mengendalikan Pelabuhan Industri Samalaju dan juga Terminal Minyak Makan di Pelabuhan Bintulu. Dengan erti kata

lain, melalui anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh Bintulu Port Holdings Berhad, pegangan Kerajaan Pusat telah melimpah ke pembangunan di luar Pelabuhan Bintulu. Pendek kata, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Sarawak membangunkan pelabuhan-pelabuhan bersama-sama. Kalau kita lihat, *strategic partnership* ini juga dilakukan di bidang-bidang yang lain, khususnya di bidang petroleum dan gas. Jadi, *strategic partnership* masih ada.

Dengan itu Datuk Yang di-Pertua, saya dengan bangganya pada hari ini, pada hari yang bersejarah ini, menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan. Semoga Kerajaan Pusat dan Kerajaan Sarawak, maju jaya hendaknya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Memang isu ini merupakan satu *test case* bagi YB juga sebagai Pengerusi Jawatankuasa *Select Committee* Semakan Undang-undang. Kalau boleh elakkan perkara ini daripada berlaku lagi. Terima kasih.

Sekarang ini saya jemput- perbahasan tamat? Sekarang ini tugas YB Menteri berikan jawapan.

**12.45 tgh.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Salam Malaysia Madani. Pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada tujuh orang Ahli-ahli Senator iaitu Yang Berhormat Senator Susan; Yang Berhormat Senator Ahmad Ibrahim; Yang Berhormat Senator Pele; Yang Berhormat Senator Michael Mujah; Yang Berhormat Senator Abun Sui; Yang Berhormat Senator Roderick; dan juga Yang Berhormat Senator Rita.

Saya ucapkan terima kasih kerana telah memberikan sokongan yang padu atas pembentangan Rang Undang-undang Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) ini dan juga kita tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Premier Sarawak atas perundingan, persefahaman yang telah dibuat di antara mereka dan juga kelulusan Jemaah Menteri kerana dengannya, ia membolehkan rang undang-undang ini dapat dibawa dan dibacakan di Parlimen Malaysia pada sesi ini.

Jadi, segala sokongan dan saranan yang diberikan oleh kesemua YB Ahli-ahli Senator yang telah berucap merupakan saranan dan sokongan yang padu. Mungkin ada seorang, dua yang membangkit hal-hal isu teknikal sebab semua ini *insya-Allah* akan diperincikan dalam rang undang-undang seterusnya iaitu di bawah pembubaran, berkaitan teknikal dan sebagainya.

Jadi, hanya sedikitlah tak dijawab yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Roderick tentang- semua perkara akan selepas lulusnya undang-undang ini, *insya-Allah* sebelum diwartakan, jawatankuasa-jawatankuasa, sudah pastinya ada tiga Jawatankuasa

ditubuhkan untuk membincangkan perkara-perkara secara detil, bahagian aset, kewangan dan *staffing* dan sebagainya. Semua ini akan dibincangkan secara detil di peringkat tiga Jawatankuasa ini dan bila- sudah pastinya perkara *staffing* ini diambil kira. Kita juga- saya ingin juga- berkaitan tentang yang *extra-extra* itu tadi YB Roderick, mungkin boleh diajukan kepada kementerian lainlah, Pan Borneo dan sebagainya.

Jadi, saya juga di sini ingin menyentuh apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Rita tadi iaitu bahawa pemansuhan ini yang sebenarnya kita akan tetap menjadi *strategic partner*. Itu sudah pastinya di dalam sebuah negara. Sudah pastinya, saya yakin penghijrahan ini, penghijrahan Pelabuhan Bintulu ini daripada Persekutuan ke negeri ini. Saya yakin, ianya akan menjadi satu legasi dan sudah pasti, *insya-Allah* akan membawa pelabuhan ini kepada *greater height*, dengan izin. Majunya Pelabuhan Bintulu sudah pasti ianya *contribute* atas kemajuan negara kita. Itu yang kita lihat di sini. Penghijrah membawa berkat, membawa kemajuan yang lebih baik, *insya-Allah*.

Maka, dengan itu, saya sekali mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberikan sokongan yang padu dan saranan yang membolehkan *insya-Allah* rang undang-undang ini dapat diluluskan. Terima kasih.

#### ■1250

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya adalah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (Dato' Sri Huang Tiong Sii) dan diluluskan].*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tahniah. Tahniah Negeri Sarawak. Setiausaha... *[Tepuk]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN BINTULU  
(PEMBUBARAN) 2024****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan YB Menteri.

**12.53 tgh.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu rang undang-undang untuk memansuhkan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 [Akta 243] untuk mengadakan peruntukan bagi membubarkan Lembaga Pelabuhan Bintulu, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bentang bertujuan untuk membubarkan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 [Akta 243]. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat Senator, penggubalan Rang Undang-undang Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 [Akta 243] ini adalah lanjutan pembentangan Rang Undang-undang Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024 yang telah saya laksanakan sebentar tadi. Rang undang-undang ini juga telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 17 Julai 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setelah Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 1979 [Akta 217] telah diwartakan pada 19 Februari 1979, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan tindakan sewajarnya untuk membangunkan Pelabuhan Bintulu dengan anggaran kos RM315 juta. Susulan itu, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan pewartaan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 [Akta 243] pada 5 Februari 1981.

Objektif pewujudan Akta 243 ini adalah bertujuan untuk menubuhkan Lembaga Pelabuhan Bintulu ataupun LPB bagi melaksanakan pengurusan pentadbiran dan pengoperasian di Pelabuhan Bintulu. Dengan pewujudan Akta 243 tersebut, Lembaga Pelabuhan Bintulu telah ditubuhkan pada 15 Ogos 1981 dan telah mentadbir urus pengurusan dan operasi Pelabuhan Bintulu sehingga 31 Disember 1992.

Susulan itu, sejajar dengan Dasar Penswastaan Negara, operasi Pelabuhan Bintulu telah diswastakan kepada Bintulu Ports Sdn Bhd ataupun BPSB pada 1 Januari 1993 dan mulai tarikh tersebut, Lembaga Pelabuhan Bintulu telah dipertanggungjawabkan untuk



melaksanakan fungsi sebagai badan kawal selia dan bertindak selaku fasilitator untuk pembangunan Pelabuhan Bintulu.

Dalam pada itu, seperti mana pelabuhan-pelabuhan persekutuan yang lain, Pelabuhan Bintulu turut menyediakan infrastruktur dan peralatan yang moden seiring dengan keperluan semasa industri untuk mengendalikan kontena kargo pukal cecair dan kering serta kargo am agar operasi dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.

Pada 26 Januari 2017, Lembaga Pelabuhan Bintulu juga telah diperluaskan fungsinya ke Pelabuhan Labuan melalui seksyen 66A, 66B dan 66C Akta 243. Menerusi peluasan kuasa ini, suatu Lembaga ditubuhkan dan telah digayakan sebagai Lembaga Pelabuhan Labuan ataupun LPL. Objektif utama penubuhan LPL adalah untuk menjalankan fungsi mengurus pentadbiran dan operasi Pelabuhan Labuan sehingga kini.

Seterusnya, pada 20 Februari 2023, Kerajaan Sarawak telah mengemukakan suatu memorandum kepada kementerian ini berkenaan hasrat Kerajaan Sarawak untuk menukar status Pelabuhan Bintulu kepada Pelabuhan Persekutuan- daripada Pelabuhan Persekutuan kepada Pelabuhan Negeri Sarawak.

Lanjutan dari itu, kementerian ini telah melaksanakan tindakan sewajarnya bagi memperhalusi permohonan tersebut bersama Kerajaan Sarawak. Oleh itu, satu memorandum Jemaah Menteri mengenai hasil perbincangan tersebut telah dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Mac 2024. Melalui mesyuarat tersebut, Jemaah Menteri secara prinsipnya antara lain telah bersetuju supaya Lembaga Pelabuhan Bintulu dibubarkan dan tindakan penukaran status Pelabuhan Bintulu daripada Pelabuhan Persekutuan kepada Pelabuhan Negeri Sarawak dilaksanakan.

Pada tarikh yang sama juga, Kerajaan Persekutuan yang telah diwakili oleh Kementerian Pengangkutan dan Kerajaan Negeri Sarawak yang diwakili oleh Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak telah menandatangani satu memorandum persefahaman untuk menubuhkan Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Khas untuk melaksanakan tindakan gerak kerja penukaran status Pelabuhan Bintulu yang sewajarnya selaras dengan persetujuan Jemaah Menteri pada 22 Mac tahun 2024. *Continue Sir?*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya?

**Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** No, dah pukul 1.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak, tak. YB Menteri nak sambung sampai habis, lama lagi kah tidak apa ini perenggan?

**Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Boleh tahan, panjang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Banyak lagi? Kalau panjang lagi YB Menteri, kita berhenti untuk rehat pukul 1 lah. YB Menteri sambung balik jam 2.30. Boleh?

**Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Boleh, *insya-Allah*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh ya.

**Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Saya habiskan satu ini sahaja lah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Habiskan satu *para* itu sampai pukul 1. Selepas itu, saya akan tempohkan Dewan.

**Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Melalui ketiga-tiga Jawatankuasa tersebut, kementerian ini bersama-sama Kerajaan Negeri Sarawak telah menggubal Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024 dan Rang Undang-undang Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa sudah sampai jam 1 tengah hari. Mesyuarat dengan ini dtempohkan dan akan bersambung semula jam 2.30 petang ini. Terima kasih.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung ya.

Seterusnya, pada 12 Julai tahun 2024, kerajaan telah bersetuju untuk membentangkan rang undang-undang tersebut dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Parlimen Kelima Belas 2024 ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, untuk makluman, Lembaga Pelabuhan Bintulu telah diisytiharkan sebagai badan berkanun di luar saraan dan dibebaskan pada 1 September 2023.

Bilangan perjawatan Lembaga Pelabuhan Bintulu pada masa ini berdasarkan Sistem Saraan Lembaga Pelabuhan Bintulu 2024 adalah seramai 88 perjawatan dengan 82 pengisian, termasuk satu jawatan peminjaman dan 45 perjawatan kontrak dengan 44 pengisian.

Saya juga ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan rundingan sewajarnya supaya kesemua penyandang

lantikan tetap dan lantikan kontrak di bawah Lembaga Pelabuhan Bintulu ini menerima tawaran tidak kurang baiknya daripada apa yang sedang dinikmati di bawah pentadbiran Lembaga Pelabuhan Bintulu daripada Kerajaan Sarawak untuk terus berkhidmat bagi meneruskan prestasi operasi dan pengurusan yang cemerlang di Pelabuhan Bintulu.

Selain itu, Kerajaan Sarawak juga telah bersetuju supaya aset kewangan milik Lembaga Pelabuhan Bintulu akan dipindahkan sepenuhnya kepada Kerajaan Persekutuan, sebaik sahaja kedua-dua rang undang-undang ini dikuatkuasakan. Kerajaan Sarawak turut bersetuju untuk membayar sejumlah pampasan terhadap aset-aset Pelabuhan Bintulu kepada kerajaan dan jumlah nilai pampasan tersebut adalah tertakluk kepada rundingan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri yang seterusnya diangkat untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri.

Dalam hal ini, perbincangan, rundingan dan penelitian sentiasa dilaksanakan secara berkala melibatkan Kerajaan Persekutuan, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan kerajaan Sarawak bagi memastikan kepentingan dan hak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak terjaga. Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, Kerajaan Persekutuan juga mengambil maklum mengenai keperluan untuk mewujudkan Lembaga Pelabuhan Labuan di bawah akta yang berasingan iaitu di bawah Jadual 1 Akta Lembaga Pelabuhan 1963 [*Akta 488*] memandangkan Akta 243 ini akan dibubarkan untuk membolehkan penukaran status Pelabuhan Bintulu dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu, melalui persetujuan Jemaah Menteri pada 22 Mac 2024. Kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan tindakan penelitian dan semakan berkaitan penubuhan perjawatan, peruntukan kewangan dan penggubalan perundangan yang sewajarnya dalam melaksanakan pewartaan Lembaga Pelabuhan Labuan di bawah Jadual 1 Akta Lembaga Pelabuhan 1963 [*Akta 488*]. Pewartaan ini perlu dilaksanakan bagi membolehkan Lembaga Pelabuhan Labuan tertubuh di bawah suatu akta berasingan dan menjalankan operasi di Pelabuhan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya Rang Undang-undang Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu Pembubaran 2024 ini merangkumi 12 fasal secara keseluruhannya seperti mana berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemansuhan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 dan pembubaran lembaga.

Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penurunan kuasa, hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi lembaga kepada kerajaan atau Kerajaan Sarawak atau mana-mana entiti yang diberi kuasa atau dilantik oleh Kerajaan Sarawak di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan, mengikut persetujuan bertulis kerajaan dan Kerajaan Sarawak.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan aset kewangan. Subfasal 5(1) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semua aset kewangan yang ada pada atau kena dibayar kepada lembaga hendaklah dipindahkan kepada kerajaan.

Subfasal 5(2) bertujuan untuk mentakrifkan aset kewangan yang disebut dalam subfasal 5(1) sebagai apa-apa aset yang dimiliki oleh lembaga termasuk pinjaman yang diberikan urus niaga belum diterima dan pelaburan yang boleh dicairkan kepada nilai wang tunai.

Fasal 6 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi semua deposit sewa dan deposit pajakan yang ada pada lembaga. Semua terimaan pendahuluan pajakan yang ada pada lembaga dan sewa pajakan yang kena dibayar kepada lembaga hendaklah dipindahkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak atau mana-mana entiti yang diberi kuasa atau dilantik oleh Kerajaan Sarawak di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan.

Fasal 7 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan semua perjanjian, semua ikatan, dokumen dan surat cara lain yang sedia ada daripada Lembaga kepada kerajaan atau Kerajaan Sarawak atau mana-mana entiti yang diberi kuasa atau dilantik oleh Kerajaan Sarawak di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan mengikut persetujuan bertulis kerajaan dan Kerajaan Sarawak.

Fasal 8 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengecualian apa-apa lesen yang dipegang oleh seseorang sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 9 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penerusan prosiding undang-undang oleh atau terhadap lembaga di bawah Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.

#### ■1440

Fasal ini juga memperuntukkan bahawa apa-apa kos dan perbelanjaan yang timbul daripada apa-apa prosiding atau klausa, tindakan yang penghakiman atau award telah dibuat terhadap Lembaga atau teraku terhadap Lembaga sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini hendaklah ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.

Fasal 10 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penerusan semua undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari yang berkuat kuasa sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan dan apa-apa sebutan mengenai lembaga dalam mana-mana undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari atau dokumen hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai *Bintulu Port Authority* (Sarawak).

Fasal 11 mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan perletakhakan pada kerajaan atau Kerajaan Negeri Sarawak atau mana-mana entiti yang diberi kuasa atau dilantik oleh Kerajaan Sarawak di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan mengikut persetujuan bertulis di antara kerajaan dan Kerajaan Sarawak.

Semua harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti Lembaga yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah yang disiarkan dalam Warta tanpa apa-apa pemindahanhakkan, penyerahhakan atau pemindahan.

Fasal 12 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa persetujuan bertulis ertinya persetujuan kedua-dua Kerajaan dan Kerajaan Sarawak sebagaimana yang dinyatakan dalam apa-apa dokumen atau instrumen yang diperakui dan disahkan oleh kerajaan dan Kerajaan Sarawak.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, penggubalan Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024 ini sebagaimana juga pembentangan Rang Undang-undang Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu *Port* Persekutuan (Pemansuhan) 2024 telah melalui semakan perundangan yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Pengangkutan, Lembaga Pelabuhan Bintulu, Kerajaan Sarawak dan Jabatan Peguam Negara.

Dalam hubungan ini, sepertimana yang telah dimaklumkan sebilangan jawatankuasa telah ditubuhkan bagi membincangkan secara terperinci mengenai struktur, fungsi, bidang tugas, implikasi perjawatan, kewangan, bayaran pampasan dan perundangan susulan pembubaran Lembaga Pelabuhan Bintulu dan penukaran status Pelabuhan Bintulu kepada Pelabuhan Negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, hala tuju kerajaan seterusnya adalah untuk melaksanakan tindakan lanjut bersama Kerajaan Sarawak untuk merunding dan memperkemas perkara-perkara berkaitan operasi perundangan, pengurusan sumber manusia dan kewangan berpandukan fasal-fasal yang telah dinyatakan dalam rang undang-undang pembubaran ini. Hal ini bertujuan untuk memastikan segala kepentingan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak dari sudut perundangan, kewangan dan sumber manusia terpelihara.

Oleh yang demikian, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa pihak kerajaan akan memastikan supaya kesemua rundingan dan gerak kerja bersama Kerajaan Sarawak dapat dimuktamadkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri sebelum penguatkuasaan Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024 dan Rang Undang-undang Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu *Port* Persekutuan (Pemansuhan) 2024 dikuatkuasakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya rang undang-undang ini akan dikuatkuasakan setelah keseluruhan perkara-perkara yang berkaitan, rundingan dan persetujuan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri untuk memastikan segala kepentingan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak dari sudut operasi, perundangan, kewangan dan sumber manusia terpelihara. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada siapa-siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Puan Saraswathy a/p Kandasami]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 untuk membubarkan Lembaga Pelabuhan Bintulu yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk mengadakan peruntukan bagi perletakhakan hartanya kepada kerajaan atau Kerajaan Negeri Sarawak atau mana-mana entiti yang diberi kuasa atau dilantik oleh Kerajaan Negeri Sarawak di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan dan untuk mengadakan peruntukan yang berkaitan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ada lapan orang Ahli yang hendak berbahas, maka saya memberi masa 7 minit seorang. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

**2.46 ptg.**

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bermula dengan pemeteraian memorandum persefahaman atau MoU pada bulan Mac lalu, kesungguhan Kerajaan Perpaduan ke arah memuktamadkan penukaran status pemilikan Pelabuhan Bintulu seterusnya dizahirkan dengan pembubaran Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam satu sidang-*sorry*, minta maaf. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam satu Sidang Media selepas Majlis Pemeteraian MoU tersebut, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan keyakinan bahawa segala proses yang melibatkan penukaran status pemilikan Pelabuhan Bintulu kepada Kerajaan Negeri Sarawak akan dapat diselesaikan dan dimuktamadkan dalam tahun ini juga dan penyerahan keseluruhan operasi akan dilakukan menjelang tahun 2025.

Sebagai sebuah pelabuhan yang sudah sekian lama menjadi antara punca perolehan ekonomi yang signifikan kepada Kerajaan Persekutuan, khususnya penggiat sektor logistik di

luar sana ingin mengetahui perjalanan yang perlu dilalui oleh Kerajaan Persekutuan dalam menjayakan penyerahan Pelabuhan Bintulu.

Sehubungan dengan itu, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memperincikan kepada Dewan Negara yang mulia ini berkenaan perkara-perkara yang berikut. Pertama, apakah klausa ataupun peruntukan asal yang telah dipersetujui dan tidak dipersetujui sama ada dalam Kementerian Pengangkutan atau Kerajaan Negeri Sarawak sebelum draf MoU dimuktamadkan untuk pemeteraian pada bulan Mac lalu.

Kedua, adakah penyerahan hak milik operasi Pelabuhan Bintulu kepada Kerajaan Negeri Sarawak kelak akan memberi kesan kepada status perjawatan kakitangan Pelabuhan Bintulu khususnya kakitangan dari Semenanjung Malaysia dan kakitangan yang berstatus kontrak.

Ketiga, berapakah purata pendapatan tahunan Kerajaan Persekutuan yang telah dijana daripada operasi Pelabuhan Bintulu sejak ia mula-mula beroperasi. Saya juga minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan perincian dapatan daripada analisis kos dan manfaat yang telah dibuat di peringkat Kerajaan Persekutuan sebelum memuktamadkan setiap proses ke arah merealisasikan penyerahan Pelabuhan Bintulu kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Keempat, berapakah jumlah pelantikan- jumlah pelantikan Pengerusi Bukan Eksekutif yang telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan sama ada dalam kalangan ahli politik, Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Negara sejak ia mula beroperasi.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan jumlah keseluruhan saraan yang telah dibayar kepada setiap individu yang pernah dilantik menjadi Pengerusi Bukan Eksekutif kepada Pelabuhan Bintulu.

Kelima, bagaimanakah penukaran hak milik Pelabuhan Bintulu ini akan memberi kesan positif kepada kitaran pulangan ekonomi kepada Kerajaan Persekutuan.

#### ■1450

Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan alternatif penjanaan pendapatan yang sedang dan akan diterokai oleh Kerajaan Persekutuan dalam sektor logistik pelabuhan untuk menggantikan sumber pendapatan yang selama ini dijana oleh Pelabuhan Bintulu sebagai pendapatan Kerajaan Persekutuan.

Bercakap tentang penjanaan pendapatan, saya tertarik untuk mengutarakan perhatian saya berkenaan dengan prestasi operasi perniagaan Pelabuhan Bintulu seperti yang dipaparkan dalam laman sesawangnya. Statistik tahunan yang dipaparkan hanya dikemas kini setakat 19 Februari 2019 dan hanya statistik bagi tahun 2014 hingga 2018 sahaja yang dipaparkan.

Mungkin Yang Berhormat Menteri terlepas pandang untuk melakukan semakan terhadap kemas kini laman sesawang Pelabuhan Bintulu yang sepatutnya dibuat secara berkala bagi memudahkan rakyat mengetahui pencapaian semasa pelabuhan yang pernah menjadi hak Persekutuan. Berdasarkan statistik tersebut, Pelabuhan Bintulu telah mencatatkan jumlah pengendalian kargo sebanyak 45.38 juta tan bagi tahun 2014, 44.72 juta tan bagi tahun 2015, 45.99 juta tan bagi tahun 2016, 46.54 juta tan bagi tahun 2017 dan 44.58 juta tan bagi tahun 2018.

Pelabuhan Bintulu mencatatkan jumlah kemasukan kargo paling tinggi pada tahun 2017 dan terendah pada tahun 2018. Tiada rekod bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 yang dipaparkan dalam statistik tersebut.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapakah tan kargo yang telah dikendalikan oleh Pelabuhan Bintulu bagi tahun 2019 hingga tahun 2023 untuk kargo pukal cecair, pukal kering dan kargo am. Yang terakhir, saya berharap agar penyerahan hak milik operasi Pelabuhan Bintulu pada Kerajaan Negeri Sarawak tidak akan menjejaskan nasib serta kelangsungan kakitangan dari Semenanjung yang mungkin ada dari antara mereka sudah berkhidmat melebihi 10 hingga 15 tahun.

Saya mengharapkan agar mereka akan dapat menerokai dimensi baharu dalam kerjaya mereka seiring dengan kelebihan yang akan ditawarkan oleh pengurusan tertinggi Pelabuhan Bintulu nanti.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat maju jaya kepada seluruh warga kerja Pelabuhan Bintulu yang akan dioperasi sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak bermula tahun hadapan.

Dato' Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim.

**2.53 ptg.**

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum. Salam Malaysia Madani dan 'Salam Sarawak Ku Sayang.'*

Terima kasih kerana memberi peluang buat saya untuk menyertai pembahasan RUU Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024. Tahniah, saya ingin sebelum saya bermula, mengucapkan kepada Dato' Yang di-Pertua kerana pelantikan sebagai Presiden Dewan Negara... *[Tepuk] Thank you YB Roderick.*



Dato' Yang di-Pertua, kesinambungan kepada pemansuhan akta tadi dan pembubaran Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu memberi suatu signifikan kepada Kerajaan Sarawak dengan peralihan *regulator* daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Sarawak. Saya boleh katakan ini memberi gambaran yang jelas dan tuntas mengenai komitmen Kerajaan Persekutuan untuk mendengar kehendak hasrat Kerajaan Sarawak untuk mengambil alih dan mengawal selia Bintulu Port sebagai sebahagian dari Pelabuhan Sarawak.

Dato' Yang di-Pertua, penurunan kuasa, hak, kewajipan, *liability*, obligasi dan pematuhan Lembaga Pelabuhan Bintulu diserahkan kepada Kerajaan Sarawak. Ini merupakan permulaan yang baik untuk Sarawak dan juga Kerajaan Persekutuan dalam memahami apa termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebenarnya. Tidak perlu digusarkan mengenai pengambilan alihan ini kerana ia tetap juga sebahagian dalam Kerajaan Persekutuan.

Seterusnya, Bintulu Port Sdn. Bhd. akan terus beroperasi seperti biasa memandangkan pertukaran status *port* dari Kerajaan Persekutuan ke Kerajaan Sarawak tidak menjejaskan fungsi mereka sebagai operator pelabuhan. Begitu juga dengan Pelabuhan Bintulu. Wakil dari Persekutuan seperti Petronas tetap ada di situ seperti mana sebelumnya. Ini lah keunikan dalam kita mengekalkan semangat Persekutuan. Kita saling lengkap melengkapi.

Yakinlah dengan kemampuan dan iltizam Kerajaan Sarawak dalam mengurus tadbir dan mengawal selia Lembaga Pelabuhan Bintulu. Sekali gus, dapat mengurangkan beban pengurusan oleh Kerajaan Persekutuan dengan pemindahan tanggungjawab operasi harian Pelabuhan Bintulu kepada Kerajaan Sarawak yang boleh membawa dan memberi manfaat kepada kita keseluruhannya. Dengan mengalihkan pengurusan kepada Kerajaan Sarawak, Kerajaan Persekutuan dapat mengoptimumkan penggunaan sumber yang sedia ada untuk fokus pada perkara-perkara yang lebih penting, pembangunan yang lain atau infrastruktur lain yang saya fikir juga memerlukan perhatian secara menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada infrastruktur asas yang lain.

Dalam masa yang sama, dengan Kerajaan Sarawak mengambil alih tanggungjawab operasi harian Pelabuhan Bintulu, maka Kerajaan Persekutuan dapat mengurangkan perbelanjaan langsung yang berkaitan dengan pengurusan, penyelenggaraan dan pembangunan pelabuhan tersebut. Lembaga Pelabuhan Bintulu masih perlu membayar cukai kepada Kerajaan Persekutuan atau keuntungan yang diperoleh. Mengenai soal keselamatan, tanggungjawab keselamatan masih di bawah tanggungan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan keselamatan perairan Malaysia terjaga daripada sebarang ancaman.

Keikhlasan Kerajaan Persekutuan terhadap kerajaan negeri atau wilayah amatlah kita sanjung dan kita hormati dan memastikan agenda MA63 terus subur dan dilaksanakan. Ini merupakan sebahagian daripada pembangunan bersama kita.

Dato' Yang di-Pertua, untuk perkara lain pula, sebaiknya terletak pada rundingan antara Kerajaan Sarawak dan Persekutuan. Perkara ini telah berjalan dan hari ini adalah hari bersejarah di Dewan yang mulia ini dengan akta pemansuhan dan juga pembubaran.

Akhir sekali, saya berharap dengan pembubaran Lembaga Bintulu Port ini akan menjadi satu limpahan rezeki yang berganda kepada Sarawak dan seterusnya Malaysia. Dukungan dan iltizam yang jelas antara Persekutuan dan Sarawak akan terus subur mengikut kerangka Perlembagaan Persekutuan. Dengan ini, saya menyokong penuh RUU pembubaran ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom.

**2.59 ptg.**

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Selamat petang, salam Malaysia Madani, salam *segulai, sejalai*.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini pada 22 Julai 2024, bersamaan dengan Hari Sarawak, hari yang signifikan kepada Sarawak, khususnya dan kepada Malaysia amnya.

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Perpaduan ditubuhkan dan salah satu pegangan adalah untuk Kerajaan Pusat mengembalikan hak-hak dan keistimewaan yang termaktub di dalam Perjanjian Malaysia 1963 melalui proses-proses Perlembagaan dan undang-undang di negara ini.

■1500

Justeru itu, terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan Yang Amat Berhormat Premier, bagi pihak Kerajaan Sarawak dan Jemaah Menteri kerana sama-sama bersetuju membolehkan penyerahan pemilikan Pelabuhan Bintulu kepada Kerajaan Sarawak melalui rang undang-undang ini sekiranya diluluskan sebentar nanti.

Untuk mengembalikan hak-hak dan keistimewaan tersebut iaitu termasuk hak di bawah pelabuhan. Di sini saya ingin menekankan sekali lagi bahawa Sarawak bukan meminta dan mengambil hak-hal orang lain, negeri-negeri lain, Kerajaan Pusat tetapi hanya meminta hak-hak dan keistimewaan kepunyaan Sarawak seperti yang dipersetujui melalui Perjanjian Malaysia 1963 dan juga yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan supaya diperbetulkan dan dikembalikan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengenalan itu tadi maka tepatlah masanya untuk Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 dibubarkan supaya Lembaga Pelabuhan Bintulu dikembalikan kepada Kerajaan Sarawak. Ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini juga diterangkan dengan jelas oleh Timbalan Menteri Pengangkutan Dr. Goh Cheng Teik semasa membentangkan rang undang-undang ini di Parlimen pada tahun 1981 di mana beliau menyatakan, dengan izin, *Parliament cannot exercise state legislative powers under Item 15 of List 2(a) unless at the request of the state legislature of Sarawak*. Ini adalah seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 76(1)(c), Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut seperti yang ada dalam rang undang-undang ini ada 12 fasal, yang pasti telah dengan terperinci dibincangkan dan dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak sebelum dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Walaupun demikian, saya ingin merujuk kepada fasal 4 dan fasal 5 yang ada kuasa berkenaan dengan peruntukan kewangan di mana dengan kuasa tersebut saya memohon supaya pegangan saham, dengan izin, *the golden share* yang telah diberikan kepada Kerajaan Persekutuan khususnya untuk melantik Lembaga Pengarah diserahkan pada Sarawak mengikut kuasa di bawah fasal 4 dan fasal 5. Ini adalah selaras dengan objektif dan kehendak pemansuhan Akta Pelabuhan Bintulu dan pembubaran Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu yang memerlukan keputusan untuk diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada fasal 6 dan fasal 7. Saya memohon supaya semua liabiliti dan tanggungan harus dilunaskan atau, dengan izin, *shall be under the responsibility of the current authority* sebelum proses penyerahan dilaksanakan. Saya memohon perkara ini diambil perhatian oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak.

Saya juga memohon di bawah fasal 7 supaya aset berbentuk tanah yang telah, dengan izin, *alienated to the current authority* diserahkan hak miliknya kepada Kerajaan Sarawak melalui satu agensi atau satu badan yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Sarawak. Ini supaya tanah tersebut terus disewa dan digunakan oleh operator-operator pelabuhan yang sedia ada.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja hujah-hujah saya. Maka saya sesama menyokong supaya rang undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Michael Mujah.

**3.05 ptg.**

**Tuan Michael Mujah Lihan:** Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Awang Bemee bin Awang Ali Basah yang telah dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Selamat menjalankan tugas Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya terlibat sama dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024. Langkah ini menjadi penanda aras dalam usaha untuk menyelaraskan, mengurus dan memodenkan landskap pengurusan pelabuhan bagi mencapai kecekapan dan keberkesanan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Perpaduan bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas usaha-usaha gigih yang telah dilaksanakan untuk Sarawak. Atas kerjasama yang erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak, pelbagai isu lama yang telah berlarutan bertahun-tahun lamanya kini mula menemui jalan penyelesaian.

Salah satu perubahan adalah apa yang kita bahas pada hari ini iaitu untuk menukar status Pelabuhan Bintulu dari Pelabuhan Persekutuan kepada pelabuhan milik negeri Sarawak. Pemansuhan Akta Pelabuhan Bintulu membawa serangkaian perubahan yang bermatlamat untuk mengubah landskap pengurusan pelabuhan tersebut.

Keputusan ini mendapat sokongan dalam usaha mengangkat semangat perjanjian Malaysia 1963 yang mementingkan peranan setiap negeri dalam pembangunan dan penyelarasan dasar. Adalah penting bagi Pelabuhan Bintulu dibangunkan seiring dengan pertumbuhan dan keperluan kawasan pedalaman, seiring dengan jajaran pembangunan yang dirancang. Pelabuhan Bintulu akan berkembang dan maju sebagai salah satu daripada kluster Pelabuhan Sarawak yang akan dikawal oleh Lembaga Pelabuhan Sarawak yang telah ditubuhkan di bawah Ordinan Lembaga Pelabuhan Sarawak 2024, telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak pada bulan Mei tahun ini.

Atas sebab itulah, amat penting bagi Pelabuhan Bintulu diserahkan kepada Kerajaan Sarawak untuk memudahkan koordinasi, perancangan pembangunan dan melengkapkan ekosistem ekonomi Sarawak. Pemansuhan Akta Pelabuhan Bintulu juga memberikan jaminan kepada kesinambungan pembangunan pelabuhan yang berdaya maju dan berdaya saing. Pelan langkah yang teliti dijangka akan membantu merencanakan inisiatif pembangunan yang berkualiti, bertaraf dunia bagi manfaat masyarakat setempat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan ini telah jelas membuktikan komitmen Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menunaikan Perjanjian 1963. Dengan penyerahan kuasa kawalan kepada kerajaan negeri, Kerajaan

Sarawak dapat menyelaraskan kesemua pelabuhan yang terdapat di negeri Sarawak dan menyusun dasar-dasar yang dapat memastikan pelabuhan di Sarawak dapat beroperasi dengan lebih berkesan, mempercepatkan proses logistik dan menarik lebih banyak pelaburan asing.

Saya berharap supaya transisi tidak akan memberikan kesan kepada pengoperasian pelabuhan tersebut. Saya juga berharap supaya segala manfaat yang sedang dinikmati oleh semua kakitangan di Pelabuhan Bintulu sedia ada akan dikekalkan atau selepas status Pelabuhan Bintulu ditukar kepada pelabuhan negeri.

Saya berharap, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada rakyat Sarawak agar perkara-perkara yang tersenarai dalam MA63 seperti mana yang kita bahaskan pada hari ini dapat dikembalikan kepada negeri Sarawak. Dengan semangat perpaduan, kedekatan dan misi bersama untuk kemajuan kita dapat terus membina Sarawak yang lebih kuat dan makmur di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Premier Abang Jo.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengakhiri perbahasan ini, marilah kita sama-sama mengambil perhatian kepada potensi positif yang lebih tercapai melalui reformasi pengurusan Pelabuhan Bintulu.

#### ■1510

Melalui pemansuhan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu, kita mengejar matlamat yang lebih luas dalam pembangunan infrastruktur yang makmur dan berdaya maju. Marilah kita bersama-sama menyokong langkah ini membawa kelestarian dan kemakmuran kepada wilayah Sarawak dan negara kita. Sekian. Saya dengan bangganya memohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui.

#### 3.10 ptg.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Salam perpaduan, salam Malaysia Madani dan salam *segulai sejalai*. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024. Ini adalah ekoran daripada rang undang-undang yang kita luluskan sebentar pagi tadi. Jadi, justeru itu, saya ingin membicarakan tentang beberapa isu ataupun perkara untuk diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Sudah tentulah akta ini- terutamanya saya melihat kepada fasal 9 di mana pemansuhan dan pembubaran. Jadi, apabila ada pemansuhan dan pembubaran, yang saya akan khuatir kerana yang dibubarkan dalam fasal ini adalah Lembaga Pelabuhan Bintulu.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah akan ada kesan-kesan negatif kepada anggota-anggota Lembaga ini? Ataupun mereka akan terus diterapkan seperti sedia kala? Jadi, ini perlu ada satu jaminan, perlu ada satu persefahaman di antara Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Sarawak supaya tidak ada pihak-pihak tertentu yang akan terjejas akibat daripada peralihan pemilikan ini.

Jadi, justeru itu, saya berharap supaya dalam proses seterusnya selepas kita meluluskan rang undang-undang pembubaran ini, supaya satu mekanisme yang tidak merugikan sesiapa perlu disepakati oleh kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak.

Justeru, saya juga ingin bertanya tentang fasal 7 di mana kontrak sedia ada dikatakan akan dikekalkan. Jadi, kita tidak mahu perkara-perkara yang merugikan sesiapa juga berlaku akibat daripada perpindahan kuasa ini ataupun perpindahan hak milik ini. Jadi, saya sangat menyokong sekiranya perpindahan ini tidak akan menjejaskan sesiapa dan biarlah kontrak-kontrak yang ada, sekiranya berlaku buat masa ini, perlu dikekalkan seperti mana yang dijanjikan dalam fasal 7 ini supaya tidak menjejaskan pihak-pihak yang telah selama ini menyumbang secara baik, secara positif kepada kemajuan Bintulu.

Bintulu merupakan sebuah pelabuhan yang mengendalikan minyak ataupun gas asli yang dikatakan terbesar di dunia. Justeru itu, ini adalah satu peralihan pemilikan yang menguntungkan Sarawak, tetapi walau bagaimanapun, Sarawak maju bermakna Malaysia juga maju, tetapi apa yang kita lakukan pada hari ini adalah proses untuk mengembalikan pemilikan kepada yang hak. Justeru itu, pihak tertentu tidak perlulah terasa terguris ataupun apa-apa pun dalam pengembalian hak ini kerana inilah maksud kerajaan sekarang, Kerajaan Malaysia Madani yang memberikan hak kepada mereka yang berhak. Justeru itu, saya berharap supaya perkara ini diambil berat.

Fasal 11 pula adalah saya mencadangkan agar semua harta milik Pelabuhan Bintulu ini turut disertakan diserahkan juga kepada Kerajaan Sarawak supaya seolah-olah pemilikan ini seolah-olah adalah *as if*, dengan izin, dimiliki oleh Kerajaan Sarawak selama ini. Cuma ada keterlanjuran sedikit, tetapi itu adalah tinggal sejarah sekarang. Justeru itu, saya berharap supaya harta-harta ini dikendalikan dengan baik dan saya berharap Kerajaan Sarawak setelah diberi kuasa untuk mengendalikan Pelabuhan Bintulu ini akan menjadi lebih baik lagi berbanding sedia ada pada hari ini.

Saya juga berharap supaya Kerajaan Persekutuan yang telah berkemahiran dan berpengalaman mengendalikan pelabuhan-pelabuhan besar supaya terus memberi sokongan kepada Kerajaan Sarawak supaya mengendalikan Bintulu ini menjadi pelabuhan yang terkenal bukan sahaja di kawasan Asia ini bahkan seantero dunia kerana kita adalah pengeksport utama minyak gas asli ini. Justeru itu, saya berharap supaya apa yang kita

lakukan pada hari ini adalah sesuatu yang pengembalian hak kepada yang memang berharap.

Justeru itu, saya menyokong pindaan ini dan saya doakan supaya Bintulu ini akan terus maju seperti sekarang ini, bahkan menjadi lebih maju lagi setelah diambil alih oleh Kerajaan Sarawak. Sekian. Dengan ini, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong.

**3.15 ptg.**

**Tuan Roderick Wong Siew Lead:** Salam sejahtera dan bertemu kembali. Yang dimulikan Tuan Speaker dan salam hormat kepada rakan-rakan Yang Berhormat Senator. Terima kasih sekali lagi Dato' Yang di-Pertua kerana membuka ruang untuk saya berdiri dan kembali menyatakan pendirian saya kali ini mengenai RUU pemansuhan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 [Akta 243] untuk membubarkan Lembaga Pelabuhan Bintulu. Sekali lagi saya ingin bersama-sama dengan Ahli-ahli Senator yang lain dari Sarawak juga untuk turut sama memberikan sokongan penuh saya kepada RUU ini.

Dato' Yang di-Pertua, justifikasi pembubaran ini saya anggap penting selaras dengan pemansuhan Akta Pengisytiharan suatu Kawasan Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 1979. Untuk kepentingan ekonomi, pindaan melalui RUU ini dilihat sebagai satu langkah untuk mengintegrasikan dan *centralize*, dengan izin, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Sarawak. Peranan dan kedudukan pelabuhan-pelabuhan di Sarawak sangat penting kerana Sarawak yang berada di Pulau Borneo. Oleh kerana itu, jalan laut merupakan jalan perhubungan ekonomi yang paling strategik. Ekonomi dan produktif mempunyai peranan yang sangat penting sebagai pusat pengangkutan dan peredaran.

Merujuk kepada fasal 5(1) yang mengatakan tentang pemindahan aset kewangan mengenai semua aset kewangan yang ada pada atau yang kena dibayar pada Lembaga hendaklah dipindahkan kepada kerajaan. Persoalan saya yang pertama ialah, berapakah jumlah semua aset kewangan atau yang kena dibayar pada Lembaga yang akan dipindahkan kepada kerajaan?

Dato' Yang di-Pertua, usaha untuk mengkoordinasi pengurusan pembubaran dan pemindahan pentadbiran daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sarawak, saya yakin adalah rumit dan memerlukan masa serta perlu ditangani dengan teliti dan menyeluruh supaya kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri tidak akan tercalar dan terjejas akibat daripada perkara-perkara yang tidak diingini yang akan timbul daripada proses pemansuhan dan pembubaran ini kelak.

Berikutnya, apa yang menjadi tanda tanya seterusnya ialah mengenai fasal 9(3)(a) dan (b) yang antara lainnya menyebut kerajaan hendaklah menanggung kos dan

perbelanjaan apa-apa prosiding atau kausa tindakan penghakiman atau award telah dibuat terhadap Lembaga atau terakru terhadap Lembaga. Saya ingin memohon maklumat tentang berapakah jumlah yang akan ditanggung oleh kerajaan ke atas kos dan perbelanjaan prosiding dan kausa tindakan setakat ini.

Sehubungan dengan ini, fasal 10(1) pula yang menyebut tentang penerusan undang-undang dan sebagainya menyebut semua undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari yang berkuat kuasa sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini hendaklah, sehingga dipinda atau dibatalkan, terus berkuat kuasa dan ditafsirkan seolah-olah akta ini tidak pernah diluluskan.

Timbul persoalan. Apakah yang akan berlaku sekiranya berlaku pertindihan ataupun pertembungan dari sudut perundangan? Saya juga ingin tahu, berapa banyak lagi undang-undang bertulis termasuk subsidiari yang lain yang berkaitan dengan perkara ini? Bilakah atau adakah *timeframe*, dengan izin, undang-undang bertulis dan bersubsidiari berkenaan akan dipinda atau dibatalkan?

Ada satu perkara yang saya kira agak bercanggah, tidak masuk akal dan tidak mencerminkan ketelusan serta boleh menyebabkan keraguan pihak pelabuhan. Kalau kita lihat dari carta organisasi melalui laman web rasmi Lembaga Pelabuhan Bintulu, jawatan ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah dipegang oleh ahli politik. Sepatutnya Ahli Lembaga harus terdiri daripada mereka yang profesional dan bukannya ahli politik.

#### ■1520

Saya ingin menegaskan bahawa langkah pengembalian hak dan autonomi Sarawak ini bukan bermakna Kerajaan Madani hanya tunduk kepada Kerajaan Negeri Sarawak seperti apa yang cuba dimainkan oleh sesetengah pihak untuk membakar dan merobohkan komitmen Kerajaan Madani dalam usaha untuk meningkatkan lagi ekonomi dan kemakmuran negara.

Seperti yang kita sudah sedia maklum, perjuangan untuk mendapatkan autonomi ini telah bermula sejak dulu lagi. Kerajaan bertukar kerajaan, tetapi bermacam-macam alasan diberikan. Cuma sekarang hanya di bawah Kerajaan Madani yang sanggup dan berani, malahan dalam masa yang singkat telah menunaikan hak rakyat Sarawak. Tahniah kepada Kerajaan Madani. Usaha murni Kerajaan Madani harus dilihat sebagai usaha murni Kerajaan Madani sebagaimana seorang bapa melepaskan anak yang sudah dewasa yang sudah mempunyai fikiran sendiri, mempunyai kekuatan sendiri dan mempunyai tanggungjawab sendiri untuk menjalani kehidupannya sendiri demi menjamin institusi kekeluargaan.

Akhir kata, saya sangat berharap supaya selepas penurunan kuasa pengurusan ini kepada Kerajaan Negeri Sarawak, prestasi sama ada dari sudut pembangunan mahupun ekonomi akan terus ditambah baik dan dipertingkatkan. Dato' Yang di-Pertua, saya



mengakhiri perbahasan saya kali ini dengan menyatakan sokongan saya kepada RUU pembubaran Lembaga Pelabuhan Bintulu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

### 3.21 ptg.

**Puan Susan Chemerai Anding:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan RUU ini. Proses penyerahan *Bintulu Port* pada Sarawak perlu pemansuhan *Bintulu Port Authority Act 1981* iaitu Akta 243, selain daripada Akta 217 secara bersama. Dengan pemansuhan Akta 243 ini, maka Lembaga yang ditubuhkan di bawah akta tersebut iaitu Lembaga Pelabuhan Bintulu di bawah Persekutuan akan dibubar.

Lembaga Pelabuhan Bintulu (Persekutuan) ini ditubuhkan untuk membangunkan, menyiapkan dan menjadi badan berkuasa dan pengawal selia Pelabuhan Bintulu sebagai Pelabuhan Persekutuan pada tahun 1981. Saya menyambut baik dan berterima kasih atas segala usaha terutama daripada pihak Persekutuan khususnya Kementerian Pengangkutan dalam memastikan segala urusan peralihan dari Lembaga Pelabuhan Bintulu (Persekutuan) ke Lembaga Pelabuhan Bintulu (Sarawak) berjalan dengan lancar kerana ia melibatkan banyak urusan dan perkara penting seperti pemindahan kuasa dan hak, pemindahan aset kewangan, sewaan dan pajakan, kontrak, lesen, harta dan sebagainya.

Saya difahamkan bahawa daripada segi pegangan saham, peralihan daripada Persekutuan ke Sarawak tidak melibatkan sebarang pertukaran saham di mana Bintulu Port Holdings Berhad yang memiliki 100 peratus saham di dalam Bintulu Port Sdn. Bhd. iaitu entiti yang menjadi *port operator* adalah masih kekal Kerajaan Sarawak, PETRONAS dan lain-lain seperti EPF dan ASP.

Ini bererti Kerajaan Sarawak dan PETRONAS adalah entiti yang mempunyai kuasa ke atas operasi *Bintulu Port* selama ini melalui pegangan sebagai pemegang saham *substantial* dan ini tidak akan berubah walaupun Akta 243 dibubarkan. Bintulu Port Sdn. Bhd. akan terus menjadi operator *Bintulu Port* setelah ia menjadi Pelabuhan Negeri Sarawak.

Saya percaya bahawa dengan peralihan *Bintulu Port* menjadi sebuah pelabuhan negeri di bawah kawal selia undang-undang negeri, *Bintulu Port* akan terus berperanan sebagai pelabuhan utama seiring dengan pembangunan dalam eksplorasi dan pengeluaran minyak dan gas di persisiran pantai dan persekitaran Bintulu termasuk juga pembangunan ladang kelapa sawit dan keperluan kilang-kilang MLNG. Pelabuhan Bintulu akan membangun sebagai salah satu kluster pelabuhan yang akan dikawal selia oleh *Sarawak Ports Authority*.

Jadi saya yakin *Bintulu Port* akan terus maju lebih tinggi pada masa hadapan di bawah *Sarawak Ports Authority* kelak. Pemegang saham dan pelabur BPHB tidak akan terkesan dengan peralihan kepada pelabuhan negeri sebab subsidiari BPHB iaitu- BPSB ya, Bintulu

Port Sdn. Bhd. akan terus menjadi operator pelabuhan yang akan dibangunkan mengikut pelan pembangunan pelabuhan yang sudah diluluskan oleh pihak berkuasa perancangan negeri Sarawak.

Akhir sekali, tanpa kerjasama dan persefahaman yang baik, tanpa sikap profesionalisme yang tinggi, banyak perkara yang penting tidak dapat diuruskan dengan baik dan disiapkan pada masa yang singkat. RUU ini menunjukkan bahawa banyak perkara walaupun rumit sudah pun dipersetujui antara pihak Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Ini merupakan manifestasi keakraban hubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak yang membolehkan kelancaran peralihan *Bintulu Port* menjadi sebuah pelabuhan di bawah kawal selia negeri Sarawak. Dengan itu, sekian sahaja hujah saya. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah.

**3.27 ptg.**

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Baru hari ini saya ada peluang untuk mengucapkan tahniah kepada Yang di-Pertua atas pelantikan baru-baru ini. Selamat petang, salam Malaysia Madani untuk semua.

RUU ini, rang undang-undang ini memperuntukkan pemansuhan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 dan pembubaran Lembaga Pelabuhan Bintulu yang diwujudkan di bawah akta tersebut. Jadi, kita perlu memahami bahawa sebelum Lembaga Pelabuhan Bintulu boleh dibubarkan dengan sah, LPB- saya singkatkan ya, perlu dikosongkan dari segala hak, kuasa, kewajipan obligasi dan liabiliti terlebih dahulu kerana jika masih ada saki baki kuasa, hak liabiliti dan sebagainya yang tidak diperuntukkan, jadi bila Lembaga Pelabuhan Bintulu dimansuhkan nanti, siapakah yang akan menjalankan saki baki yang tidak diperuntukkan ini?

Makanya, peruntukan yang pertama yang penting adalah diperuntukkan tentang penurunan hak, kuasa, tanggungjawab, obligasi, kewajipan termasuk liabiliti yang sekarang ini dipegang oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu kepada sama ada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Sarawak ataupun NPT yang diberi kuasa ataupun dilantik oleh Kerajaan Sarawak. Jadi itu kita kena faham, sebelum pindah rumah, kosongkan rumah. Kalau tidak, siapa yang akan mengosongkan rumah nanti. Timbul tanda tanya tentang kewajipan, timbul tanda tanya tentang isu liabiliti ya. Ini yang telah diperuntukkan di bawah kata ini dan kita melihat apakah satu persatu kuasa dan hak yang diperuntukkan di bawah RUU ini.

Pertama, meskipun dibubarkan nanti, namun operasi pelabuhan masih berterusan, tidak terputus. Ini dijamin oleh seksyen 8 dalam rang undang-undang ini di mana pengendali berlesen yang ada sekarang iaitu pengendali berlesen di bawah Akta Lembaga Pelabuhan

Bintulu yang ada sekarang, ia berhak untuk melantik atau melesenkan sesebuah syarikat untuk mengendalikan operasi pelabuhan. Ini adalah sejajar dengan penswastan operasi Pelabuhan Bintulu yang dilakukan pada tahun 1993. Jadi pada masa ini, Bintulu Port Sdn. Bhd. adalah pengendali berlesen bagi Pelabuhan Bintulu. Mereka inilah yang membekalkan perkhidmatan, menjalankan operasi dan Lembaga Pelabuhan Bintulu sekarang adalah berperanan sebagai pihak kawal selia, mengawal selia pihak pengendali berlesen.

Jadi, walaupun adanya peralihan hak milik Pelabuhan Bintulu daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Sarawak, operasi pelabuhan yang pentingnya tidak akan terjejas kerana lesen yang diberikan pada Bintulu Port Sdn. Bhd. dianggap diperuntukkan dalam seksyen 8 ini seolah-olah itu adalah lesen yang dikeluarkan oleh badan di bawah Ordinan Pelabuhan Sarawak.

#### ■1530

Kedua, untuk memantapkan rencana kesinambungan operasi pelabuhan di mana kontrak-kontrak yang sedia ada berterusan seolah-olah bukan Lembaga Pelabuhan Bintulu yang memasuki kontrak tersebut, tetapi sebaliknya sama ada Kerajaan Pusat, kerajaan Sarawak ataupun entiti ataupun yang diberi kuasa ataupun dilantik oleh kerajaan Sarawak.

Jadi dalam perkara ini, ada dua kontrak yang amat penting.

Pertama, tidak semua operasi pelabuhan itu dibekalkan oleh pengendali berlesen. Ada operasi pelabuhan yang dibekalkan oleh pihak ketiga di-*outsource* ya. Contohnya adalah perkhidmatan tundaan.

Pelabuhan perlukan kapal bot tunda untuk menunda kapal keluar dan masuk ke pelabuhan. Begitu juga memerlukan kapal bot malim untuk membawa malim menaiki kapal dan sebagainya. Jadi ini masih ada- masih berkuat kuasa. Tanpa kontrak tersebut berkuat kuasa, jadi Pelabuhan Bintulu tidak dapat meneruskan operasi marinnya.

Kedua, kontrak berkaitan dengan pengendalian kargo. Di mana pihak ketiga akan menyewa peralatan pengendalian kargo dan juga operator bagi alat pengendalian tersebut demi membolehkan pengoperasian Pelabuhan Bintulu berterusan ya. Jadi ini adalah antara kontrak-kontrak yang perlu berterusan. Walaupun ia nya hak milik Pelabuhan Bintulu beralih.

Seterusnya ketiga, memperuntukkan seksyen 10, memperuntukkan undang-undang bertulis termasuk perundangan kecil yang masih berkuat kuasa sekarang akan terus berkuat kuasa sehingga ia nya dipinda. Dalam perkara ini, Pelabuhan Bintulu ada dua *subsidiary legislation* yang amat penting.

Satu, adalah berkaitan dengan caj pelabuhan. Jadi peraturan ini memberi kuasa pada Pelabuhan Bintulu untuk mengenakan caj kepada pengguna-pengguna pelabuhan ke atas perkhidmatan yang diberi. Jika ini dimansuhkan, tidak diberikan *life* misalnya, jadi dokumen

apa- punca mana, kuasa pada Pelabuhan Bintulu ataupun pengendali berlesen untuk mengecaj pengendali-pengendali pelabuhan.

Kedua, *by-law* berkenaan dengan operasi pelabuhan. Ia nya memuatkan peraturan-peraturan amalan maritim- keselamatan kapal, keselamatan kargo dan sebagainya. Ini adalah penting kerana tanpanya ada ini, jadi pelabuhan tersebut mungkin terjejas kepada ataupun *open* kepada risiko yang mendatangkan keburukan kepada pelabuhan daripada segi *safety* dan sebagainya.

Lebih-lebih lagi Pelabuhan Bintulu mengendalikan banyak kargo bahaya, *liquified natural gas*, *liquified petroleum*, *wax paraffin* dan sebagainya. Jadi *safety* adalah *tip-top*. Ini diperuntukkan di bawah perundangan *subsidiary* ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, adalah penting bahawa kedua-dua *subsidiary legislation* ini masih berterusan sehinggalah entiti yang diberi kuasa *Sarawak Port Authority* menggubal peraturan perundangan *subsidiary* yang baru untuk menggantikan *subsidiary* yang kedua-dua *subsidiary* ini.

Seterusnya kita melihat berkaitan pemindahan aset. Jadi bila kita- boleh mohon masa tambah sikit ya Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** *Round it up*-lah.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Okey. Bila kita bercakap tentang aset. Jadi perlu dibahagikan secara yang adil di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Rizab kewangan yang sedia ada, aset yang telah dibangunkan menggunakan dana daripada Kerajaan Persekutuan yang telah dibangunkan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu seperti bangunan pejabat sudah adalah wajar ia nya diberikan kepada Kerajaan Persekutuan, tetapi tanah adalah diletak hak. Kalau kita melihat seksyen 11 akan diletak hak kepada kerajaan negeri Sarawak. Maknanya dipulangkan.

Dahulu diberikan kepada *Federal Land Commissioner* selepas itu dipindah milik pada Lembaga Pelabuhan Bintulu dan sekarang ini diberi balik kepada letak hak kepada Kerajaan Sarawak supaya membolehkan Kerajaan Sarawak ataupun entiti yang akan menjadi badan pengawal selia kepada Pelabuhan Bintulu ini memajukan kawasan Pelabuhan Bintulu itu kepada pengendali berlesen. Itu yang diperlukan.

Seksyen 6, deposit terimaan. Pendahuluan ini adalah dipindahkan kepada Kerajaan Sarawak. Sebab tanah diletak hak kepada Kerajaan Sarawak. Jadi sudah semestinya pajak sewa, pajakan tanah diberikan kepada Kerajaan Sarawak ya.

Seterusnya adalah penerusan prosiding undang-undang. Di sini risiko dibahagi di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

Bagi kes prosiding yang telah tamat, *award* telah diberikan ataupun telah terakru Kerajaan Pusat yang tanggung *because that thing happen before* peralihan berlaku. Bagi

yang belum- kita ingat ada tempoh tiga tahun *limitation* bagi pihak luar untuk mengambil tindakan terhadap Pelabuhan Bintulu- Lembaga Pelabuhan Bintulu atau Lembaga Pelabuhan Bintulu mengambil tindakan terhadap orang yang telah *breach* peraturan Pelabuhan Bintulu.

Jadi kita tak tahu pada masa ini apa, siapa yang akan membawa tindakan undang-undang terhadap Lembaga Pelabuhan Bintulu. Jadi jika kita hendakkan Lembaga Pelabuhan Bintulu menyelesaikan perkara ini, benda itu belum datang, belum ada. Kalau hendak menunggu bilanya ada macam orang Sarawak kata macam, *menunggu sungai sik penghulu*. Jadi sebab itulah risiko dibahagikan. Satu risiko ditanggung oleh Kerajaan Sarawak, satu risiko apa yang sudah ada ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya masa tambahan, tetapi setelah menelaah rang undang-undang yang ada pada hari ini, saya melihat adalah segala hak, kewajipan, kuasa, liabiliti, tanggungjawab, obligasi adalah diperuntukkan dengan teratur.

Cuma satu yang *missing* tadi adalah berkaitan dengan sumber manusia, tetapi saya yakin tanpa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan tadi dengan tegas bahawa akan ada peruntukan sesuatu pakej yang adil yang saksama kepada pekerja-pekerja kita, *we must have faith in border Federal in the State Government*. Mereka tak akanlah *betray worker* tersebut sehingga tidak memberikan peruntukan yang wajar, yang adil pada mereka.

Setahu saya nanti Timbalan Menteri boleh mengesahkan bagi Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri apabila peralihan berlaku seperti ini, kakitangan, pegawai yang sedia ada hendaklah diberikan *employment*- dia suruh memilih opsyen ya, tetapi sekiranya memilih terma hendaklah tidak kurang baik daripada terma yang dinikmati sekarang.

So, itu kita terima. *Can you imagine if the* kedua-dua kerajaan ini tidak berlaku adil kepada pekerja kita, *aniaya. No responsible government will do that. So, we must take comfort, we must be* yakin dengan kerajaan kita dalam perkara ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri hujah saya atau perbahasan saya, saya mengucapkan syabas kepada kedua-dua kerajaan atas kejayaan mengaturlah perkara ini, peralihan ini sehingga peralihan kuasa ini teratur dan boleh berkompromi, berpakat secara yang baik mendatangkan hasil ini.

Saya ucapkan syabas kepada kedua-dua kerajaan dan supaya usaha seterusnya akan membuahkan hasil yang baik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5), saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan D.R. 31/2024 Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024 seperti yang tertera di nombor 3 *Senarai Aturan*

*Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 30 Julai 2024.

Dijemput sekarang Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

■1540

Pertama sekali, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah turut serta membahaskan, menyarankan, memberikan idea-idea dan juga mengingatkan Kerajaan Sarawak, Kerajaan Persekutuan dalam RUU tentang perubahan pembubaran RUU ini. Di mana kita mengucapkan terima kasih atas penyertaan dan juga kita tidak lupa mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Premier Sarawak yang telah pun berunding dan kelulusan Jemaah Menteri sehingga membolehkan rang undang-undang ini dapat dibacakan di Parlimen Malaysia pada sesi ini. Juga saya mengucapkan terima kasih atas segala saranan yang telah pun diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi, tadi semasa saya membentangkan, rasanya apa yang diperincikan itu sudah agak terperinci. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat sesetengahnya mungkin ingin nak tahu secara detil lagi.

Jadi sebelum itu, saya ingin menyatakan bahawa tiga Jawatankuasa yang telah pun ditubuhkan untuk merundingkan peralihan ini iaitu Jawatankuasa Teknikal, iaitu di peringkat pegawai melaksanakan semakan dan penelitian dari seluruh aspek; liabiliti, aset, kewangan, pampasan, *human resource* dan semua perkara-perkara termasuk perundangan-perundangan dan sebagainya tertangguh ataupun masih lagi dijalankan.

Keduanya ialah Jawatankuasa Kerja, iaitu di peringkat pegawai pengurusan tertinggi yang di mana melaksanakan perundingan dan perbincangan sewajarnya.

Ketiganya, satu Jawatankuasa Khas, iaitu di peringkat Menteri melaksanakan keputusan dan persetujuan pada akhirnya sebelum pewartaan dibuat.

Namun demikian, saya cuba untuk menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan dan kebanyakannya juga ianya masih dalam peringkat perundingan di mana saya tidak akan dapat memberikan fakta ataupun *figures* dan sebagainya.

Juga dibangkitkan tadi secara umumnya, ada yang tidak dikemaskinikan ataupun belum dikemaskinikan. Sudah pastinya untuk tujuan perundingan ini, penelitian ini, semuanya mesti dikemas kini, *up to date to the day*, dengan izin, ianya akan diwartakan, sudah pasti. Segala liabiliti dan sebagainya yang sedang berjalan, semuanya akan di *list out*, sudah pasti untuk tujuan perundingan ini. Siapakah yang akan bertanggungjawab mengikut tarikh apabila

ianya dikuatkuasakan? Semua apa-apa perundangan ataupun mahkamah yang sebelum peralihan ini dibuat akan sudah pasti akan ditanggung oleh pihak Persekutuan dan apa-apa yang baru selepas tarikh dikuatkuasakan, barulah akan ditanggung oleh pihak Sarawak. Itu secara umumnya. Saya pergi kepada satu persatulah.

Pertama sekali, apa yang dibangkitkan oleh iaitu Senator Dato' Kesavadas dan juga saya melihat di sini, ada juga persoalan-persoalan antara Yang Berhormat itu bertindih ya. Sama saja. Jadi saya harap, apa yang saya sebut di sini juga menjawab persoalan yang dibangkit oleh Ahli-ahli Senator yang lain. Jadi tidak payah untuk diulang.

Jadi apa yang dibangkitkan oleh Senator Dato' Kesavadas iaitu tentang apakah klausa peruntukan asal yang dipersetujui dan tidak dipersetujui sama ada oleh Kementerian Pengangkutan atau Kerajaan Sarawak sebelum draf MOU. Jadi MOU ini yang sebenarnya dimeterai untuk mewujudkan tiga peringkat jawatankuasa. Jadi apa-apa juga yang ada dalam perkara itu, belum lagi ada yang dimuktamadkan.

Ianya adalah menunjukkan dalam MOU tersebut tentang komitmen kedua-dua kerajaan, Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan dalam memastikan apa yang telah pun dibincangkan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, kedua-dua kerajaan ingin menyerahkan Pelabuhan Bintulu ini kepada Kerajaan Sarawak. Maka itu adalah salah satu MOU untuk komitmen kita, kesungguhan kita dalam *exercise* ini dan dari sana- jadi saya tidak dapat nak menyatakan secara perinci apa yang telah pun disebut dan semuanya dalam MOU itu adalah umum tentang komitmen.

Seterusnya ialah kedua, apa yang disuarakan dan ditanyakan oleh Yang Berhormat juga, adakah penyerahan hak milik operasi Bintulu Port kepada Kerajaan Sarawak akan memberi kesan kepada status perjawatan kakitangan? Ini juga ditanyakan oleh Yang Berhormat yang lain. Sebagaimana yang saya sebutkan dalam perincian tadi, *stand* Kerajaan Persekutuan adalah mengharapkan supaya tentang pekerja- *staffing* di Pelabuhan Bintulu adalah harapan kita ianya dikekalkan ataupun lebih baik, tidak kurang baiknya daripada apa yang mereka terima sekarang. Itulah pendirian Kerajaan Persekutuan. Walaupun saya orang Sarawak- *I'm taking on the Federal will here*, jadi *the Federal will*. Jadi inilah *stand* daripada Kerajaan Persekutuan tentang perkara ini.

Walaupun memang betul ada disebut oleh YB Rita dan sebagainya, kebajikan pekerja ini mestilah kita lihat. Sudah pastinya, kita tidak lain dan tidak bukan untuk memastikan bagaimana yang menggerakkan Pelabuhan Bintulu itu adalah daripada pekerja-pekerja kita, staf-staf kita yang berkemahiran tinggi hingga mendepan memajukan Bintulu Port, pengoperasiannya. Sudah pasti apabila kita memindahkannya, pekerja yang sama akan melaksanakan dengan *expertise* mereka masing-masing, kemahiran masing-masing. Sudah

pasti, untuk meneruskan pelaksanaan, pengoperasian *Bintulu Port* ini dan mungkin *insya-Allah*, lebih baik lagi daripada ada yang sekarang. Sudah pasti sebagaimana saya katakan awal pagi tadi, penghijrahan itu membawa kepada yang lebih baik lagi. Itulah harapan kita.

Jadi dalam hal ini Yang Berhormat bahawa itulah pendirian kita di Persekutuan. Mengharapkan apabila peralihan ini dibuat bahawa *staffing* ini mereka akan menerima yang sama tidak kurang baiknya daripada apa yang sekarang di bawah Persekutuan.

Persoalan seterusnya ialah berapakah purata pendapatan tahunan Kerajaan Persekutuan yang telah pun dijana daripada operasi pelabuhan sejak mula beroperasi? Yang Berhormat, mengikut data tadi yang dipersoalkan bahawa banyak ianya belum dikemas kini. Sebagaimana saya katakan tadi bahawa *I'm very sure*, kita mesti, suka tak suka mesti dikemas kini *all the latest figures everything on the* pengeluaran, penggajian, hutang-piutang dan sebagainya. Semua perkara ini, *production* dan sebagainya, semua akan dikemas kini untuk tujuan perundingan ini. Sebab itu ada di bawah Jawatankuasa Teknikal ini iaitu ke peringkat penelitian sehalus-halusnya, sudah pasti akan dibuat. Itu sebelum apa nanti kedua-dua pihak berpuas hati, Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Sarawak.

Keempat ialah berapakah jumlah pelantikan Pengerusi Bukan Eksekutif yang telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan? Jadi untuk makluman Yang Berhormat, Pengerusi Bukan Eksekutif yang telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan adalah seramai lima orang bermula sejak tahun 2015 hinggalah sekarang. Ini yang Bukan Eksekutif.

Seterusnya ialah bagaimana penukaran hak milik Pelabuhan Bintulu akan memberi kesan positif kepada kitaran pulangan ekonomi kepada Kerajaan Persekutuan? Yang Berhormat, merujuk kepada persoalan ini, sudah pastinya pendapatan Kerajaan Persekutuan dari Pelabuhan Bintulu tidak akan mengalami sebarang perubahan selepas penukaran status ini. Memandangkan entiti-entiti yang mengambil alih pengurusan dan pengoperasian Bintulu ini masih menyumbang kepada Kerajaan Persekutuan melalui pembayaran cukai. *That is why* ianya masih lagi seperti yang diamalkan sekarang.

Seterusnya, saya ingin menjawab persoalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Tuan Pele Peter Tinggom iaitu tentang *golden share* untuk melantik Lembaga Pengarah BPHB diserahkan kepada Kerajaan Sarawak.

#### ■1550

Perkara ini adalah di antara perkara yang akan dirundingkan di antara kerajaan dalam di bawah Jawatankuasa Teknikal ini. Tadi juga disebut oleh Yang Berhormat iaitu liabiliti nak dilunaskan sebelum diserahkan kepada Kerajaan Sarawak. Jadi peruntukan mengenai liabiliti adalah sebagaimana fasal 4 RUU iaitu akan tertakluk kepada rundingan yang akan disusul dengan persetujuan bertulis antara pihak-pihak ini.



Ketika rundingan tersebut, perincian mengenai semua liabiliti akan disenaraikan dalam tempoh masa yang wajar untuk setiap satu dilunaskan akan turut dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Merujuk kepada fasal 9 pula, sekiranya terdapat liabiliti dalam bentuk prosiding mahkamah yang masih belum selesai selepas tarikh penyerahan, ia akan dilunaskan oleh Kerajaan Persekutuan setelah prosiding-prosiding tersebut selesai di mahkamah.

Jadi, berkenaan dengan tanah pula disarankan diserahkan kepada Kerajaan Sarawak sebagai mana fasal 11(3), "*Mana-mana tanah Lembaga selepas tarikh kuat kuasa akan dipindahkan kepada Kerajaan Sarawak.*"

Seterusnya, apa yang dibangkitkan oleh- ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Roderick iaitu tentang- sama juga berkenaan prosiding di mahkamah fasal 9 jumlah yang perlu ditanggung. Pada masa ini, terdapat satu kes mahkamah yang masih berjalan di mahkamah. Jumlah yang ditanggung masih belum dapat ditentukan kerana ia tertakluk sama ada pihak Lembaga diputuskan sebagai bertanggung atau tidak bertanggung terhadap tuntutan tersebut. So, kita tak dapat nak bagi perincian.

Juga tentang penerusan undang-undang fasal 10, perundangan subsidiari sedia ada akan diteruskan agar operasi pelabuhan dapat diteruskan di Pelabuhan Bintulu sekalipun Lembaga telah dibubarkan. Sekiranya ia didapati bertindih atau tidak sesuai diguna pakai, Kerajaan Sarawak bolehlah meminda atau membatalkannya dan menggantikannya dengan perundangan subsidiari yang baharu yang berkesesuaian mengikut perundangan Sarawak.

Selain itu juga, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain tadi iaitu tentang- saya rasa sudah banyak juga sudah disebut yang bertindih, persoalannya yang sama tentang cukai yang disuarakan oleh YB Ahmad Ibrahim dan juga tentang sekuriti dan sebagainya. Memang betul, sekuriti ini sudah pasti ini menjadi tanggungjawab Persekutuan. Apa-apa juga dalam *port limit* dan sebagainya dan di luar di mana di bawah perairan negara kita. Semua operasi HTS kah apa kah dan sebagainya berlaku dalam kawasan perairan kita, sudah pasti adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Ada juga disebut yang *transition* dibuat oleh Yang Berhormat Michael Mujah. Terima kasih atas sokongan dan komitmen kerajaan kedua-dua ini sudah pasti. Kerajaan yang ada pada hari- antara Kerajaan Sarawak dan juga Kerajaan Persekutuan. Memang kita juga disuarakan Yang Berhormat lain tadi iaitu tentang semuanya operasi yang ada sekarang *is business as usual* supaya kita tak nak, kita tak mahu operasi yang ada sekarang, *production* ada sekarang terjejas dalam peralihan ini.

Sebab itulah, banyak perkara diteruskan, perundangan dan kita letakkan tentang perkara lain, liabiliti, kontrak-kontrak, lesen-lesen diteruskan kepada yang disebut oleh Yang Berhormat Rita *outsourcing* dan sebagainya, semuanya diteruskan supaya tidak menjejaskan

operasi yang sedia ada ini. Barangkali *slowly* ia akan diubah di bawah perundangan Sarawak kemudian.

Jadi, seterusnya yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Abun Sui juga saya dah sebut pasal fasal 9 tadi. Mungkin disebut juga fasal 7, hal kontrak yang ada diteruskan supaya kita tidak menjejaskan operasi, selain daripada operasi gas itu, tetapi banyak lagi yang hiliran, *on logistic* dan sebagainya yang ada hubung kait dengan operasi pelabuhan ini sudah pasti akan diteruskan supaya tidak menjejaskan operasi yang ada. Fasal 11 yang disebut oleh Yang Berhormat Abun iaitu tentang aset dan sebagainya. Sebagaimana sudah dimaklumkan tadi, memang dalam- *insya-Allah* perundingan, penelitian tentang aset kewangan yang akan dikembalikan kepada Persekutuan itu sudah disebut.

Juga, aset-aset seperti gantri, kren dan sebagainya, ini sudah pasti akan dikira perbelanjaan, aset akan dinilai dan kedua-dua pihak akan berunding tentang jumlah pampasan dan sebagainya. Juga, yang disuarakan iaitu tentang *Federal Port to support Bintulu Port, Sarawak*. Sudah pastinya, walaupun Bintulu Port ini nanti akan menjadi di bawah *Sarawak Port Authority*, dengan izin *Bintulu Port will still be one of the ports in Malaysia*. Ianya ialah *port* yang terpenting dalam negara kita. *Just that* ianya di bawah pengurusan *Sarawak Port Authority* dan sudah pastinya *Bintulu Port* sebagaimana amalan sekarang, kita adalah sebahagian tertakluk di bawah IMO dan sebagainya.

Perkara ini sudah pastinya, apabila ianya menjadi *state port* pun, kita apa-apa perundingan di peringkat antarabangsa, di IMO dengan banyak lagi perundingan maritim ini kita sudah pastinya membawa *Bintulu Port- Sarawak*, sudah pastinya akan menjadi- dibawa ke perundingan-perundingan di antarabangsa supaya ia selaras dengan *port-port* yang lain yang di Johor, di Pulau Pinang dan sebagainya. Kita tidak akan, tetapi ya lah, sudah pastinya pengurusan yang terbaru di bawah negeri Sarawak juga akan bersama-sama dengan *port-port* lain ini kerana ianya juga mendatangkan hasil kepada negara kita.

Seterusnya yang dibawa oleh- yang ditanyakan dan juga disarankan oleh Yang Berhormat Susan juga menyebut tentang pemindahan kuasa dan juga aset dan sebagainya ini sudah pastinya sebagaimana yang saya sebut tadi ianya akan diteruskan akan dibincangkan dan diteliti yang akan dipersetujui secara bertulis oleh kedua-dua kerajaan.

Seterusnya, yang terakhir yang disuarakan, ditanya oleh Yang Berhormat Rita juga disebut tentang penurunan kuasa, tentang kontrak sedia ada. *I think*, saya dah sebut tadi iaitu dan juga seksyen 10 tentang caj pelabuhan amalan maritim iaitu yang saya sebutkan tadi di bawah IMO dan sebagainya. Sudah pasti perkara ini ya akan diteruskan supaya daya saing yang ada pada masa ini di pelabuhan- *Bintulu Port* itu domestik dan di peringkat antarabangsa sudah pasti, akan dikekalkan.

Saingan itu akan juga diteruskan. Persaingan, prestasi itu sudah pastinya akan dikembangkan dipastikan ianya masih berada keadaannya yang ada sekarang prestasi sekarang dan sudah pasti kita nak ianya lebih baik lagi. Seperti juga port-port yang lain di Malaysia yang sedang pun bersaing untuk memastikan pelabuhan-pelabuhan lain ini juga makin berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya lebih kurang, sudah pun menjawab banyak perkara-perkara yang dibangkitkan. Ada yang dapat saya berikan dan ada juga yang belum diputuskan.

■1600

Jadi, saya ulangi bahawa semua perkara ini dan juga apa-apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sudah pastinya akan didengari oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Teknikal ini. *The concern of all the* Yang Berhormat Senator yang telah pun disuarakan, disarankan sudah pasti jawatankuasa teknikal ketiga-tiga jawatankuasa ini akan mengambil perhatian tentang apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Terima kasih atas sokongan Yang Berhormat-Yang Berhormat kepada rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perpaduan Negara (Puan Saraswathy a/p Kandasami) dan diluluskan].*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERUBATAN (PINDAAN) 2024**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **4.04 ptg.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad]:** Terima kasih. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta Perubatan (Pindaan) 2024 dibacakan untuk kali kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri, bagi huraian dahulu.

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Baik, terima kasih. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Dato' Yang di-Pertua, sekembali saya ke Jemaah Menteri ataupun ke Kabinet pada hujung 2023 dan pada kurang lebih bulan Mac tahun ini, negara digemparkan dengan satu semakan kehakiman yang difailkan oleh empat graduan pembedahan kardiotorasik lulusan *Fellowship of the Royal College of Surgeons in Edinburgh* atau, dengan izin, *FRCS Edinburgh*.

Graduan-graduan ini yang setelah empat tahun bertungkus-lumus menjalani latihan dan telah pun lulus, dimaklumkan bahawa permohonan mereka untuk mendaftar dan *eligibility* untuk mendaftar sebagai pakar telah ditolak oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC). Lebih mengejutkan lagi, bukan mereka sahaja yang tergolong dan terbabit dalam kes ini. Ada kes-kes lain termasuk yang melibatkan kelayakan kepakaran dari universiti tempatan dengan khususnya kalau boleh saya sebutkan contoh, lulusan genetik patologi dari sebuah universiti tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika dan waktu di mana negara berdepan kekurangan mendesak, dengan izin, *the acute shortage* pakar perubatan terutama dalam bidang kardiotorasik, kemelut ini pasti tidak mudah diterima umum dan diterima rakyat. Faktanya, KKM hanya mempunyai seramai 8,953 orang pakar hari ini sedangkan kita perlu mencapai sasaran 22,435 orang pakar menjelang 2023. Nah, begitu cabaran yang tiba-tiba menerjah Menteri ini, Dato' Yang di-Pertua dan pastinya ia merupakan satu yang terpaksa saya depani dahulu, meskipun saya berdepan dengan pelbagai agenda *reform* yang hendak saya lakukan, tetapi saya mengambil ini.

*[Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah **mempengerusikan Mesyuarat]***

Dalam kurang lebih lima ke enam bulan yang lalu memberikan fokus untuk penyediaan pindaan Akta Perubatan [*Akta 50*] ini dan bersama-sama dengan rakan sejawat saya, Yang

Berhormat Menteri Pengajian Tinggi (KPT) yang telah memberikan, tumpuan kami dan inilah dia. Secara legalistiknya ataupun secara perundangannya, kami telah bersama-sama berusaha untuk mencari penyelesaian yang lebih tuntas, yang lebih muktamad dan inilah yang kita harapkan akan dapat meletakkan apa jua ketidakaturan atau dengan izin, *irregularities* itu pada tempatnya untuk kita atur semuanya, supaya dapat kita adakan ataupun wujudkan penyelesaian yang tuntas dan muktamad.

Dengan mukadimah itu Dato' Yang di-Pertua, saya dengan izin ingin membentangkan rang undang-undang yang telah diluluskan di Dewan Rakyat sedikit waktu dahulu untuk dibahaskan di Dewan Negara yang mulia ini. Saya cukup percaya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semuanya akan memberikan segala sokongan padu untuk kita terus memberikan, memastikan penghantaran ataupun *delivery of healthcare*, sistem dan perkhidmatan kesihatan akan dapat kita seterusnya perbaiki.

#### ■1610

Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya mulakan dengan sedikit latar belakang mengenai latihan kepakaran perubatan di negara kita ini. Terdapat dua jenis latihan kepakaran perubatan di Malaysia, yakni Program Sarjana Perubatan dan program yang dikatakan sebagai laluan selari ataupun laluan *parallel*, dengan izin, *parallel pathway* yang dilakukan di luar negara ataupun khususnya, antarabangsa.

Pada asalnya pengamal perubatan yang ingin menjadi pakar ataupun yang ingin menjadi pakar perubatan perlu menduduki peperiksaan profesional yang dikendalikan oleh institusi luar negara contohnya seperti *Royal College of Physician* di United Kingdom untuk memperoleh kelulusan seperti *Membership of Royal College of Physician of United Kingdom*, dengan izin MRCP(UK) contohnya. Kelulusan dan latihan kepakaran tersebut dikenali sebagai program-program *membership* atau *fellowship*, Dato' Yang di-Pertua.

Mulai tahun 2014, program *membership* dan *fellowship* ini dijenamakan semula sebagai *the parallel pathway* ataupun laluan *parallel*- laluan selari. Selari dengan ada di yang di negara ini yakni Program Sarjana Perubatan. Program Sarjana Perubatan pula diperkenalkan pada tahun 1973. Program Sarjana Perubatan ini terus berkembang dan buat masa ini terdapat 120 program latihan dalam 28 bidang kepakaran perubatan melibatkan sembilan buah institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan.

Kementerian Kesihatan telah memainkan peranan yang besar dalam menyokong perkembangan dan pembangunan Program Sarjana Perubatan. Pengamal perubatan yang mengikuti latihan kepakaran Sarjana Perubatan sebahagian besarnya mendapat latihan di fasiliti-fasiliti milik Kementerian Kesihatan seperti hospital, klinik kesihatan, pejabat kesihatan daerah, makmal dan sebagainya.

Dato' Yang di-Pertua, pada tahun 2012, pindaan Akta Perubatan [*Akta 50*] ini telah dibuat. Antara lain untuk memperkenalkan peruntukan baharu mengenai yang terkait dengan pendaftaran sebagai pakar kerana terdahulunya tidak ada peruntukan seperti itu. Pengiktirafan kepakaran dengan mewujudkan daftar pakar di bawah kawal selia Majlis Perubatan Malaysia ataupun MMC, dengan izin, *the Malaysian Medical Council*.

Terdahulu untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat yang mulia ini, pengurusan dan pewartaan seorang pakar dikendalikan menggunakan peruntukan di bawah Perintah-perintah Am, Perintah 27 Bab F. Penilaian seorang pakar dibuat oleh sebuah jawatankuasa namanya Jawatankuasa Khas Perubatan (JKP) dan dikendali, dia diurus oleh *The Academy of Medicine Malaysia* (AMM) dengan izin yang bertanggungjawab untuk menyimpan, mengurus, *databases*, senarai pakar-pakar ini dalam kawal selia mereka.

Dato' Yang di-Pertua, Ini di- dengan itu kalau saya teruskan sedikit lagi. Saya ingin sentuh sedikit terdahulu daripada itu saya ingin menyentuh hal mengenai perenggan 14B(c) Akta Ibu [*Akta 50*] yang saya rasa perlu untuk saya masuk di sini dahulu bagi melayakkan seorang pengamal perubatan itu mendaftar sebagai pakar, Dato' Yang di-Pertua, Pengamal perubatan itu perlu memperoleh suatu kelayakan kepakaran yang diiktiraf. Itu istilahnya. Kepakaran, kelayakan kepakaran yang diiktiraf.

Dalam hal ini, MMC saya sebutkan tadi. MMC *the Malaysia Medical Council* ataupun Majlis Perubatan Malaysia telah mewujudkan secara pentadbiran- *administrative*, dengan izin, suatu senarai kelayakan kepakaran yang diiktiraf yang mana ia dipaparkan dalam laman sesawang ataupun laman web rasmi MMC.

Walau bagaimanapun, terdapat isu berbangkit berhubung perenggan 14B(c) di mana terdapat empat kelulusan kepakaran dari luar negara yang dijalankan di bawah laluan *parallel* yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan dikatakan tidak tersenarai, tidak disenaraikan dalam senarai kelayakan kepakaran yang diiktiraf oleh MMC. Ini antara *the genesis of the problem*, mulanya permasalahan itu.

Ini telah mengakibatkan pengamal perubatan yang telah dan juga sedang mengikuti latihan itu berhadapan dengan masalah tidak didaftarkan sebagai pakar dalam daftar pakar di bawah MMC. Kelulusan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (i) pembedahan kardiotorasik daripada *Fellowship of the Royal College of Surgeons of Edinburgh in Cardiothoracic Surgery*;
- (ii) pembedahan plastik *Fellowship of the Royal College of Surgeons of Glasgow in Plastic Surgery*;
- (iii) perubatan keluarga *International Conjoint Fellowship of the Royal Australian College of General Practitioners*; dan akhir sekali

(iv) Perubahan Keluarga (FMS) *Membership of the Irish College of General Practitioners*.

Dato' Yang di-Pertua, terdapat pelbagai perbezaan pandangan mengenai pengiktirafan kelulusan kepakaran seperti yang saya sebutkan ini yang telah mencetuskan polemik, pertikaian yang berterusan di kalangan profesional perubatan. Ada yang berpandangan yang menyatakan bahawa pengiktirafan kelulusan yang terjejas ini perlu mendapat status akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia ataupun MQA sebelum ia boleh disenaraikan sebagai kelayakan kepakaran yang diiktiraf, yang dikatakan tadi "kelayakan kepakaran yang diiktiraf". Ada juga sebaliknya berpandangan yang menyatakan bahawa pengiktirafan kelulusan yang terjejas ini tidak perlu mendapat status akreditasi MQA dan boleh diiktiraf oleh MMC seterusnya ataupun secara langsung.

Berikutan polemik atau kemelut yang berterusan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga bersama dengan rakan sejawat saya daripada Kementerian Pendidikan Tinggi telah melalui beberapa mesyuarat dan akhir sekali, satu mesyuarat dua hala- sebelum itu ia dikendalikan oleh birokrat AKSU-nya antara dua kementerian dan akhirnya sekali, satu mesyuarat dua hala bilateral pada 6 Jun 2023 yang telah memutuskan agar perkara ini dirujuk Jabatan Peguam Negara untuk diteliti dari sudut perundangannya.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga perlu menyebutkan akan graduan yang mana pun Ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang ada latar belakang undang-undang tahu bahawa graduan-graduan ini punya apa yang diistilahkan sebagai *legitimate expectation* kerana mereka telah dibiayai oleh Hadiah Latihan Persekutuan *and we spend millions* untuk graduan-graduan ini menjalani latihan.

Akhirnya, lulus untuk mendapat pendaftaran ataupun layak untuk *eligible for*, dengan izin, untuk layak untuk berdaftar dalam Daftar Pakar Malaysia itu ataupun di *National Specialize Register* itu, tetapi *dek* kerana itu yang saya sebutkan lebih awal tadi bagaimana semakan kehakiman ataupun saman yang dibuat, semakan kehakiman itu dibuat ke atas Kerajaan Malaysia dan pastinya saya sebagai Menteri Kerajaan Madani ini tidak mahu berdepan dengan *consequency* kesudahan yang seperti itu.

Dato' Yang di-Pertua, saya teruskan sedikit setelah saya sebutkan tadi hal yang terkait dengan kelayakan kepakaran yang diiktiraf yang menunjukkan bahawa setelah kami mahukan perkara ini dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti supaya kerajaan tidak berdepan dengan saman oleh graduan-graduan ini ataupun paling tidaknya semakan *judiciary review* yang mereka telah failkan. Dato' Yang di-Pertua, maka pandangan Jabatan Peguam Negara yang diterima pada 25 Mac 2024 yang lalu akan saya rumuskan di sini dengan cuba meringkaskan.

## ■1620

Frasa “*Institut latihan yang diiktiraf*” telah ditafsirkan dalam seksyen 2 di bawah Akta 50 sebagai pemberi pendidikan tinggi sebagaimana diiktiraf dalam seksyen 2, Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 ataupun Akta 679. Apabila istilah institut latihan yang diiktiraf digunakan dalam Akta 50, seksyen 2 itu, ia merujuk kepada apa yang diistilahkan sebagai, “*The higher education providers*”, dengan izin. Ia terangkum ataupun terdapat dalam peruntukan seksyen 2, Akta Agensi Kelayakan Malaysia ataupun Akta 679.

Ini adalah antara punca rujukan bersilang ini ataupun rujukan silang ini, *cross referencing* ini telah menjadikan suatu institusi latihan yang diiktiraf di bawah Akta 50 perlu memenuhi ciri-ciri suatu pemberi pendidikan tinggi sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta 679. Apabila kita perlu membuat rujukan ini, maka rujukan itu meletakkan kita berdepan dengan hakikat bahawa untuk layak menjadi pemberi pendidikan tinggi, ia mesti memenuhi syarat yang ditetapkan oleh *the MQA*.

Dalam hal ini juga Dato’ Yang di-Pertua, fasiliti Kementerian Kesihatan sebenarnya bukanlah satu institusi latihan yang diiktiraf dalam konteks pemberi pendidikan tinggi seperti mana menurut Akta 679. Akta 679 meletakkan antara yang dimaksudkan sebagai dalam *blue bill* ini kita akan dapati bahawa institusi pendidikan tinggi tempatan ertinya adalah antara tiga atau empat- atau empat, dalam kurungan- maaf, dalam fasal 2(a), (b), (c), (d) itu kita dapati bahawa antara lainnya mana-mana universiti atau kolej universiti yang ditubuhkan mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971.

Keduanya, Universiti Teknologi Mara yang ditubuhkan mengikut Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*]. Mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta yang ditadbir di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] dan mana-mana institusi tempatan yang lain atau institusi pendidikan tinggi tempatan yang lain yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis yang lain, Dato’ Yang di-Pertua. Maka, kita berdepan dalam satu ketidakaturan ataupun *irregularities* di sini.

Menurut yang saya sebutkan sebentar tadi, menurut Akta 679, fasiliti Kementerian Kesihatan bukanlah satu institut latihan yang diiktiraf dalam konteks pemberi pendidikan tinggi. Lualan *parallel* dan juga Program Sarjana Perubatan yang dijalankan oleh institusi pendidikan tinggi tempatan yang dibuat di fasiliti Kementerian Kesihatan, sekali gus tidak boleh dianggap telah dijalankan di institusi latihan yang diiktiraf seperti mana yang saya sebutkan dalam peruntukan lebih awal dalam Akta 50 bagi maksud yang disebutkan sebagai subseksyen 14(b), Akta 50 itu. Nah, akibatnya pelatih lualan *parallel* dan Program Sarjana Perubatan yang menjalani latihan di fasiliti KKM sebenarnya tidak berhak didaftarkan sebagai pakar kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah Akta 50.



Nah, di situ antara punca utamanya ketidakaturan dan *irregularities* bertembungnya kepentingan itu. Inilah yang dimaksudkan dalam kenyataan saya sebelum ini. Ia berkenaan ketidakaturan daripada segi perundangan bagi kedua-dua latihan, bukan sahaja *parallel pathways*, Dato' Yang di-Pertua. Ia adalah juga terkait dengan Sarjana Perubatan yang dikendalikan oleh universiti-universiti tempatan kita. 120 program dalam sembilan buah universiti itu, bagi kedua-dua latihan kepakaran ini, ia wujud ketidakaturan ini. Ketidakaturan ini melibatkan kedua-dua latihan kepakaran seperti mana yang saya telah perelaskan.

Dato' Yang di-Pertua, kita beralih kepada Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024 secara keseluruhannya. Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024 ini mengandungi 12 fasal bertujuan untuk menambah baik peruntukan yang berhubungan dengan pendaftaran pengamal perubatan sebagai pakar dan untuk melaksanakan proses pengiktirafan kelulusan dan latihan kepakaran.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam akta yang dicadangkan, andainya perlu.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 50 dengan memotong takrif "*Institut latihan yang diiktiraf*" dan memasukkan takrif baharu "*Institusi pendidikan tinggi tempatan*". Fasal ini juga bertujuan untuk memotong takrif kelayakan pakar yang diiktiraf kerana kelulusan kepakaran dinyatakan sekarang ini dalam jadual baharu Jadual Keempat yang dicadangkan.

Selanjutnya, fasal ini juga bertujuan untuk meminda takrif "*Pengamal perubatan berdaftar*" untuk memasukkan "*pakar*" sebagai sebahagian daripada "*Pengamal perubatan berdaftar*" di bawah akta ini.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 3A, Akta 50 mengenai keanggotaan Majlis. Itu satu perbahasan khusus.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda perenggan 4A(2)(h), Akta 50 untuk memberikan kuasa kepada Majlis untuk mengiktiraf kelayakan dan latihan kepakaran bagi pendaftaran pengamal perubatan dan pakar. Fasal ini juga bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Majlis untuk melantik mana-mana pengamal perubatan berdaftar untuk mewakili Majlis dalam apa-apa Jawatankuasa Panel ataupun institusi yang orang itu kemudiannya membuat syor kepada Majlis mengenai semua perkara yang berhubungan dengan kelayakan Pegawai Perubatan atau pengawalseliaan amalan perubatan.

Fasal 5 Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk meminda perenggan 14(2A)(a), Akta 50 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang boleh berdaftar penuh di bawah seksyen 14, Akta 50 jika orang itu berhasrat untuk mengajar, melakukan pendidikan atau mengikuti kursus lepasan ijazah dalam bidang kepakaran di bawah apa-apa program latihan di mana-mana institusi sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Fasal 6 bertujuan untuk menggantikan seksyen 14B, Akta 50 bagi mengadakan syarat bagi pengamal perubatan untuk berdaftar sebagai pakar. Fasal ini juga bertujuan untuk memperuntukkan latihan kepakaran sebagai satu kehendak untuk berhak didaftarkan sebagai pakar.

Fasal 7 bertujuan untuk menggantikan seksyen 14C, Akta 50 untuk memperuntukkan bahawa jika kehendak di bawah seksyen 14B telah dipenuhi dan suatu permohonan telah dibuat untuk menjadi seorang pakar, Majlis boleh meluluskan permohonan itu atau menolak permohonan itu dengan alasan penolakan.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 14D ke dalam Akta 50 yang memperuntukkan bahawa seorang pakar yang telah didaftarkan boleh membuat permohonan untuk didaftarkan dalam sub kepakaran. Ini peruntukan sub kepakaran Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima dalam bentuk dan cara sebagaimana ditentukan oleh Majlis dan tertakluk pada apa-apa sekatan dan syarat sebagaimana yang diiktiraf, yang difikirkan sesuai dan wajar oleh Majlis.

Fasal 9 bertujuan untuk menggantikan perenggan 36(2)(u), Akta 50 untuk mengadakan peruntukan bagi membolehkan peraturan-peraturan dibuat berhubung dengan bentuk dan cara untuk mengiktiraf kelulusan. Fasal ini juga bertujuan untuk mengadakan perenggan 36(2) DDA yang baharu bagi membolehkan peraturan dibuat berhubung dengan semua perkara berhubung dengan latihan kepakaran.

Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan jadual baharu keempat dan Jadual baharu-Kelima ke dalam Akta 50 yang menyenaraikan kelulusan kepakaran yang boleh didaftarkan untuk mengadakan senarai sub kepakaran.

Fasal 11 mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan- *saving clause*.

Akhir sekali, fasal 12 mengandungi peruntukan pengesahan- *validation*.

Dato' Yang di-Pertua, dalam hal berkaitan dengan syarat memegang kelulusan kepakaran yang diiktiraf, satu jadual baharu atau jadual keempat diwujudkan dalam rang undang-undang ini yang menyenaraikan semua kelulusan kepakaran yang boleh didaftarkan. Dengan adanya jadual keempat ini, tatakelola penyenaian kelulusan kepakaran perubatan dapat dilakukan dengan lebih teratur serta lebih jelas, *provides the clarity*, dengan izin Dato' Yang di-Pertua.

#### ■1630

Satu proses perlu diwujudkan oleh MMC bagi mengemas kini senarai kelulusan dalam jadual ini dari semasa ke semasa. Subseksyen 14B(4) dalam rang undang-undang ini telah memperuntukkan kuasa kepada Menteri setelah berunding dengan MMC untuk meminda Jadual Keempat tersebut dari semasa ke semasa.

Dato' Yang di-Pertua, MMC akan diberikan kuasa bagi menentukan atau meluluskan atau mengiktiraf mana-mana latihan kepakaran baru yang dilaksanakan dalam negara tanpa perlu merujuk kepada mana-mana akta lain termasuk Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679] MQA yang telah saya sebutkan yang menerbitkan permasalahan yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

Pendekatan ini adalah selari dengan amalan sedia ada yang terpakai dalam undang-undang yang mengawal selia badan-badan profesional yang lain yang tidak terikat dengan Agensi Kelayakan Malaysia dalam hal berkaitan pengiktirafan dan pendaftaran profesional seperti Akta Pergigian 2018, Akta Pendaftaran Jurutera, Akta Arkitek 1967 [Akta 117] dan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768].

Pendekatan ini juga selari dengan hasrat Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 yakni Akta 679, Akta MQA itu yang mana dalam seksyen 3(2) Akta 679 telah secara jelas mengecualikan program atau apa-apa kelayakan profesional daripada keperluan akreditasi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 679. Ini bagi menjawab pertikaian yang kita sebutkan lebih awal tadi. Hal ini adalah kerana perkara berkaitan kepakaran melibatkan set kemahiran ataupun, dengan izin, *skill set* khusus yang mana penentuan berkaitannya sewajarnya diberikan kuasa kepada badan profesional yang berkaitan dan bukannya agensi kelayakan yang umum.

Dato' Yang di-Pertua, isu berkaitan kualiti latihan banyak dibahaskan dalam Dewan Rakyat semasa rang undang-undang ini dibentangkan oleh saya. Saya ingin tekankan di sini bahawa kualiti perkhidmatan dan keselamatan pesakit sentiasa menjadi keutamaan Kementerian Kesihatan.

Dengan adanya peruntukan dalam perenggan 14B(3)(a), semua latihan kepakaran baru sama ada program Sarjana Perubatan mahupun laluan *parallel* perlu mendapat kelulusan dan pengiktirafan MMC. Satu proses aliran kerja yang selari (*workflow*) akan diwujudkan bagi mengiktiraf suatu program latihan kepakaran baru yang disediakan oleh sama ada Kementerian Kesihatan, institut pengajian tinggi tempatan atau mana-mana institusi lain yang diiktiraf.

Satu program latihan kepakaran boleh diiktiraf atau diluluskan oleh MMC sekiranya ia memenuhi piawaian atau standard umum latihan kepakaran atau dikenali sebagai *The Malaysian Standards for Medical Specialist Training* dan piawaian standard yang lebih khusus, lebih spesifik mengikut bidang kepakaran ataupun *specialty specific requirement* ataupun SSR yang disediakan oleh MMC, Dato' Yang di-Pertua.

Proses pengiktirafan dan kelulusan latihan kepakaran baru yang disediakan oleh institusi pendidikan tinggi tempatan akan diselaraskan selari- *streamline*, dengan izin, dengan

proses akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia agar proses tersebut dapat diperkembangkan atau, dengan izin, *streamline* agar tidak timbul duplikasi proses kerja yang tidak perlu.

Bagi institusi selain dari institusi pendidikan tinggi tempatan termasuklah Kementerian Kesihatan sendiri, permohonan pengiktirafan latihan kepakaran baru perlu dibuat terus kepada MMC. Namun begitu, pengiktirafan dan kelulusan latihan kepakaran baru tersebut perlu dibuat berdasarkan kepada piawaian atau standard yang sama. *So, tidak ada double standard, tak ada dua darjat, tak ada dua darjat, Dato' Yang di-Pertua.*

Panel penilai atau *panel of assessors*, dengan izin, yang sama yang dikenal pasti oleh MMC akan digunakan untuk melaksanakan penilaian terhadap mana-mana latihan kepakaran baru pada masa akan datang. *So, you are subjected to the same stringent regulation* dan penilaian- *assessment*, sama ada ianya disediakan oleh institusi pendidikan tinggi tempatan atau lain-lain institusi termasuk Kementerian Kesihatan yang memohon.

Dengan adanya penyelarasan ini, saya berharap tiada lagi timbul tanggapan akan terdapat layanan berbeza atau dengan izin, *double standard* yang dikenakan ke atas institusi-institusi yang berbeza, Dato' Yang di-Pertua. Walaupun tiada lagi rujukan silang antara Akta 50 dan Akta 679, peranan akreditasi oleh MQA- saya ingin tegaskan ini kerana ada yang mendakwa hilangnya peranan akreditasi oleh MQA. Walaupun tiada rujukan silang antara Akta 50 dan Akta 679, peranan akreditasi oleh MQA masih lagi relevan untuk program latihan kepakaran yang dilaksanakan oleh institusi pendidikan tinggi tempatan.

Pada masa yang sama, program latihan yang dikendalikan oleh lain-lain institusi juga perlu memenuhi apa juga standard yang ditetapkan oleh MMC sebelum ianya boleh diluluskan untuk dilaksanakan. Perkara ini akan diperincikan melalui peraturan atau garis panduan, *this would be the regulations and orders* ataupun *guidelines* yang akan dibangunkan, yang mana pegawai-pegawai di Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan Tinggi telah pun memulakan perbincangan awal bagi memperhalusi proses kerja ini, Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Yang di-Pertua, pengamal perubatan yang telah tamat latihan tidak akan didaftarkan secara automatik, didaftar pakar tersebut. Ini satu yang kita kena tahu. Kelulusan bukan hanya *would make you eligible* ataupun layak untuk mendaftar secara automatik ke dalam NSR. Apa yang dilakukan, tidak akan didaftarkan secara automatik dalam data pakar tersebut kerana mereka perlu mereka perlu menjalani satu pengalaman kerja yang diselia sebagai salah satu syarat untuk berdaftar. *This work experience that they must undergo*. Ini merupakan sebahagian daripada langkah kementerian bagi memastikan perkhidmatan kepakaran yang diberikan kepada rakyat adalah berkualiti dan keselamatan pesakit juga terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan menyedari pengamal perubatan khususnya warga Malaysia yang selama ini berkhidmat di luar negara mempunyai

pengalaman kerja yang berbeza serta telah menjalani latihan yang berbeza strukturnya berbanding di Malaysia. Merujuk kepada sub kepekaran 14B(1)(d)(ii), sekiranya seseorang pengamal perubatan yang saya sebutkan lebih awal tadi, boleh membuktikan dia mempunyai pengalaman kerja yang luas sehingga MMC berpuas hati, maka, dia tidak perlu menjalani pengalaman kerja yang diselia sebagaimana yang telah saya sebutkan sebentar tadi, lebih awal tadi.

Dato' Yang di-Pertua, melalui Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024 ini, maka kita dapat memastikan ketidakaturan dalam apa juga yang tidak teratur selama ini untuk kedua-dua jenis laluan latihan kepekaran perubatan akan dapat kita tangani. Kemelut atau polemik yang berkenaan pendaftaran pengamal perubatan yang memegang beberapa kelulusan antarabangsa yang terjejas dengan isu pengiktirafan ini akan dapat kita selesaikan dengan baik dan secara tuntas.

Kita tidak mahu lagi kerajaan terus terdedah dengan risiko perundangan seperti mana yang saya sebutkan tadi, *real- legal risk* yang berbangkit daripada prinsip jangkaan sah ataupun *legitimate expectation* daripada graduan-graduan yang telah bertungkus-lumus yang telah mengorbankan empat, lima tahun seiring dan juga dibiayai oleh kerajaan sendiri dari kalangan pengamal perubatan yang menjalani latihan tersebut. Maka, andainya mereka dinafikan *there is*, apa yang dikatakan sebagai wujud *legitimate expectation* ini yang menyaksikan semakan kehakiman ataupun *judicial reviews* yang difailkan ke mahkamah terhadap kerajaan.

Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang telah saya bantangkan. Dewan Rakyat telah pun luluskan. Semua pandangan dan persoalan telah pun kita rungaikan untuk dijadikan suatu penyelesaian, membawa kebaikan, menjaga kebajikan. Cabaran masa depan kita hadapi. Ombak dan badai kita harungi. Kita layarkan bahtera ini.

Kita persiapkan dengan rapi... [*Tepuk*] Rang Undang-undang kita bawa hari ini untuk kita bincangkan di sini. Dewan Negara Dewan yang mulia, rang undang-undang kita kemuka untuk pertimbangkan sewajar-wajarnya yang tidak teratur, kita aturkan semula supaya esok tiada pertikaian hendaknya. Perbalahan elok dihentikan saja. Ayuh, kita berganding bahu bersama. Demi rakyat, demi negara, demi pesakit semuanya. Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih... [*Tepuk*]

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas huraian yang cukup lengkap dan penuh bersemangat tadi.

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih, Dato'.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Ya, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perpaduan [Puan Saraswathy a/p Kandasami]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

## ■1640

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perubatan 1971 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 14 orang ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa diberikan adalah 6 minit seorang.

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Tuan Speaker, saya hendak buat Usul. Kalau Menteri bentang panjang dengan semangatnya yang begitu hebat, saya memohon bagi pihak yang akan berbahas untuk diberi 8 minit. Tadi telah dibuat satu *ruling* bahawa Dewan tidak akan berakhir sehingga tamatnya rang undang-undang ini.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Disebabkan atas kuasa saya yang ada, saya tambah 7 minit.

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Okey, terima kasih, Tuan Speaker.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Makna, saya tidak ikut 8. Kuasa Speaker kurangkan 1 minit.

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya hendak maklum, saya tidak akan bahas. Saya hanya tolong kawan-kawan saja.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Tidak ada masalah.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam. Tujuh minit.

**4.41 ptg.**

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dzulkefly kerana pada bulan Mac 2024 semasa sidang Parlimen, saya membawa isu pengiktirafan *parallel pathway* dan reformasi MMC ke Dewan Negara yang mulia ini. Beliau berjanji pada hari itu yang beliau akan menyelesaikan isu ini dengan segera. Hari ini, beliau telah menyelesaikan isu *parallel pathway* dan memulakan reformasi Majlis Perubatan Malaysia. *Kudos* Yang Berhormat Menteri Kesihatan. *You are the best*, dengan izin... [Tepuk]

Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan media yang memberi liputan yang luas dan objektif berkenaan isu ini terutamanya dari *online media Free Malaysia Today* (FMT) dan wartawan FMT, Tuan Parkaran yang sentiasa konsisten dengan berita yang dilaporkan dan sentiasa menyokong hujah-hujah yang membina untuk membentuk sistem kesihatan yang efektif dan positif.

Dato' Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk menyangkal hujah yang dibawa oleh sekumpulan lapan orang cendekiawan yang telah menghantar e-mel kepada Ahli Dewan yang mulia ini supaya kita gagalkan RUU ini.

Pertama, mengenai takrifan "*Institut Latihan yang diiktiraf*" dalam seksyen 2 Akta Perubatan 1971 yang merujuk kepada takrifan pemberi pendidikan tinggi dalam seksyen 2 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007. Jadi, Kementerian Kesihatan tidak boleh dianggap sebagai institut latihan yang diiktiraf dalam konteks pemberi pendidikan tinggi.

Memandangkan seksyen 14B(b) meletakkan syarat bahawa pengamal perubatan yang ingin mendaftar sebagai pakar perlu menghadiri latihan di institut latihan yang diiktiraf, maka ada risiko pakar perubatan yang telah berdaftar sebelum ini untuk namanya disingkirkan daripada daftar pakar kerana tidak dilantik di institut latihan yang diiktiraf. Jadi, jika kita tidak meluluskan pindaan ini, lebih 10,000 orang pakar yang berkhidmat sekarang di Malaysia, baik di hospital awam atau swasta, bakal disingkirkan daripada daftar pakar dan diharamkan dari bertugas sebagai pakar yang diiktiraf. Ini termasuk yang lulus dalam program *Master* juga. Adakah lapan orang cendekiawan tersebut sedar fasal isu ini atau buat bodoh?

Kedua, mengenai isu jaminan kualiti dan juga program *parallel pathway*. Saya ingin tegaskan bahawa program tersebut adalah program yang dilaksanakan oleh badan profesional perubatan negara dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan institut pendidikan tersohor dunia seperti *Royal College of Surgeon and Physician*.

Semakan saya mendapati bahawa Profesor Raja Amin, Dr. Dayang Anita Abdul Aziz, Profesor Dato' Dr. Md Tahir bin Azhar juga diiktiraf sebagai pakar dengan sijil dari *Royal College of Surgeon of Edinburgh* dan *Royal College of Physician of Edinburgh*. Adakah mereka juga sangsi tentang kelayakan mereka sendiri? Kerana program-program tersebut juga tidak melalui MQA. Ini diibaratkan meludah ke langit jatuh ke atas muka sendiri.

Saya juga ingin mempersoalkan di sini berkenaan kelayakan Dato' Dr. Zainuddin Wazir dan Profesor Mohd Zamri yang hanya mempunyai *Master of Surgery* di mana mereka menjalankan latihan kardiotorasik. Adakah di fasiliti KKM juga? Saya pun kurang faham tentang kelayakan mereka. Selebihnya, tiga lagi orang langsung tiada berada dalam NSR dan saya tidak ingin membazirkan masa Dewan Negara yang mulia ini untuk bercerita tentang mereka.

Akhir sekali, mereka juga syorkan pakar KKM untuk tidak bekerja di hospital swasta kerana waktu menunggu pesakit yang panjang. Dalam konteks yang sama, bolehkah para pensyarah perubatan juga tidak bekerja di hospital swasta universiti seperti UMSC, UKMSC dan UiTM *Specialist Centre* kerana kita hadapi isu kekurangan pakar? Jadi, janganlah memutar belitkan fakta. Kepada golongan ini, jangan kita menang hujah tetapi kalah hati.

Dato' Yang di-Pertua, isu seterusnya saya hendak sampaikan di Dewan yang mulia ini berkenaan Akta Pergigian 2018. Baru-baru ini, saya mendapat maklumat bahawa pakar pergigian yang sebelum ini didaftarkan di bawah Daftar Kepakaran Kebangsaan (NSR) perlu memohon semula kepada Majlis Pergigian Malaysia (MDC) selepas akta ini dikuatkuasakan pada tahun 2021. Malangnya, difahamkan bahawa hampir 20 orang Pakar Pergigian daripada pelbagai kepakaran telah ditolak pendaftaran mereka walaupun sebelum ini mereka telah diiktiraf sebagai Pakar Pergigian. Ini termasuk beberapa orang profesor dari Fakulti Pergigian Universiti Malaya sendiri.

Saya membuat kajian dan mendapat tahu bahawa ada tindakan undang-undang juga diambil oleh seorang daripada pakar tersebut, *Dr. Chan Yu Ning versus Malaysian Dental Council*.

Soalan saya kepada Menteri Kesihatan, mengapa berlaku ketidakaturan di sini seperti yang berlaku di Majlis Perubatan Malaysia? Adakah Majlis Pergigian Malaysia faham implikasi penolakan pendaftar pakar-pakar ini yang telah bertahun, berdekad-dekad berfungsi sebagai pakar bedah mulut dan telah melakukan beribu-ribu pembedahan? Mengapa begitu zalim sehingga keputusan ini boleh disifatkan sebagai, dengan izin, *Wednesbury unreasonable test*. Keputusan yang langsung tidak rasional dan tidak masuk akal. Saya mohon Menteri untuk menjawab isu yang ditimbulkan oleh Majlis Pergigian Malaysia hari ini.

Isu terakhir hari ini yang saya hendak bawa mengenai jawatan CEO Majlis Perubatan Malaysia. Mengapa Majlis Perubatan Malaysia (MMC) tidak melantik Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) hampir satu tahun? *This is serious matter*, dengan izin. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat MK. Bolehkah Yang Berhormat MK memberi jaminan lantikan akan dilakukan dengan segera dan CEO yang akan dilantik harus memenuhi syarat di mana melantik pegawai atau pakar perubatan yang mempunyai minimum 15 tahun pengalaman seperti yang dinyatakan di dalam laman sesawang MMC?

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana berikan saya peluang untuk berbahas. Sekali lagi, saya menyokong penuh pindaan RUU Akta Perubatan 2024. Sekian. Salam perpaduan, salam Malaysia Madani.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Perbahasan yang sangat informatif dan bersama persoalan-persoalan menarik kepada Yang Berhormat Menteri nampaknya.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

**4.49 ptg.**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Dato' Dr. Yang di-Pertua, terima kasih.

Pembukaan Klinik Pergigian Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) yang telah dirasmikan pada bulan Mac tahun lalu menunjukkan kita bahawa hospital universiti



sebenarnya berupaya menawarkan perkhidmatan kesihatan mampu bayar kepada rakyat setempat. Saya difahamkan bahawa klinik pergigian yang diberi nama Klinik Alawa tersebut merupakan klinik yang telah dinaiktarafkan daripada Unit Pergigian biasa yang sebelum ini hanya menawarkan perkhidmatan asas kepada warga universiti yang merangkumi perkhidmatan mencabut gigi dan *scaling*.

Biarpun kemajuan yang dicapai itu berskala kecil, namun HUMS wajar dijadikan sebagai model terbaik kepada KKM untuk menjayakan aspirasi pembangunan kepakaran perubatan yang dihasratkan dalam pindaan Akta 50 ini.

#### ■1650

Dukungan bersama yang diberikan oleh KPT serta mana-mana pihak menerusi aspek pembiayaan sewajarnya dimanfaatkan secara total oleh setiap hospital universiti di seluruh negara dalam meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan kepada masyarakat. Berdasarkan Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024, hanya Pusat Perubatan Hospital Universiti Malaya sahaja yang diperuntukkan dengan peruntukan pembangunan iaitu sebanyak RM86.46 juta. Hal tersebut telah menimbulkan pelbagai persoalan mengenai sejauh manakah Kerajaan Perpaduan benar-benar menumpukan aspek pembangunan fasiliti perubatan di setiap hospital universiti di negara ini.

Sejajar dengan pindaan Akta Perubatan 1971 ini, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Kesihatan seharusnya merangka pelan pembangunan fasiliti perubatan yang boleh menyokong setiap program latihan kepakaran perubatan yang dikendalikan oleh sesebuah universiti yang diiktiraf menurut Jadual Keempat rang undang-undang ini. Menerusi pelan pembangunan tersebut, KKM menerusi peranan yang dimandatkan kepada Majlis Perubatan Malaysia dapat meneliti setiap keperluan latihan perubatan yang diperlukan oleh setiap universiti mengikut bidang kepakaran perubatan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

Menerusi penelitian terhadap keperluan yang dibuat, KKM dapat memperincikan saiz perbelanjaan yang diperlukan oleh setiap skop kepakaran perubatan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang bertanggungjawab dalam hal ehwal peruntukan tahunan. Menerusi perincian perbelanjaan tersebut, KPT dapat memahami cabaran sebenar yang dihadapi oleh sesebuah universiti yang mengendalikan latihan kepakaran perubatan kepada pelatih khususnya bidang kepakaran yang melibatkan alatan perubatan yang berteknologi tinggi.

Oleh sebab itu, KKM seharusnya memastikan setiap hospital universiti di seluruh negara dapat dibangunkan secara berperingkat ke arah menyediakan perkhidmatan kesihatan yang bukan sahaja mampu bayar, malah turut mengutamakan kualiti perkhidmatan yang sudah tentu akan memerlukan khidmat pakar yang berkredibiliti tinggi serta teknologi perubatan bagi setiap skop rawatan dan pemeriksaan kesihatan.

Selain memperluaskan capaian pelatih perubatan untuk mendapatkan latihan kepakaran yang diiktiraf, KKM dan KPT juga perlu melaksanakan kerjasama strategik dengan hospital swasta di seluruh negara. Kerjasama tersebut penting untuk memastikan latihan kepakaran yang dikendalikan di setiap universiti tempatan seiring dengan perkembangan semasa teknologi perubatan global.

Sehubungan dengan itu, sebagai rakyat Negeri Sembilan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa agar KKM dan KPT dapat mengadakan program latihan pembangunan kepakaran perubatan di mana-mana universiti awam atau swasta di Negeri Sembilan. Selain Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan juga turut dibangunkan dengan beberapa IPTA dan IPTS yang mempunyai potensi yang boleh diterokai oleh KKM dan KPT untuk melaksanakan latihan kepakaran perubatan. Gesaan tersebut diharapkan dapat diberi perhatian serta pertimbangan serius oleh KKM sebagai usaha proaktif yang boleh menjadikan Negeri Sembilan sebagai antara negeri yang mempunyai kelebihan dalam aspek perkhidmatan perubatan untuk pelbagai jenis penyakit.

Dengan adanya universiti yang mempunyai keupayaan untuk melatih bakal-bakal pakar perubatan bagi satu-satu penyakit, KKM secara langsung dapat mempersiapkan hospital-hospital di Negeri Sembilan dengan kepakaran perubatan khususnya yang diperlukan oleh rakyat yang berpendapatan rendah untuk menempuh sebarang cabaran kesihatan luar jangka pada masa hadapan.

Sebelum mengakhiri perbahasan, saya ada empat persoalan yang memerlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Pertama, berapakah kos perbelanjaan yang diperlukan oleh KKM untuk membiayai penganjuran latihan kepakaran perubatan yang dikendalikan oleh setiap IPTA tempatan bagi setiap bidang kepakaran yang disenaraikan dalam Jadual Keempat?

Kedua, apakah bidang kepakaran yang akan diperuntukkan dengan tajaan pendidikan tinggi khas daripada Kerajaan Persekutuan sejajar dengan pindaan Akta 50 ini?

Ketiga, apakah bentuk usaha sama industri yang sedang dan akan dibentuk oleh KKM dan KPT ke arah meningkatkan capaian bagi setiap hospital universiti dan dengan teknologi perubatan yang terkini?

Keempat, bagaimanakah rakyat yang menetap di negeri-negeri yang tidak dibangunkan dengan hospital pengajian dan universiti yang mengendalikan latihan kepakaran perubatan mampu mendapatkan perkhidmatan perubatan yang setara dengan negeri-negeri yang mempunyai kedua-dua kelebihan tersebut?

Dengan izin, saya hendak bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris, *the bill would not have seen the daylight of the day had it not been for the issue which brought up by Yang Berhormat Dr. Linges in March sitting of this Dewan and of course, the Honorable Minister*

*responded quickly and his deputy... [Tepuk] Thanks to the Honorable Minister, his deputy and the whole team behind. We are not dead wood sitting here and also, we are not rubber stamp. Thank you. Saya menyokong bil ini... [Tepuk]*

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Tahniah Yang Berhormat, salah seorang Ahli Dewan yang konsisten selalu mengambil peluang dalam setiap perbahasan dan bersama empat soalan kepada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff untuk perbahasan.

**4.56 ptg.**

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Perubatan (Pindaan) 2024.

Pertamanya saya hendak *claim* di sini bahawa saya sebenarnya banyak soalan, banyak sangat soalan, tetapi soalan-soalan itu sebahagiannya telah terjawab dalam pembentangan Yang Berhormat Menteri tadi. Agaknya soalan saya bocor... *[Ketawa]*

Pindaan akta ini perlu untuk menyelesaikan kekurangan pakar yang serius di negara kita dan untuk menyelesaikan isu latihan kepakaran melalui latihan laluan *parallel*. RUU ini juga bertujuan memberikan kuasa kepada Majlis Perubatan Malaysia (MMC) untuk mengiktiraf kelayakan serta latihan kepakaran bagi tujuan pendaftaran pengamal perubatan dan pakar.

Dato' Yang di-Pertua, walau apa pun pindaan yang dibuat, kualiti dan kuantiti- kualiti dan kuantiti, dua-dua sama penting. Pakar perubatan yang akan dilahirkan sama ada melalui program sarjana ataupun laluan *parallel* perlu mencapai satu standard yang setaraf dengan latihan-latihan kepakaran di peringkat antarabangsa. Kesihatan rakyat tidak boleh dikompromikan. Negara memerlukan doktor-doktor pakar yang benar-benar layak dan selamat untuk melaksanakan tanggungjawab menjaga kesihatan dan nyawa rakyat.

Dato' Yang di-Pertua, saya sangat sedar di luar sana perbahasan akta ini sangat rancak diperdebatkan. Di media sosial sangat hebat dan saya membacanya. Secara peribadi, saya meminta pandangan daripada rakan-rakan yang berada dalam MMC, rakan-rakan saya yang terdiri daripada pakar yang berada di dalam KKM dan pensyarah-pensyarah, rakan-rakan saya yang berada di beberapa buah universiti.

Ada perbezaan pendapat di kalangan mereka. Bagi saya, perbezaan pendapat ini adalah sesuatu yang baik kerana ia memberi ruang untuk kita meneliti akta ini dan tindakan pelaksanaan- tindakan pelaksanaan adalah amat penting untuk kita teliti dan dibuat sebaik

mungkin. Apa yang saya perhatikan, mereka mempunyai satu tujuan yang sama iaitu memastikan para pakar kita adalah berkualiti demi memastikan kesihatan dan nyawa rakyat berada dalam tangan-tangan pakar yang selamat.

Dato' Yang di-Pertua, merujuk kepada seksyen baharu 14D di mana akta ibu dipinda dengan memasukkan pendaftaran dalam sub kepakaran, mana-mana pakar yang telah didaftarkan di bawah akta ini boleh membuat permohonan untuk didaftarkan dalam satu sub kepakaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dan tertakluk kepada apa-apa sekatan dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

#### ■1700

Oleh itu, saya pohon penjelasan apakah bidang kuasa dan sejauh mana keluasan kuasa Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dalam menentukan kelayakan seorang calon setelah tamat latihan kepakaran dan sub-kepakaran mereka? Adakah MMC dibenarkan untuk mengiktiraf dan mendaftar jika latihan kepakaran ini dilaksanakan oleh badan atau universiti yang tidak diiktiraf seperti yang termaktub di Jadual keempat dan kelima?

Dato' Yang di-Pertua, dalam standard program kepakaran yang dibangunkan oleh MMC serta yang disarankan oleh *Postgraduate World Federation of Medical Education*, ada dua elemen yang penting iaitu tadbir urus program dan juga jaminan kualiti. Jadi, apabila akta ini diluluskan selain daripada program yang dijalankan oleh universiti awam, siapakah yang akan memastikan tadbir urus program-program *parallel*?

Bagaimanakah MMC akan menjalankan jaminan kualiti dan memberi pengiktirafan kepada latihan kepakaran yang baharu? Saya *skip* soalan saya. Banyak lagi sebenarnya tetapi dah dijawab. Saya juga ingin bertanya apakah IPTS juga dibolehkan untuk melaksanakan program laluan *parallel* ataupun IPTA juga boleh bekerjasama dengan badan luar negara untuk melaksanakan program PP ini?

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya bagi pihak rakyat yang banyak bertanya soalan kepada saya.

Pertamanya, saya ingin tahu apakah program PP ini juga mempunyai kuota mengikut kaum? Kerisauan rakyat majoriti dengan pelaksanaan akta ini adalah makin lama makin kurang doktor atau pakar bumiputera. Adakah bakal ada limpahan doktor-doktor pakar dari luar negara yang akan bekerja di Malaysia? Bagaimana pula pembiayaan kepada doktor-doktor yang ingin mengikuti latihan melalui program *parallel*? Adakah hadiah latihan Persekutuan juga diberikan kepada calon program *parallel*?

Adakah kuota hadiah latihan Persekutuan ini juga sudah ditetapkan khusus untuk program PP ini? Apakah jaminan kerajaan hadiah latihan ini tidak akan mengurangkan peruntukan kepada calon program sarjana atau adakah kerajaan akan menyediakan

peruntukan tambahan? Saya juga ingin tahu berapakah amaun hadiah latihan Persekutuan yang diberikan kepada calon PP dan adakah sama seperti program sarjana? Bagaimana pula kontrak perjanjian? Adakah sama? Kita bimbang para doktor pakar ini akan lari ke sektor swasta mengakibatkan masalah kekurangan doktor pakar di sektor awam tidak dapat diselesaikan.

Dato' Yang di-Pertua, program *parallel* ini sudah menjadi trend masa kini. Ia lebih diminati oleh doktor-doktor kita. Apakah program ini akan mengancam program sarjana bila mana KKM lebih cenderung untuk menaja pelajar ke program PP? Akhirnya program kepakaran sarjana akan terhapus secara perlahan-lahan. Apakah jaminannya program latihan kepakaran ini yang dianjurkan oleh universiti tidak akan terjejas?

Dato' Yang di-Pertua, untuk akhirnya saya mohon semua Yang Berhormat Menteri menjawab kesemua persoalan-persoalan saya supaya saya berpuas hati untuk menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Yang Berhormat. Tahniah atas perbahasan yang penuh persoalan. Saya yakin Yang Berhormat Menteri akan menjawab dengan tenang sebentar nanti.

Jadi, seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli, bakal Yang Berhormat Menteri.

#### 5.04 ptg.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada tarik balik atau pun ulang balik. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Saya ingin turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang D.R. 31/2024 ini dengan mengambil perhatian bahawa tujuan pindaan kepada Akta Perubatan ini adalah untuk memastikan kita melahirkan suatu jumlah pakar-pakar yang diperlukan oleh negara dengan kepakaran yang baik, yang cukup untuk meningkatkan taraf kesihatan kita di Malaysia.

Memang kita kekurangan seperti disebut oleh Menteri tadi, dengan *ratio* kita yang masih rendah berbanding dengan sasaran yang hendak kita capai. Saya tidak pasti *projection*-nya beberapa tahun kita boleh mencapai *ratio* yang sepatutnya. Mungkin dalam tempoh lima atau pun 10 tahun, tetapi kita kena bermula daripada suatu titik ya. Walaupun kita mempunyai kursus *Masters of Medicine*, *Masters of Surgery* yang telah dibuat begitu lama ya, semenjak saya mula menceburkan diri dalam bidang perubatan, kursus-kursus ini pun dimulakan. Cuma saya tidak berkesempatan untuk menyertai kursus melainkan mengambil *public health* ya. Itu pun di Singapura ya.

Kita masih lagi kekurangan. Oleh yang demikian, bila berlaku apa yang disebut oleh Menteri. Dilema mereka yang mengikuti kursus *parallel pathway* ini tidak dapat didaftarkan

atas sebab-sebab yang dimaklumkan. Maka, kita melihat itu sebagai suatu kerugian kepada rakyat kita, kepada Kementerian Kesihatan dan seluruh negara. Oleh yang demikian, kita harus mencari jalan penyelesaian. Saya sentiasa nak melihat bahawa kelahiran pakar-pakar ini adalah melalui suatu proses pendidikan perubatan yang terbaik. Bukan cincai-cincai boleh dibeli sijilnya dan sebagainya ya.

Saya telah bertanya di dalam libat urus yang dibuat oleh kementerian tempoh hari. Apakah latihan ini diberikan ya dengan terbaik, dengan diawasi, dengan dikendalikan oleh badan-badan yang berwibawa kerana kebanyakan latihannya nanti akan diadakan di fasiliti-fasiliti Kementerian Kesihatan?

Saya sangat berkeyakinan ya, kerana kita melalui proses tersebut semasa *undergraduate* dan juga *postgraduate* bahawa latihan yang diberikan oleh pakar-pakar yang sedia ada di Kementerian Kesihatan terhadap mana-mana Doktor-doktor bukan yang dalam kursus pun ya, cukup bagus dan layak untuk terus berkhidmat sebagai Doktor Perubatan yang selamat. Ini yang pentingnya.

Oleh yang demikian, apabila diberi jaminan oleh Menteri tadi bahawa MMC akan melaksanakan tanggungjawab untuk menapis hasil daripada keluaran bukan sahaja setakat *parallel pathway*, yang mengikuti *Masters of Medicine and Surgery* dan sebagainya pun harus diteliti supaya sentiasa mempunyai kepakaran yang terbaik.

Untuk membuat *assessment* kepada kursus-kursus ya, bagaimanakah mereka menyimpan buku log? Bagaimana mereka diakses atau pun dinilai oleh penilai-penilai seperti disebutkan oleh Menteri tadi, akan dilaksanakan oleh SSO yang sama ya Menteri ya, yang seperti yang ada. Ertinya tanggungjawab ini sangat berat jatuh kepada MMC.

Saya juga melihat di dalam pindaan ini. Ada juga dipinda komposisi di dalam MMC bagi memastikan peranan MMC itu bukan sekadar meraikan *the politics of medicine*, dalam perebutan kerusi, tetapi sebenarnya berperanan untuk memastikan yang berada di dalam MMC adalah mempunyai tanggungjawab dan kepakaran yang hebat. Ini termasuk mempertingkatkan jumlah ahli-ahli Majlis daripada IPT, daripada kerajaan dan juga komponen swasta.

Dato' Yang di-Pertua, apabila jumlah doktor pakar ini sudah mencapai suatu tahap yang munasabah bagi negara kita, saya rasa kita boleh meluaskan lagi latihan kepakaran ini dengan menerima cadangan-cadangan seperti yang dibawa oleh rakan-rakan tadi untuk memperbanyakkan laluan-laluan ya, seperti *parallel pathway* yang juga dikendalikan oleh universiti tempatan kita, tetapi ini saya rasa terlalu mendahului masa. Kita selesaikan dahulu isu ini.

Saya berkeyakinan pindaan Akta Perubatan ini bukan *cast in stone* lah ya. Kita juga perlu meneliti dari semasa ke semasa, sama ada perlu dipertingkatkan lagi terutamanya

menjawab soalan-soalan yang dibawa oleh Senator Wan Martina tadi daripada segi keresahan di luar sana tentang kedudukan pakar-pakar bumiputera- adakah akan terjejas?....

■1710

Walaupun saya berkeyakinan itu sepatutnya tidak menjadi isu kerana kita mesti menekankan kepada merit. Walaupun ada orang yang tidak bersetuju dengan meritokrasi, tetapi bagi saya, dalam hal yang berkaitan dengan nyawa kita, *then you need the best. You need the best* ya.

Saya yakin doktor-doktor bumiputera kita tak ketinggalan. Malah ramai pakar yang ada hari ini daripada kalangan bumiputera, cukup hebat membina nama di peringkat antarabangsa. Jadi saya harapkan Menteri boleh meleraikan kerisauan ini. Walaupun di luar sana, saya tidak berapa setuju kalaulah perbahasan isu ini dibawa ke dalam konteks perkauman. *It doesn't look good for* satu kementerian yang mengendalikan hal-hal perubatan dan kesihatan ini... [Tepuk]

Menteri, selesai dengan hujah-hujah tentang *parallel pathway* kerana semuanya nampaknya menyokong. Saya ingin juga ingatkan Menteri, pakar-pakar kita ramai, MO kita pula kurang ya. Yang dalam kontrak, habis kontrak, tak dapat nak *continue*. Ini saya rasa telah menjejaskan- sampai ada rayuan-rayuan daripada yang masih berkhidmat dalam bidang ini supaya diberikan perhatian. Mereka bekerja teruk. Doktor tak cukup.

Apakah susah sangat untuk kita *employ* balik kontrak-kontrak yang telah tamat ini? Ini kerana itu merupakan *core* kita ya. Kalau kita nak melatih pakar-pakar, kalau doktornya, MO nya tak ada, jadi payah juga nanti kita nak melaksanakannya. Jadi, ini satu isu yang sangat *pertinent*, sangat *urgent*. *Besides looking into the training of the specialist, please look into the current issues of lack of doctors and nurses.*

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Tadi kalau nak ulang balik mula-mula tadi, silakan. Terima kasih.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu perbahasan yang menunjukkan kematangan dan pengalaman yang cukup baik dalam perbahasan dan ada harapan untuk pergi jauh lagi dalam politik, *insya-Allah...* [Ketawa]

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail untuk perbahasan.

5.12 ptg.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati dan kasihi sekalian.

Saya juga turut ingin serta dalam perbahasan seupaya saya walaupun memang bukan bidang saya. Namun, sebagai tanggungjawab seorang Ahli Dewan yang merupakan turut

terlibat dalam menyemakimbang mana-mana perkara, saya fikir keperluan sama untuk turut berbahas kerana ini merupakan kepentingan rakyat kita semuanya, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada pemahaman saya, pokok perkara dalam isu ini ialah untuk kita sama menyelesaikan pindaan ini untuk memudahkan proses pengiktirafan kelayakan Doktor-doktor Pakar yang telah melalui program *parallel pathway* (PPP) agar boleh didaftarkan di dalam Daftar Pakar Kebangsaan atau *National Specialist Register* (NSR) dan dikelolakan oleh Kementerian Kesihatan dan rakan-rakan kolaborasi yang terkait.

Kalau mengikut dengan apa yang kita terima maklumat daripada data oleh kementerian, jumlah Doktor Pakar yang direkodkan tahun 2023, sejumlah 8,953 orang doktor pakar. Yang nak disasarkan sehingga tahun 2030 ialah 23,923. Ertinya, 24,000 lah lebih kurang. Ertinya dalam tempoh lima tahun, kita perlu gandakan sebanyak tiga kali ganda. Lapan kali tiga, ke-24,000. Mampu tidak dalam tempoh yang begini, kita capai jumlah ini? Jumlah yang nak dicapai itu, timbul dalam persoalan sama ada kita perlu tambahan kuantiti tapi pada waktu yang sama, kita tak nak kualitinya terjejas. Saya rasa itu pokok bicara saya secara lebih mudahlah sebagai bukan seorang doktor.

Cumanya, saya nak buat sikit andaian. Andaian ini kalau tak betul nanti Yang Berhormat Menteri perbetulkan saya. Pertamanya, nampak semacam berlaku pemusatan kuasa kepada Majlis Perubatan Malaysia (MMC). Ini yang mungkin yang sebahagian rasa macam tak berapa senang. Tentu ada jawapan.

Pindaan akta ini yang menggugurkan 4(2)(s) yang memberi kuasa pengiktirafan, mengiktiraf dan mengakreditasi kelayakan perubatan berdasarkan syor Jawatankuasa Teknikal bersama yang ditubuhkan oleh Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [*Akta 679*] bagi tujuan pendaftaran. Ia digantikan dengan (h) iaitu beri kuasa mengiktiraf kelayakan bagi pendaftaran pengamal perubatan di bawah akta ini. Ini bermaksud bahawa MMC diberi kuasa menjalankan pengiktirafan kelayakan tanpa perlu merujuk kepada Akta Agensi Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualifications Agency* (MQA).

Apabila ditakrifkan kelayakan pakar yang diiktiraf- Yang Berhormat Pengerusi, mohon penjelasan. Ini digugurkan, kuasa mengiktiraf ataupun pengiktirafan institusi hanya dilakukan oleh MMC. Betul atau tidak andaian saya? Seperti yang dicadangkan pada seksyen 14 perenggan 14(2A)(a) yang bermaksud, pengiktirafan institusi pendidikan atau latihan beralih daripada Kementerian Pengajian Tinggi ataupun kepada MMC.

Itu mungkin saya salah faham, tapi mahu penjelasan. Ini merupakan satu perubahan dasar yang besar dalam pengajian tinggi dan mungkin akan melibatkan profesion lain juga. Adakah KPT sudah mengkaji impak pindaan ini kepada program profesional yang lain? Tadi



macam seimbans ada Yang Berhormat Menteri sebut-sebut, tapi saya rasa perlu lebih pencerahan sebab ini akan membabitkan pelbagai bidang profesional di profesion yang lain.

Melalui pindaan ini juga, saya melihat tiada ruang semak dan imbang bila mana satu Majlis yang sama diberi kuasa untuk melaksanakan semua proses daripada segi proses mengiktiraf institusi, meluluskan program latihan dan mengiktiraf kelayakan.

Kedua, pindaan ini juga memperkenalkan Jadual Keempat dan Kelima (14D) yang tidak pernah wujud dalam akta pindaan 2012. Kelayakan yang terkandung jika jadual hendak diluluskan, mestilah telah melalui proses pengiktirafan oleh MMC terlebih dahulu. Bagaimanakah kelayakan terkandung dalam Jadual Keempat dan Kelima ini dimaksudkan? Bagaimanakah hanya jika ia mengandungi kelayakan yang diragukan? Siapakah yang akan mengendalikan proses memantau kelayakan yang ditentukan oleh MMC ini? Saya berpendapat, kedua-dua jadual ini hendaklah dibentangkan dahulu sebelum pindaan diterima secara sepenuhnya. Kedua-dua jadual yang saya maksudkan tadi.

Juga bagi meluluskan kelayakan yang dimaksudkan adalah yang terkini daripada segi pengiktirafan sama ada dalam atau luar negara, kedua-dua jadual perlu dikaji dan diteliti secara dengan lebih mendalam. Sekurang-kurangnya- mungkinkah perlu kajian setiap lima tahun? Ini supaya perkembangan-perkembangan ilmu dan bidang kepakaran ini boleh diadaptasikan secara lebih tepat. Maka kita dengan ini akan mengukuhkan, memenuhi jadual dengan kelayakan yang mungkin dalam tempoh sekian lama sudah agak sedikit lapuk dengan perkembangan industri ilmu dan hal ini juga perlu diambil perhatian oleh MMC sendiri.

Perkara ketiganya yang saya nak sebut yang saya fikir perlu sikit juga penjelasan. Dari sudut keanggotaan Majlis- pindaan telah mengurangkan perwakilan universiti daripada sembilan orang kepada lima orang dan meningkatkan keanggotaan perwakilan yang disyorkan oleh Ketua Pengarah dan diluluskan oleh Menteri daripada tiga orang kepada tujuh orang.

Tadi Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta sebut takut ada *political* untuk tujuan *posting* perjawatan yang lain-lain, tapi saya nak tengok di sini dari sudut tadi, jumlahnya di tingkat yang agak banyak. Ini bermakna, pengaruh pengamal perubatan yang dilantik oleh Menteri akan bertambah dalam keadaan di mana kuasa mengiktiraf kelayakan, mengiktiraf institusi latihan dan kelulusan dengan program latihan dipusatkan kepada MMC. Pengaruh pelantikan Menteri akan memungkinkan wujudnya suatu masa akan datang orang anggap mungkin *bias* terhadap program yang dijalankan oleh KKM.

#### ■1720

Akhirnya saya hendak sebut ialah sekali lagi saya daripada segi menyokong, saya menyokong Usul ini, tetapi pindaan akta ini sebagai satu langkah untuk menyelesaikan isu kekurangan doktor pakar di negara kita. Namun, isu yang telah saya sebutkan tadi perlu

diperhalusi dengan teliti supaya sebagai badan pengiktirafan profesional harus benar-benar bersifat profesional. Badan pengiktirafan profesional, operasinya juga betul-betul profesional, tidak timbul macam Yang Berhormat Dr. Lingeshwaran sebutkan tadi dan saya rasa pun tidak perlu disebutkan secara *direct* lah *kot*.

Jangan nanti kerja-kerja dan keputusan kita ini bakal dipersoalkan kualitinya oleh pelbagai pihak akan datang dan juga oleh lain-lain pihak yang merasa perkara-perkara yang semacam ditimbulkan oleh Dr. Hajah Wan Martina menjadi isu di peringkat netizen di bawah sama ada mereka juga pakar ataupun mereka tidak pakar, mereka turut terlibat berbahas sebab ini kepentingan kesihatan dan kepentingan negara.

Akhirnya saya sekali lagi menyatakan sokongan terhadap Usul ini dan harapkan menteri dapat memberikan perhatian terhadap perkara-perkara yang saya timbulkan dalam bahasa yang tidak pakar supaya isu yang terbesar ialah kita selesaikan isu keselamatan, kesihatan rakyat negara kita. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih. Perbahasan yang menggunakan konsep andaian- tanya dan jawab soalan. Jadi, ini satu yang unik daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail, tetapi saya yakin, *insya-Allah* sebentar nanti Yang Berhormat Menteri akan memberikan penjelasan dan pencerahan tentang isu yang dibangkitkan.

Seterusnya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda.

## 5.22 ptg

**Tuan Mohd Hasbie bin Muda:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut membahaskan Rang Undang-undang Akta Perubatan (Pindaan) bagi tahun 2024 ini.

Pertamanya juga saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan rakan-rakan dalam kementerian atas usaha yang kita anggap akan menjadi penawar kepada masalah dan juga polemik yang berlaku dalam tempoh beberapa bulan ini.

Sesungguhnya pindaan ini adalah suatu pindaan yang progresif dan akan membantu meningkatkan mutu perkhidmatan sistem kesihatan awam negara dengan memastikan latihan kepakaran perubatan adalah teratur daripada aspek perundangan.

Pindaan ini juga menjamin tidak berlakunya pertikaian kelayakan terhadap pengamal perubatan berstatus pakar yang telah didaftarkan dan bakal didaftarkan. Cuma soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah senarai yang telah dimasukkan dalam Jadual Keempat ini telah mencakupi semua institusi-institusi yang ada- yang rakyat kita mendapat kepakaran di situ dan adakah sekiranya ada yang tidak termasuk, adakah pindaan ataupun semakan itu akan dibuat daripada masa ke semasa?

Seterusnya pindaan ini juga akan memastikan peruntukkan yang diberikan oleh kerajaan melalui *Master's programme* dan juga *parallel pathway* ini akan kembali memberi manfaat kepada kerajaan dan juga rakyat dengan peningkatan jumlah Doktor Pakar tempatan di hospital-hospital awam milik kementerian. Saya juga ingin mengulangi persoalan yang sama, cuma statistik yang saya dapat ini sedikit berbeza dengan Yang Berhormat Haji Hussin tadi.

Saya difahamkan sekarang ini tahun 2024 KKM mempunyai lebih kurang 13,000-kalau salah minta diperbetulkan. Sasaran kerajaan pada tahun 2030 kita mengehendaki 78,000 Doktor Pakar. Kalau kita tengok pada jumlah yang ada semasa lebih kurang 9,000 ini-adakah sasaran itu masih *valid* pada masa ini ataupun kementerian akan menyemak semula sasaran yang dibuat. Kemudian soalan yang seterusnya ialah, apakah perancangan pihak kementerian dalam menyediakan insentif tambahan sama ada berbentuk kewangan ataupun bukan kewangan supaya dapat menarik lebih ramai Pegawai Perubatan untuk menjadi pakar.

Selain daripada Hadiah Latihan Persekutuan, adakah ada lagi biasiswa atau bantuan yang diberikan dan adakah kementerian berhasrat untuk menambah sekiranya ada, kerana kalau kita tengok dalam sistem perlindungan sosial negara kita ini, jumlah subsidi dalam sektor-sektor yang lain itu bertambah dengan begitu besar. Kalau kita tengok angkanya mencecah RM80 bilion setahun, tetapi jumlah biasiswa kalau saya rujuk dalam data- dalam Laporan Kewangan yang lepas, saya ingat sekitar RM668 juta sahaja diperuntukkan dan berapa banyak daripada jumlah itu yang diperuntukkan untuk Hadiah Latihan Persekutuan bagi pengajian ini.

Kemudian, yang seterusnya juga dibangkitkan soal kritikan kepada pihak-pihak luar yang memutar belit isu *parallel pathway* ini sehingga menyebabkan terjebak kepada polemik-polemik yang tidak perlu polemik perkauman dan sebagainya dan kita harap supaya pihak kementerian dapat menggiatkan jentera penerangan kementerian supaya isu-isu yang timbul itu terus dijawab khususnya melalui media konvensional ataupun media arus perdana yang dimiliki oleh kerajaan.

Kemudian perkara yang terakhir yang saya juga- ada disentuh oleh Yang Berhormat Kesavadas tadi berkait dengan fasiliti. Apa perancangan kementerian bagi menjamin kuantiti dan kualiti Doktor Pakar dalam sistem kesihatan awam negara untuk memberi kemudahan dan fasiliti yang mencukupi untuk mengurangkan waktu menunggu bagi pesakit yang menerima rawatan. Ini kerana kita difahamkan tidak semua hospital dalam negara kita mempunyai- yang berstatus hospital yang berstatus pakar. Namun setakat ini KKM telah melaksanakan inisiatif perkhidmatan pakar lawatan di mana pakar-pakar dari hospital pakar itu akan turun ke hospital ataupun klinik untuk membuat khidmat rawatan.

Jadi persoalan saya, apakah status terkini inisiatif perkhidmatan pakar lawatan di seluruh negara dan apakah perancangan kerajaan untuk mempertingkatkan- khususnya dari sudut masa menunggu supaya lebih ramai mendapat manfaat daripada perkara ini? Saya ingat itu sahaja Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya mohon menyokong pindaan RUU ini. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullah.*

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Tahniah Yang Berhormat atas membawa suara orang muda dalam Dewan dengan penuh semangat.

Seterusnya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

### 5.27 ptg

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI Dato' Yang di-Pertua.

Terima kasih kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan penggubalan RUU Perubatan (Pindaan) 2024. Saya mengambil maklum bahawa penggubalan RUU ini adalah untuk menyelesaikan *a long overdue issue*, dengan izin, berkaitan kelulusan Doktor Pakar lama dan baharu yang terancam akibat kelompangan dalam Akta Ibu itu sendiri.

Ini termasuklah isu pendaftaran Pegawai Perubatan yang menamatkan latihan kepakaran kardiotoraks dalam daftar pakar NSR di bawah Majlis Perubatan Malaysia (MMC) yang telah *viral* baru-baru ini.

Saya amat bimbang akan permasalahan tersebut kerana kekurangan tenaga Doktor Pakar ini akan menyebabkan rakyat Malaysia menunggu-nunggu rawatan bagi sesetengah penyakit kritikal. Syukur *alhamdulillah*, dengan usaha pihak kerajaan dalam menggubal RUU ini, kelompangan ini akan ditangani. MMC diberikan kuasa untuk mengiktiraf kelayakan dan latihan kepakaran bagi tujuan pendaftaran pengamal perubatan dan pakar.

Saya telah meneliti RUU ini dan juga perbahasannya di Dewan Rakyat. Saya percaya ia sememangnya akan membantu situasi semasa dan oleh sebab itu saya tiada masalah untuk menyokong RUU ini, tetapi saya tertarik untuk membahaskan RUU ini kerana terdapat beberapa persoalan penting yang ingin ditanya berkaitan perancangan tenaga kerja sektor kesihatan- *manpower planning of the healthcare sector*, dengan izin, Dato' Yang di-Pertua.

Pertama, dari sudut *governance*, dengan izin, saya difahamkan pindaan RUU ini akan menyebabkan keanggotaan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) disemak semula bagi memastikan perwakilan yang seimbang daripada semua sektor profesion perubatan iaitu pengamal perubatan sektor perkhidmatan awam, swasta, wakil universiti dan kolej universiti. Ura-uranya- saya hendak kepastian daripada Yang Berhormat Menteri ya. Ura-uranya akan

lebih perwakilan daripada Kementerian. Bolehkah Kementerian menjelaskan komposisi yang dibayangkan akan dibuat selepas pindaan ini?

Saya berharap perkara perwakilan yang seimbang dapat daripada swasta dan awam serta wakil universiti dan kolej universiti diambil kira supaya terdapat *a balance view*, dengan izin, terhadap penguatkuasaan sektor kesihatan memandangkan Malaysia mempunyai dua sistem- swasta dan awam yang berfungsi pada masa yang sama.

■1730

Kedua, dari sudut perancangan tenaga kerja para Doktor Pakar, bagaimanakah Kementerian menilai keperluan Doktor Pakar mengikut setiap bidang perubatan masing-masing- kardiologi, neurologi, ortopedik dan sebagainya, bagi keperluan rakyat Malaysia.

Adakah bilangan Doktor Pakar kini mencukupi atau kekurangan? Tergerak di hati saya untuk bertanya perkara ini kerana Malaysia kini adalah negara kedua tertinggi dalam kadar obesiti di ASEAN dan penyakit tidak berjangkit.

Saya cuba hendak kuruskan badan Yang Berhormat Menteri.

Bagaimanakah pihak Kementerian sedang mengimbang keadaan keperluan Doktor Pakar semasa dengan pendekatan Kementerian untuk memperkukuhkan *primary healthcare*, dengan izin?

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini juga untuk menyentuh berkenaan isu doktor kontrak dan dakwaan bahawa sektor kesihatan Malaysia sedang mengalami kekurangan pekerja kesihatan ekoran *brain drain* dan situasi keadaan pekerjaan di hospital awam?

Walaupun RUU ini dikatakan sebagai pendekatan isu Doktor Pakar dapat diselesaikan, saya khuatir *there is an elephant in the room that we are not addressing*, dengan izin. Ini merupakan soalan Parlimen saya, tetapi alang-alang ia berkait, saya akan bertanya perkaranya di sini.

Saya memohon Kementerian Kesihatan menyatakan nisbah tenaga kerja sektor kesihatan di Malaysia untuk setiap 1,000 rakyat. Adakah ia memenuhi nisbah yang disarankan oleh Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO)? Berikan butiran pecahan. Ini bolehlah jawab secara bertulis ya Yang Berhormat.

Berikanlah butiran pecahan nisbah ini mengikut pekerja swasta berbanding pekerja kesihatan kerajaan dalam lima tahun yang lepas? Bagaimanakah perancangan Kementerian Kesihatan dalam memastikan bekalan tenaga kerja sektor kesihatan terutamanya Doktor dan Jururawat di hospital-hospital awam tidak tergugat?

Sebelum saya akhiri ucapan saya- saya ingin memuji inisiatif Kerajaan Malaysia dan Kementerian Kesihatan dalam menggubal RUU Perubatan ini. Saya juga mengingatkan pihak

kerajaan untuk mengambil kira faktor-faktor dan permasalahan yang berkait demi memastikan kita sedang merawat *the rootcause of the problem and not the symptom*, dengan izin.

Setakat ini sahaja perbahasan saya. Saya dengan ini menyokong penuh RUU Perubatan (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Yang Berhormat atas membawa suara dan pandangan wanita dalam rang undang-undang hari ini. Terima kasih.

Seterusnya mempersilakan Yang Berhormat Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah.

### 5.33 ptg.

**Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang yang mulia ini, kita akan berbahas Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024 di Dewan yang mulia ini. Ini merupakan rang undang-undang yang ditunggu-tunggu oleh mereka dalam bidang perubatan baik daripada golongan Doktor hingga kepada urusan pentadbiran.

Kita sering mendengar dan saya juga pernah berucap mengenai perkara ini selepas saya dilantik sebagai Senator iaitu mengenai *welfare of Doctors and the medical environment in Malaysia*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, statistik semasa. Menurut statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pada tahun 2023 nisbah doktor kepada penduduk adalah satu nisbah 600. Jauh di bawah standard Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu satu nisbah ke 400. Selain itu, kita hanya mempunyai sekitar 70,000 Jururawat berdaftar sedangkan keperluan sebenar adalah 130,000.

Dalam bidang kepakaran seperti bidang ortopedik, terdapat hanya 1,000 pakar berbanding keperluan sebenar 2,500. Lebih membimbangkan menurut Menteri Kesihatan, negara kita kekurangan lebih daripada 30,000 tenaga kerja kesihatan. Kekurangan ini menunjukkan bahawa kita perlu mengambil tindakan segera untuk menangani isu ini.

Impak terhadap sistem kesihatan. Keadaan ini menyebabkan Doktor dan Jururawat kita bekerja dalam keadaan sangat terbeban dengan masa bekerja yang panjang dan tekanan yang tinggi. Kajian Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mendapati bahawa 60 orang Doktor di hospital kerajaan bekerja lebih daripada 60 jam seminggu. Ini bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan mereka, tetapi juga kualiti perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada rakyat.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan isu kelayakan kemasukan untuk Diploma Kejururawatan. Pada asalnya kelayakan kemasukan Diploma Kejururawatan adalah tiga Kredit. Pada masa itu, Jururawat kita diterima baik serta bekerja di seluruh dunia. Kami juga mempunyai ramai pelajar yang mengambil Kursus Kejururawatan.

Namun selepas menaikkan kelayakan kemasukan kepada lima Kredit, kurangnya sambutan terhadap Kursus Kejururawatan kerana dengan lima Kredit pelajar boleh memilih untuk menyambung pelajaran dalam bidang Perubatan, Pergigian dan Farmasi. Adakah kerajaan mempertimbangkan untuk kelayakan termasuk bagi Kursus Kejururawatan kerana ia lebih berasaskan kemahiran dan tidak memerlukan banyak kelayakan akademik?

Insentif gabungan dan kerjaya. Menawarkan biasiswa dan geran kepada pelajar perubatan dan kejururawatan seperti inisiatif di *United Kingdom* yang memberikan bantuan kewangan kepada pelajar yang komited untuk bekerja dalam sistem kesihatan awam. Menyediakan laluan kerjaya yang lebih jelas dan menarik termasuk peluang kenaikan pangkat dan intensif inisiatif prestasi. Ini penting untuk memastikan bahawa tenaga kerja kesihatan kita merasa dihargai dan bermotivasi untuk terus berkhidmat.

Tuan Yang di-Pertua secara kesimpulannya, isu kekurangan Doktor, Jururawat dan Pakar Perubatan adalah masalah yang memerlukan tindakan segera. Dengan pengenalan rang undang-undang ini, kita berharap dapat mewujudkan sistem penjagaan kesihatan yang lebih mampan dan berkualiti tinggi untuk semua rakyat Malaysia.

Marilah kita bersama-sama memperjuangkan perubahan ini demi kesejahteraan dan masa depan negara yang lebih baik. Apa yang saya lihat adalah kerajaan harus berusaha untuk mengelakkan dari berlakunya *brain drain* atau Doktor kita bekerja di luar negara. Apa yang mereka mahu hanya memberi mereka, dengan izin, *all they want is a secure work environment and good salary so that they can put food on the table*.

Harapan saya semoga dengan RUU ini Malaysia akan dapat lahirkan lebih ramai pakar bedah untuk menyelamatkan nyawa dan dapat memberikan perkhidmatan di hospital kita pada tahap yang sangat berkualiti pada masa hadapan. Itu sahaja perkara yang saya ingin berbahas dalam RUU ini.

Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

■ 1740

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Yang Berhormat yang membawa pandangan mewakili wakil profesional daripada IPTS. Satu perbahasan yang *settle*, tapi mendalam.

Seterusnya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

**5.40 ptg.**

**Datin Hajah Ros Suryati binti Alang:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dato' Yang di-Pertua, pertama sekali saya nak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan tim yang berjaya membawa RUU ini dibahaskan di Dewan Rakyat dan seterusnya ke Dewan Negara.

Terima kasih juga, saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024 yang saya sifatkan akan membawa perubahan di mana pindaan-pindaan yang dibawa menandakan bermulanya bab baharu dalam penjagaan kesihatan Malaysia. Saya percaya bahawa pindaan ini akan memberi manfaat terbaik dalam meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan di Malaysia. Memastikan keselamatan pesakit dan mengekalkan piawaian tinggi kerjaya perubatan.

Dato' Yang di-Pertua, RUU ini juga bertujuan menambah baik peruntukan dalam proses kelulusan dan kepakaran pengamal perubatan khususnya bagi laluan *parallel pathway*. Saya ingin mulakan dengan fasal 6 yang bertujuan untuk menggantikan seksyen 14B yang sedia ada dalam Akta 50 bagi mengadakan syarat pengamal perubatan untuk berdaftar sebagai pakar. Fasal ini juga bertujuan untuk memperuntukkan latihan kepakaran sebagai satu kehendak untuk didaftar sebagai pakar.

Antara perkara yang ingin saya tanya adalah sejauh mana kesemua Program *Parallel Pathway* sudah melalui proses akreditasi program? Adakah ia bertepatan dengan seksyen 4a(2)(h) Akta Perubatan 1991 serta melalui proses pengiktirafan program oleh *Malaysian Medical Council* iaitu MMC yang mana berdasarkan kepada cadangan ini juga, Jawatankuasa Teknikal Bersama- *Joint Technical Committee*, dengan izin, yang ditubuhkan mengikut Akta MQA 2007.

Selain itu, adakah program dengan kelayakan luar negara telah memenuhi syarat-syarat yang membolehkan pemegang kelayakan diiktiraf sebagai pakar di negara kita, di negara asal? Saya difahamkan juga bahawa KKM telah menambah pula program-program kepakaran *parallel pathway* baharu.

Soalan saya, adakah ia juga memenuhi Akta Perubatan Pindaan 2012 dan sila bentangkan kepada Dewan program-program tersebut?

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, kriteria atau syarat yang harus ada apabila seseorang berada di dalam *Malaysian Medical Council* (MMC), saya ingin bertanya daripada segi kriteria pemilihan seorang yang dipilih menjadi ahli MMC. Adakah mereka terdiri daripada pakar-pakar perubatan di dalam negara dan apakah syarat-syaratnya? Kelayakan,



kemudahan yang diterima berserta elaun yang diterima oleh mereka dalam MMC ini. Seterusnya, adakah sebarang keputusan yang mereka putuskan selari dengan kehendak dan keperluan situasi perubatan di Malaysia?

Saya juga ingin bertanya, kandungan dalam fasal 7 bertujuan untuk menggantikan seksyen 14C Akta 50 iaitu syarat untuk menjadikan seorang pakar. MMC boleh meluluskan permohonan itu atau juga boleh menolak permohonan itu dengan alasan penolakan. Mengenai perkara ini, saya ingin bertanya, adakah mereka pula melalui proses evaluasi di mana jika lulus, pakar-pakar yang mempunyai sub kepakaran didaftar mengikut kehendak masing-masing mengikut apa-apa program iaitu program sub kepakaran di mana-mana hospital, institut pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Doktor-doktor yang telah lulus program *parallel* ini, sebelum mereka bertugas sebagai contoh melakukan pembedahan, adakah mereka dipantau oleh pakar perunding kanan sebagai syarat kelayakan mereka menjadi pakar?

Dato' Yang di-Pertua, itu sahaja perkara yang saya ingin bahaskan dalam RUU ini. Saya berharap selepas ini, tiada lagi isu berkaitan kualiti doktor pakar menerusi laluan *Parallel* dibangkitkan kerana program sarjana perubatan serta laluan *parallel* memerlukan kelulusan dan pengiktirafan oleh jawatankuasa dan panel khas di bawah Majlis Perubatan Malaysia (MMC). Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seorang lagi yang konsisten membawa suara wanita dalam setiap perbahasan kepada setiap kementerian. Hari ini baju betul terang warna kuning itu... [*Ketawa*]

Seterusnya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

#### 5.45 ptg.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Ya, terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan peluang dan ruang untuk saya membahaskan Akta Perubatan (Pindaan) 2024 iaitu pindaan kepada Akta Perubatan 1971. Sudah tentulah akta ini adalah akta yang dinanti-nantikan oleh mereka yang terlibat di dalam bidang perubatan terutamanya mereka yang sudah lama di dalam bidang perubatan dan juga memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat terutamanya kita yang dalam keadaan memerlukan rawatan.

Jadi, kita sudah mendengar rakan-rakan yang membincangkan ataupun yang telah melontarkan tentang *ratio* yang perlu dicapai oleh negara ini iaitu lebih kurang 38,000 orang pakar diperlukan oleh negara ini. Jadi dalam hal ini, saya sangat menyokong perkara ini.

Walau bagaimanapun, keperluan untuk menjaga kualiti ataupun kepakaran itu masih diperlukan walaupun kita mengejar jumlah tetapi jangan sampai kita melupakan kualiti kerana

kepakaran ini ataupun keperluan ini adalah sesuatu yang melibatkan nyawa kita yang di dalam keadaan memerlukan rawatan.

Apa lagi apabila keadaan ini apabila kita mencapai *ratio* yang kita *target* ini walaupun tidak mencapai, tapi sekurang-kurangnya kita memperbanyakkan pakar-pakar yang ada di dalam negara ini sebab apabila kita cukup pakar, maka Doktor kita banyak, tidak ada lah Doktor-doktor yang akan bekerja melampaui masa yang sepatutnya sebagai seorang manusia bekerja dengan berkualiti sampai mereka, dengan izin, *exhausted*. Maka tahap kualiti perkhidmatan pun boleh menurun malah menyebabkan satu tekanan dan juga kemurungan kiranya mereka tidak dapat dilepaskan daripada tanggungjawab itu.

Begitu juga, saya berharap pindaan ini nanti akan melonjakkan apabila kita mencapai *percentage* ataupun peratusan pakar-pakar di dalam negara ini dengan adanya pindaan ini, maka kita akan melonjakkan jumlah kepakaran kita dan jaga kualiti kita, maka kita akan dapat bersaing dengan negara-negara yang ada di dalam Rantau ini malah dengan negara-negara yang ada di dunia ini sehinggalah kita menjadi satu negara pelancongan perubatan. Ini sangat penting supaya apabila kita memperoleh pakar-pakar yang akan ditapis dengan sebaiknya dengan pindaan ini, maka kita boleh menawarkan pelancongan perubatan kepada negara-negara yang memerlukan ya.

Saya juga berharap supaya dengan fasal 7 terutamanya yang memberi kuasa kepada pendaftar yang akan sama ada menyaring, yang menerima malah menolak. Jadi ini adalah suatu untuk menjaga kualiti pakar-pakar yang ada. Jangan kita ada sampai mengatakan ada yang *serve appointed* pakar, dengan izin. Jadi inilah yang kita berharap supaya jangan ada pihak-pihak tertentu yang mungkin berkeliaran di luar sana yang mengatakan mereka adalah pakar sedangkan tidak ada badan yang mengiktiraf mereka sebagai pakar.

Jadi justeru itu, apabila pindaan ini ada, jangan sampai orang yang begini tadi yang menjaja kepakaran mereka kononnya, tetapi tidak mendapat pengiktirafan oleh negara. Jadi justeru itu, pindaan ini sangat penting untuk menjaga kualiti sambil kita mengejar kuantiti ke depannya supaya kita membantu pekerja-pekerja perubatan kita tidak terlalu keletihan kerana kita kekurangan seperti yang kita *target* dalam PBB iaitu satu dalam 400 orang. Justeru itu, saya juga berharap supaya fasal 8 contohnya. Pakar yang sedia ada yang telah didaftarkan juga boleh mendaftar sebagai ahli dalam perenggan ataupun Jadual baharu- yang kelima.

#### ■1750

Jadi persoalan saya, adakah mereka akan diberi tapisan baru ataupun adakah mereka secara automatik akan didaftarkan dalam Jadual Kelima? Jadi, ini juga satu persoalan kerana di dalam bidang kepakaran bidang perubatan ini, perlu- walaupun sudah pakar, tak semestinya kamu akan pakar dalam bidang yang lain lagi kerana ia memerlukan *specific*, dengan izin, sangat tepat kepakaran ini supaya ini tidak menjejaskan nyawa orang yang

memerlukan perubatan, yang mengharapkan kesembuhan, walaupun takdir itu di tangan Tuhan. Supaya pakar-pakar kita ini melakukan yang sepatutnyalah seorang pakar lakukan.

Isu yang seterusnya, berkaitan kuota. Memang kita berharap supaya kuota ini perlu juga, tetapi kuota bukanlah sesuatu keperluan yang sangat mendesak dalam hal nyawa manusia. Sebab apabila kuota ditetapkan, biarlah orang yang memenuhi kuota itu benar-benar layak supaya jangan kerana kuota, kita terpaksa ambil orang. Sehingga ini akan memberi risiko kepada pihak yang mencari perubatan, memerlukan perubatan yang berkualiti.

Dan saya juga ingin memberi persoalan, pelontaran kepada kementerian. Banyak pakar-pakar kita, Doktor-doktor kita di luar negara. Ini adalah umpama *brain drain* kepada negara, sangat merugikan. Jadi, apakah langkah kerajaan supaya mereka ini kembali ke dalam negara ini untuk berkhidmat di dalam negara ini? Apakah langkah-langkah yang kerajaan buat supaya menarik perhatian mereka, supaya mereka pulang dan memenuhi juga penambahan kepada sasaran kita untuk menambah jumlah pakar kita di dalam negara?

Justeru itu, saya berharap juga apabila kita bertambah pakar dalam negara ini- ini juga akan menjadikan kita menyediakan pakar kepada hospital-hospital di luar bandar kerana kebanyakan hospital di luar bandar, contohnya di Sungai Asap, di Belaga tidak ada pakar, hanya pakar pelawat saja. Adakah tidak, kerajaan menyediakan pakar di hospital-hospital ini supaya rakyat tidak bertungkus-lumus, bersusah payah untuk datang ke Bintulu contohnya, mendapatkan rawatan?

Jadi, inilah antara yang kita harapkan dengan adanya badan yang melantik pakar-pakar ini, maka banyak pakar yang kita ada, maka kita boleh membahagikan kepakaran ini, meletakkan pakar-pakar kita di dalam- luar bandar supaya mereka juga mendapat perkhidmatan yang terbaik daripada kerajaan kita.

Justeru itu, saya tidak lama lagi untuk ini- saya berharap supaya semua ini akan dapat menyelesaikan yang kita dapat lakukan. Saya menyokong, terima kasih.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Yang Berhormat. Perbincangan yang cukup bersemangat, seperti biasa membawa semangat Panglima dari Sarawak.

Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Suan.

#### **5.53 ptg.**

**Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta berbahas Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024 ini.

Saya menyambut baik usaha dan inisiatif kerajaan, khususnya KKM untuk menambah baik rang undang-undang ini. Di mana ia selaras dengan program-program seperti Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan atau *Healthcare Work Culture*

*Improvement Task Force*, dengan izin, bagi memastikan persekitaran kerja yang sihat dan kondusif kepada semua petugas kesihatan, termasuklah pelatih. Dato' Yang di-Pertua, menurut Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024 ini, fasal 6 bertujuan untuk menggantikan seksyen 14B, Akta 50 bagi mengadakan syarat bagi pengamal perubatan untuk berdaftar sebagai pakar.

Fasal ini juga bertujuan untuk memperuntukkan latihan kepakaran sebagai satu kehendak untuk berhak didaftarkan sebagai pakar. Saya tertarik dengan seksyen 14B (1)(A) iaitu seorang berhak untuk daftarkan sebagai seorang pakar di bawah akta ini jika dia telah membuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa dia adalah kompeten dan mempunyai akhlak yang baik, yang bermaksud Doktor Pakar atau doktor *senior* sepatutnya selain kompeten juga wajib mempunyai akhlak yang baik. Dato' Yang di-Pertua, di dalam Buku Panduan Program Pegawai Perubatan Siswazah edisi 2012 terbitan KKM juga jelas menyatakan bahawa garis panduan tugas dan tanggungjawab Doktor Pakar atau doktor *senior* mempunyai tiga peranan penting iaitu sebagai koordinator, sebagai penyelia dan berprofesionalisme.

Pertama, peranan sebagai koordinator selain salah satunya ialah berfungsi sebagai mentor dan kaunselor kepada doktor pelatih. Kedua, peranan sebagai penyelia salah satunya ialah memantau dan membimbing doktor pelatih dalam tugas di wad dari aspek pengetahuan, kemahiran klinikal dan sikap. Manakala yang ketiga, salah satu ialah setiap Doktor Pakar atau doktor *senior* hendaklah menunjukkan sikap dan etika kerja baik serta menjadi *role model* kepada Doktor Pelatih. Sekiranya Doktor Pelatih melakukan kesilapan, teguran hendaklah diberikan secara profesional, bukannya menekankan mereka.

Dato' Yang di-Pertua, ada yang agak melampau sehingga memberi kesan negatif kepada mental dan fizikal Doktor Pelatih. Ada juga Doktor Pelatih yang mempunyai sifat dan latar belakang yang menjadi mereka tidak kuat untuk menerima tekanan tersebut sehingga terpaksa berhenti atau mengalami tekanan mental yang membawa kepada pengambilan tindakan yang negatif.

Saya mohon kepada pihak kerajaan, khususnya KKM untuk memastikan isu merendah-rendahkan Doktor Pelatih ini dapat dibanteras sepenuhnya. Ini dapat dilaksanakan sekiranya wujud kesedaran dan tanggungjawab moral serta daya integriti yang tinggi dalam kalangan Doktor Pakar untuk tidak merendah-rendahkan, sebaliknya membimbing Doktor Pelatih ini sehingga boleh menjadi golongan pelapis ataupun *successor* mereka yang lebih berkualiti pada suatu hari nanti kerana mereka ini juga akan menjadi pakar.

Dato' Yang di-Pertua, akhir kata, dalam konteks Wilayah Sabah yang menghadapi isu kekurangan Doktor yang serius dengan nisbah doktornya adalah satu doktor kepada 900 penduduk [1:90] berbanding di peringkat kebangsaan satu kepada 412 atau 1:412.

Isu tekanan mental dalam kalangan Doktor Pelatih turut berlaku di Hospital Queen Elizabeth dan juga di Hospital Duchess of Kent di Sandakan. Isu ini sudah sewajarnya perlu dinoktahkan segera secara holistik dan bersinergi oleh semua pihak, khususnya KKM. Sekiranya ia dibiarkan terus menjadi barah, hasrat anak-anak watan Sabah untuk menjadi Doktor dan berkhidmat dalam wilayah sendiri akan berkubur begitu saja dan sangat merugikan. Ini sudah tentu akan menyebabkan isu kekurangan Doktor di Sabah akan terus meruncingkan. Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Yang Berhormat atas perbincangan yang membawa suara bumi di bawah bayu.

Seterusnya, pembahas terakhir kita, Yang Berhormat Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang Sariyan

### **5.59 ptg.**

**Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan ruang untuk saya ikut berbahas dalam konteks rang undang-undang yang bertujuan untuk meminda Akta Perubatan 1971 [Akta 50] bagi menambah baik peruntukan yang berhubungan dengan pendaftaran pengamal perubatan sebagai pakar dan untuk melaksanakan proses pengiktirafan kelulusan dan latihan kepakaran.

Saya terus terang mengaku, saya bukan pakar perubatan, saya bukan Doktor Perubatan, saya 'doktor bahasa', 'doktor pendidikan', tapi izinkan saya memberi beberapa inputnya sekira dapat ditimbang, dapat difikirkan oleh pihak Menteri dan kementerian agar kemelut yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi dapat dirungkaikan bersama mudah-mudahan.

### **■1800**

Saya melihat bahawa isu pokok dalam konteks ini ialah disebabkan adanya dua jenis kelayakan, kepakaran perubatan. Satu, yang melalui program IPT tempatan yang dijamin kualitinya dan mendapat kelulusan KPT, diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia ataupun MQA dan juga berdaftar dalam MQR dan NSR, itu daftar kelayakan negara dan daftar pakar negara.

Yang kedua, dengan sistem yang hendak diabsahkan oleh pihak kerajaan iaitu program selari atau *parallel pathway* atau (PP) yang dilihat oleh kalangan sejumlah pakar perubatan sebagai tidak dijamin kualitinya. *So current issue* pokok yang menimbulkan, kalau boleh dikatakan konflik ataupun kemelut yang hendak diselesaikan. Maka itu Datuk Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa hal yang berkaitan dengan bagaimanakah kira-kira langkah untuk kita menimbulkan suasana damai supaya memungkinkan hasrat untuk

memperbanyak atau menambah jumlah doktor pakar ini dapat tercapai tapi juga pada saat yang sama kita tidak menyinggung sensitiviti ataupun keperluan untuk mengawal kualiti yang telah pun disentuh oleh beberapa rakan Senator itu tadi.

Pertama, yang ingin saya sentuh berkaitan dengan soal kemudahan seperti yang sewajarnya terdapat di IPT kerana peralatan dan pokoknya hal-hal logistik berkaitan dengan soal kursus-kursus yang hendak ingin membentuk kepakaran ini tentulah memerlukan perhatian yang sangat berat oleh KKM andai kata KKM ingin menjadi satu badan yang mengurus soal pendidikan tinggi, dalam soal membina kepakaran dalam perubatan.

Yang kedua juga, berkaitan dengan soal sumber kepakaran di KKM sendiri yang perlu dipersiapkan agar soal kepakaran akademik di KKM itu tidak dipersoalkan. Yang kita tahu IPT ialah memang sangkar ataupun wadah, tempat terdapatnya pakar-pakar akademik, maka dalam soal ini harus diimbangi bagaimana KKM dapat menjelaskan soal kemudahan dan sumber kepakaran setanding dengan yang ada di IPT.

Yang kedua berkaitan dengan tanggapan bahawa tugas hakiki KKM ialah untuk memberikan perkhidmatan, kesihatan dan perubatan. Maka tidakkah dengan saran RUU ini, maka tumpuan perhatian pada perkhidmatan kesihatan perubatan itu akan terjejas? Ini segala persoalan yang ditimbulkan oleh kalangan... *[Tidak jelas]* Apalagi masyarakat awam. Ini harus dijelaskan dengan cukup tuntas, dengan cukup baik oleh kementerian pada masyarakat agar dapat dihindarkan tanggapan bahawa akan berlaku nanti kemerosotan soal pemberian ataupun perkhidmatan kesihatan dan perubatan kerana peralihan tumpuan pada soal pendidikan tinggi dan bidang perubatan.

Yang ketiga, pertanyaan saya pada yang berhormat Menteri, tidak akan mungkin dapat direncanakan satu sinergi. Suatu perkongsian pintar antara IPT dan KKM dalam soal pelaksanaan, dalam soal sinergi kewangan dan operasinya, kaedah pelaksanaannya. Dengan demikian, kita mewujudkan satu suasana menang-menang bukan satu konflik antara IPT dengan KKM. Yang ini saya kira sesuai dengan semangat MADANI. Semangat membina suatu tamadun berasaskan ilmu dan pemikiran. Bukan berdasarkan perseteruan ataupun konflik.

Seterusnya yang keempat ialah program dan kelayakan antarabangsa melalui program PP ini, tidakkah dapat ataupun perlu diusahakan agar mengikuti proses standard, proses normal undang-undang negara seperti pematuhan Akta MQA, Akta Perubatan, Akta 50 itu sendiri. Akta AUKU dan yang lain-lain. Jadi kalau ini dapat direncanakan dengan baik dan lancar oleh KKM, saya kira konflik ini dapat diatasi supaya tidak berlaku kemelut antara KKM dan sejumlah pakar-pakar perubatan yang ingin meletakkan peranan kelahiran atau zahiran pakar-pakar itu pada pihak IPT.

Seterusnya ialah soal juga berkaitan soal lantikan yang mungkin juga telah disebut oleh salah seorang Senator tadi tentang JPA sendiri Jabatan Perkhidmatan Awam tentang memerlukan pelantikan seorang pakar itu berdasarkan MQR dan ini juga saya kira harus ditangani oleh pihak kementerian agar tidak berlaku konflik di dalam soal pelantikan oleh JPA bagi mereka yang berkhidmat dalam negara kita.

Terakhir Yang Berhormat Menteri, yang ingin saya tanyakan sejauh manakah libat urus yang telah dilakukan oleh kementerian dengan pemegang-pemegang kepentingan atau, dengan izin *stakeholders* dalam konteks ini. Adakah telah dilakukan libat urus secara mendalam, secara rinci, secara muhibah, agar persefahaman ini dapat diwujudkan dan tidak dibiarkan dalam keadaan konflik yang saya katakan tadi. Pertentangan, kita hendak mencari jalan damai agar kesihatan negara tidak terhindar, terhambur oleh faktor kekurangan libat urus. Jadi Datuk Yang di-Pertua, demikianlah perbincangan saya. Terima kasih, *assalamualaikum*.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih pada yang terhormat, perbincangan yang penuh maklumat dan pandangan yang baik daripada seorang *academician*.

Seterusnya, dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### 6.03 ptg.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad]:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara yang mulia ini, yang telah membangkitkan pelbagai isu-isu dan saya kira boleh kita temakan kerana saya tidak pasti berapa lama saya diberi Datuk di-Pertua, sebab isunya terlalu rinci, dengan izin, pelbagai...

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Teruskan. Teruskan. Tak ada masalah.

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Dan rencam pada sifatnya. Jadi saya mungkin tidak akan dapat menggarap keseluruhannya. Tak apa, tapi saya akan cuba mulakan dengan pertama-tamanya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas sebentar tadi.

Tak silap saya ada 15 seluruhnya dan pada penghujung tadi kita dengar Profesor Emeritus Awang bin Sariyan yang membangkitkan hal-hal yang saya kira agak juga penting dari sudut libat urus yang sama ada ia telah dapat dijalankan dengan baik. Kalau boleh saya jawab langsung perkara itu daripada yang telah kita lakukan libat urus, saya kira 23 daripada fraterniti perubatan yang telah memberikan sokongan yang padu.

Ada dua, tiga yang masih lagi menyatakan ataupun merakamkan sikit ketidaksetujuan walaupun saya mendapat juga satu pernyataan daripada profesor G70 yang menyatakan bahawa mereka tidak pernah mengeluarkan sesuatu dari sudut pandangan rasmi yang

menolak pindaan ini. Jadi, mereka menganggap bahawa sesiapa pun yang bercakap di atas tiket mereka itu bercakap untuk diri mereka sendiri kerana mereka tidak pernah menyatakan suatu pendirian yang menolak pindaan ini.

Datuk Yang di-Pertua, saya mulakan dengan apa yang dibangkitkan oleh pembahas pertama yang ni Dr. Lingeshwaran. Beberapa isu yang telah beliau bangkitkan Senator Dr. yang saya kira boleh saya ambil beberapa perkara sahaja untuk memberikan laluan untuk yang lain juga untuk saya huraikan. Pertama adalah apa yang disebutkan tentang mengapa CEO MMC masih lagi belum dilantik?

Itu soalan teknikal yang saya kira sedang bahkan telah pun saya tangani perkara ini. Ia menantikan pelaksanaan dan perkara ini memangnya agak *outstanding*, dengan izin. TOR ataupun kriteria dan status CEO ini perlu saya nyatakan sedang kita buat pertimbangan untuk kita angkat kepada satu kedudukan JUSA C yang mana perjumpaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dr. Lingeshwaran sebentar tadi. Ia memerlukan seorang yang mungkin lebih baik daripada gred yang dicadangkan, kerana ia adalah suatu kedudukan yang penting dan tugas yang penting dan kerana dia menjadi pegawai eksekutif kepada Majlis Perubatan Malaysia. Apa yang sedang kita lalui hari ini adalah untuk membuat iklan kepada CEO di dalam waktu yang terdekat. Itu yang boleh saya sebutkan, pertamanya.

#### ■1810

Adapun dari sudut perkara yang dibangkitkan tentang *dental* tadi ya. Perkara yang disebutkan tentang hal *dental* itu, pada saya, kalau boleh saya sebutkan sedikit adalah yang mana disebutkan- sekejap ya. Ya, betul, saya pun sudah- bukan kali pertama saya rasa, saya menghuraikan perkara ini. Ada tiga lagi pemohon Majlis Dental Malaysia itu yang dikatakan sebagai satu yang dikatakan- *hang on, just give me one moment*. Ya, di sini.

Akta Pergigian 2018 yang dikuatkuasakan 1 Januari 2022, pendaftaran Pakar Pergigian itu kini adalah di bawah Majlis Pergigian Malaysia ataupun *The Malaysian Dental Council*. Saya tahu akan situasi ini di mana daripada permohonan pendaftaran Pakar Pergigian yang ditolak kerana tidak memenuhi peruntukan di bawah seksyen 34(2)(b) dan juga 34(2)(c) Akta 804. Daripada jumlah itu, hanya tiga permohonan yang pernah berdaftar dengan NSR sedang dalam rayuan. Maksudnya, dulunya daftar, tetapi telah pun tidak didaftar kembali.

Dalam mesyuarat MDC Ke-14 di bawah Akta Pergigian 2018 yang bersidang pada- ini spesifik saya sebutkan ini- pada pagi 29 Julai 2024 ya, MDC telah bersetuju untuk membenarkan rayuan daripada pengamal pergigian yang berdaftar dengan NSR, boleh diluluskan untuk berdaftar tertakluk kepada skop amalan yang akan ditentukan selanjutnya oleh MDC- *Medical Dental Council*. Jadi, skop ini akan ditelitikan sewajarnya untuk ketetapan diputuskan selewat-lewatnya akhir September 2024.



Itu bagi menjawab satu yang betul-betul punya spesifik untuk jawapan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Lingesh ya. Jadi, itu dua yang saya perhatikan di situ.

Okey, saya mungkin boleh berikan laluan kepada yang lain. Untuk Senator Kesavadas. Kalau boleh, saya perhatikan isu-isu yang dibangkitkan. Tak dapat disusun dengan baik ini. Okey, baik. Ada empat soalan yang saya catatkan di sini. Empat soalan, betul.

Saya mulakannya dengan- berapa kos perbelanjaan KKM untuk biaya kos pengajian di peringkat IPTA bagi setiap bidang dalam Jadual Keempat itu? Satu soalan yang khusus. Apakah bidang yang akan dapat tajaan kerajaan? Ketiga, bentuk kerjasama industri antara KKM dan juga KPT yang dapat dipertingkatkan. Dan akhir sekali, bagaimana rakyat yang di mana tak ada hospital universiti dalam negeri mampu dapatkan rawatan perubatan berbanding rakyat yang mempunyai kelebihan tersebut. Panjang soalannya. Saya mahu memberikan begini, apa yang sempat dicatatkan.

Kerajaan telah memperuntukkan sepanjang tempoh lima tahun kebelakangan ini, 2019 hingga 2023, untuk ini ya, sebanyak RM365.4 juta telah dibelanjakan bagi menaja pengamal perubatan di Kementerian Kesihatan yang mengikuti latihan kepakaran, yang mana sebahagian besarnya adalah *96 percent* daripada peruntukan itu adalah dari peruntukan tersebut *which is* RM352 juta telah dibelanjakan untuk menaja mereka yang mengikuti program Sarjana Perubatan di universiti awam. *That is-* kalau ada, mungkin saya jawab sekali guslah kalau ada yang merasakan kita kesampingkan program *Master-* Sarjana Perubatan di universiti awam. Tolong perhatikan bahawa kita berbelanja hampir 96 peratus untuk program Sarjana, dan program selari di luar negara itu adalah selebihnya. Jadi, *you just imagine how many percent* yang telah diberikan. Manakala selebihnya atau empat *percent* itu atau RM13 juta digunakan untuk penajaan *parallel pathway* bagi tempoh yang sama.

Jadi, peruntukan besar ini merupakan satu komitmen kita untuk Kementerian Kesihatan bagi meningkatkan bilangan pakar di fasiliti-fasiliti kita.

Untuk tahun 2024, Kerajaan Madani pula, peruntukan latihan kepakaran ini ditingkatkan kepada RM152.4 juta yang mana RM142.4 juta adalah untuk penajaan program Sarjana Perubatan, manakala RM10 juta adalah program *parallel pathway*. Jadi, di situ kita akan dapat lihat buat masa ini, terdapat 120 program Sarjana Perubatan, di sembilan buah institusi pendidikan tinggi, manakala terdapat hanya 14 untuk program *parallel pathway*.

Untuk kerjasama KKM dan KPT, ada. Kita telah dalam Kertas Putih Kesihatan, perancangan dan *reform* sistem kesihatan akan merangkumi sektor awam. Maaf, semua sektor. Bukan sahaja sektor awam, tetapi juga sektor swasta dan juga melibatkan hospital

pengajar universiti. Pemetaan yang lebih baik akan dapat kita lakukan agar akses terhadap perkhidmatan kesihatan khususnya di kawasan luar bandar dapat kita capai.

Jadi, saya ingat perkara ini adalah sangat penting. Meskipun tidak ada hospital universiti di pedalaman, kita masih lagi meletakkan pencapaian ataupun *actable distribution* dalam ertinya mantra UHC, *universal help coverage* itu, jangan ada yang keciciran. *Leaving no one behind*. Dalam bahasa itu, kita akan terus memberikan peruntukan-peruntukan bukan sahaja di fasiliti-fasiliti yang besar, tetapi juga hari ini saya sendiri akan meletakkan bagaimana perkhidmatan kesihatan ini adalah lebih bersifat *preventive, promotive* di klinik-klinik kesihatan. *So, we want to get service close to home*.

Kita sudah mengamalkan *global surgery*, contohnya. Dan kita akan, dengan wujudnya digital EMR, kita akan dapat mengatasi apa yang dilihat satu masa dahulu sebagai kesenjangan dan jurang antara bandar dengan luar bandar kerana *we want to bring* kesihatan ini *closer to home* sebenarnya. *Closer to home* bermakna kita mahu pergi kepada bagaimana klinik-klinik kesihatan akan berperanan. *We have also now* pakar-pakar dalam *setting* klinik-klinik kesihatan, *our family medicine specialist* (FMS) dan juga kita mengamalkan *the cluster concept, anchor hospital*. Pakar-pakarnya pergi juga membuat lawatan sama ada bulanan mahupun mingguan untuk *service district hospital* yang mungkin kecil, tidak punya kepakaran, tetapi di situ juga mereka akan dapat rawatan daripada pakar-pakar yang datang daripada *anchor hospital* dalam konsep *cluster* yang saya maksudkan tadi ya.

Apa lagi yang perlu saya sebutkan?

Itu adalah yang terkait dengan KPT dan- okey, begitu sahaja.

Dato' Kesavadas...? *Anything else that you want to raise that I have forgotten?*

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Ya, *especially* dalam ini, hospital di Negeri Sembilan yang *you mention* ya, bukan sahaja- *beyond* USIM ya.

#### ■1820

Saya sebutkan memang *you must understand that* perancangan KKM adalah perancangan KKM dari sudut fasiliti, tetapi KPT juga adalah mempunyai perancangan dan khidmat di hospital-hospital, *teaching hospital*. Walaupun *teaching hospital* ini berada di bandar-bandar, tetapi KPT sebagai satu sebahagian daripada *the health ecosystem* juga menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan yang sama gandingan untuk kita capai *and enhance healthcare delivery* di negara kita ini.

Apa lagi yang disebutkan di situ, *course Master Medicine* telah saya jawab. Saya beralih kepada pembahas ketiga, Dr Dato' Senator Dr Wan Martina- maaf. Dr. Wan Martina ya. Banyak persoalan yang dibangkitkan di sini dan terkait dengan hal itu adalah perkara yang

dikatakan sebagai KKM mengutamakan program antarabangsa. Saya rasa telah pun saya jawab. Ia tidak begitu, bahkan terbukti bahawa *whatever that kita spend is only about 10 percent* yang kita berikan kepada program-program *parallel*, laluan *parallel* ini dan sebahagian besarnya adalah program-program sama ada dari sudut Hadiah Latihan Persekutuan, ia adalah untuk program 120 program *Master Medicine* yang dikendalikan oleh sembilan buah universiti di dalam negara itu sendiri, dalam negara kita sendiri.

Jadi, tidak timbul ancaman yang seperti mana yang disebutkan bahawa apakah ancaman daripada program *parallel pathway* ini akan mengatasi, tidak ya. Saya sebenarnya untuk pengetahuan semua, kita pada penggal pertama saya mengambil alih, mengemudi KKM ini, saya telah meletakkan kepada beberapa pakar dari sudut *manpower* dan dari sudut *manpower planning* supaya program yang dikatakan sebagai *the national worst graduate training program* dalam bidang kepakaran perubatan adalah untuk pada akhirnya digarap sekali apa yang dikatakan sebagai melahirkan *a national curriculum for post graduate training in medicine* untuk kita letakkan *the national program* itu yang menjadi kebanggaan kita, tetapi saya tahu bahawa ketika saya datang kembali *second time* ini, kita berdepan dengan kemelut ini, maka saya terpaksa memberikan tumpuan untuk menyelesaikan masalah ini dan kerana ia melibatkan perbelanjaan dan juga biasiswa yang telah kita berikan.

Ia membantu *for example*, kalau kita perhatikan program kardiotorasik, pembedahan kardiotorasik ini buat hari ini bekalannya adalah semua dan seluruhnya daripada program-program *parallel pathway* untuk ingatan. Bermaksud apa, kita belum ada lagi program graduan daripada program latihan tempatan, universiti tempatan untuk program pembedahan kardiotorasik. Kita akan dapat *the first graduate* daripada UiTM-IJN itu. Mereka masuk tahun kedua, tiga begitu. *In about two, three years' time* baru kita akan dapat saksikan ataupun dapat kita bekalkan ataupun *surgeon* ataupun Pakar Bedah Jantung ini daripada program tempatan *which is our program* di UiTM-IJN.

Adapun daripada program PMUM itu sendiri dari Universiti Malaya pun belum dapat pengiktirafan dan akreditasi yang belum lagi boleh menjalankan program-program latihan Sarjana Perubatan dalam bidang kardiotorasik itu. Jadi, silap kalau kita merasakan bahawa keutamaan adalah kita berikan kepada *parallel pathway*. Telah saya sebutkan dan jangan kita pula memberikan semacam satu persepsi bahawa kita melebihi program *parallel pathway* dan panjang lebar pegawai saya syarahkan perkara ini. Saya dah sebutkan semuanya, tentang peruntukan kewangan pun begitu. Jadi, saya ingat saya tidak perlu ulangi perkara ini.

Persepsi yang lebih mustahak pada saya, hal yang kerap dikaitkan terkait dengan persoalan kualiti. Persoalan kualiti ini adalah penting dan saya telah menegaskan perkara ini supaya jangan dibangkitkan persoalan ini sekali lagi seolah-olah macam kita tidak memahami bahawa persoalan kualiti inilah yang menjadi tumpuan besar dalam kita meletakkan keaturan

kepada yang dikatakan sebentar yang saya sebutkan tadi sebagai ketidakaturan. Kalau boleh saya ulangi kembali apabila persoalan kualiti ini adalah persoalan yang dibangkitkan di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara, Dewan yang mulia ini.

Jadi, saya mahu menegaskan kembali sekali lagi walaupun Profesor Emeritus ada bangkitkan seolah-olah macam urusan *training* ini adalah urusan KPT, Profesor Emeritus, tetapi *you may be getting it completely wrong because* sebenar-benarnya *for all along* sebelum lagi program KPT, program *parallel pathway* program yang merupakan tunggak kepada bekalan pakar-pakar sejak awal 70-an lagi. Itulah dia ketika mana saya sebutkan lebih awal dalam Perintah-perintah Am, Perintah 27 Bab F itu sebelum daripada MMC mengambil alih tentang NSR, ia dikendalikan oleh Jawatankuasa Khas Perubatan yang mana yang menjadi utama, menjadi mainkan peranan adalah di *Academy of Medicine of Malaysia*. Di situlah kita dapat lihat graduan daripada *parallel pathway* sama ada dahulu namanya *the Membership* ataupun *the Fellowship* yang beramal di banyak hospital-hospital kita ini semua adalah graduan daripada situ sama ada di Pulau Pinang, sama ada di Perak, sama ada di IJN.

Jadi untuk berlaku adil kepada peranan kedua-dua ini, saya tidak pernah- ketika saya selesaikan masalah ini, saya sebab itu saya dapat menyelesaikannya mungkin dalam masa enam bulan kerana *I remain neutral, I remain agnostic to the feuding parties*, dengan izin. Kalau mereka berbalah kerana apa pun dianggap sebagai *the turf kind of war*. Saya tidak menganggapnya begitu Profesor Emeritus. Saya menganggap bahawa saya berdepan dengan masalah negara, masalah ketidakcukupan pakar dan masalah untuk mendamaikan apa yang ataupun meletakkan keaturan apa yang tidak teratur. Jadi, *for that and that reason alone*, saya boleh berjumpa dengan sesiapaupun dan saya dapat merelaikan dan mendamaikan konflik ini.

Dalam libat urus seperti mana yang Profesor Emeritus sebutkan, tanyakan sebentar tadi, banyak pusingan yang bukan sekali dua, *some people get* dua tiga kali berjumpa dan berucap. Saya mendengar dengan teliti dan mengambil keseluruhan pandangan-pandangan tersebut.

Ada yang saya dapat memanfaatkan, ada yang sampai hari ini belum dapat berubah pun pendirian mereka yang merasakan bahawa kualiti *parallel pathway* itu adalah kurang daripada program Sarjana Perubatan yang saya kira mereka mungkin tidak memahami sehingga hari ini, apakah *the work flow* yang menyaksikan bagaimana satu-satu permintaan daripada universiti untuk menamakan, mencadangkan sesuatu program lulusan tertentu dan juga selari dengan itu program yang dicadangkan oleh KKM kepada MMC, tetapi kedua-duanya bertemu dalam satu penentuan piawaian yang sangat mustahak yang saya sebutkan tadi *and that's*

*where quality, that's where assessment, evaluation* dalam *panel of assesses* itu dikendalikan oleh kumpulan yang sama, pakar-pakar yang sama.

Jadi, tidak ada isu yang mana *higher* atau *lower* sebab *they get to converge* pada penilaian dan pada apa yang dikatakan sebagai keputusan untuk membuat satu penilaian terhadap mana-mana program itu. Dia adalah akhirnya dikendalikan oleh *with the same* pakar-pakar yang diangkat daripada- yang diangkat oleh MMC sama ada daripada KPT, universiti mahupun daripada KKM.

■1830

Jadi, saya harap jangan ada yang cuba untuk memberikan persepsi bahawa satu adalah lebih baik daripada yang lain...

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Boleh saya mencelah?

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Ya, sila.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Silakan.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dah dapat *keyword* itu, *work-flow* dan ini yang saya nak sampaikan.

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Ya.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Sebab apabila saya timbulkan persoalan-persoalan ini, ini adalah persoalan-persoalan orang yang tidak memahami, tetapi saya cuba bawa soalan ini ke Dewan supaya Yang Berhormat Menteri dapat menjawab dan semua dapat faham.

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Dr. Wan Martina. Ia sangat mustahak. Saya tahu sehingga hari ini pun saya nampak ada yang kekal, tidak dapat menanggapi *work-flow* yang disebutkan tadi itu. Apabila kita fahami perkara itu, maka tidak timbul seolah-olah *parallel pathway* ataupun Sarjana Perubatan itu lebih baik atau satu lebih kurang daripada yang satu lagi.

Ini kerana kedua-dua program tempatan mahupun yang selari *parallel pathway overseas* itu, dia akan bertemu dalam satu *assesment* yang ada di sana. Satu yang dianggap sebagai kriteria umum dan ada satu lagi yang dianggap SSR ataupun *the specialities set requirements* yang mana ianya adalah tertakluk kepada bidang-bidang kepakaran dan juga sub kepakaran itu.

Jadi, saya harap tanpa saya membaca dan...

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi kah?

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Ada sikit lagi, kalau boleh kita berikan dalam jawapan bertulis pun tak apa. Kalau ada yang mahu untuk soalan-soalan mereka didengari hari ini, boleh bagikan saya segera supaya dapat saya jawab terus Dato' Yang di-Pertua.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Okey, teruskan 10 minit.

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Boleh, terima kasih. Jadi, peranan ya, peranan MQA selepas pindaan tidak ada yang tergendala. MQA tetap menjadi *the qualifying agency* yang akan memberikan penilaian kepada permohonan-permohonan yang dibuat oleh universiti, tetapi seperti mana yang saya tegaskan, agensi ataupun MQA, Akta Agensi Kelayakan *which is* Akta 679 sendiri yang meletakkan bahawa program profesional tidak tertakluk kepada akreditasi daripada MQA.

Saya ingat perkara itu pun juga satu yang susah ramai nak faham sehinggakan ada yang menyangka bahawa kita telah apanya istilahnya, kita telah *marginalise*, kita telah sampingkan, kita telah *demoted*, kita telah *demote* ataupun turunkan taraf MQA seperti mana yang disebutkan oleh Datuk Senator Haji Hussin sebentar tadi. Ia seolah-olah MQA telah hilang taringnya sebagai satu badan akreditasi.

MQA akan terus menjadi badan akreditasi kepada program-program Sarjana Perubatan kerana itu adalah dalam bidang tugasnya dan akhirnya akan menyaksikan apa pun program itu tersenarai dalam MQR yang mereka berikan kelulusan ataupun *endorsement*, tetapi ianya saya sebutkan di sini agensi yang disebutkan di sini Akta 679 itu sendiri telah meletakkan bahawa program-program profesional tidak tertakluk kepada akreditasi daripada MQA.

Saya harap perkara itu *for the umpteenth times* difahami bahawa program profesional *parallel pathway* tidak tertakluk kepada- terima kasih ada yang ihsan belas. *Bismillah...*  
[Meneguk sedikit air]

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Sementara Menteri minum itu ya.

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Ya, okey.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Sementara Menteri minum itu...

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Ya, okey.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Memang isu...

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Dah minta keizinan Speaker belum, nak bertanya soalan ini?

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** [Ketawa]

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Minta- saya minta Speaker, minta kebenaran...

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Tak, saya izinkan. Izinkan.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Terima kasih. Ada bakat.

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Saya boleh mohon duduk... *[Ketawa]*

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Memang isu MQA ini merupakan antara isu penting. Dilihat apabila dipinda sebegitu rupa sampai MQA itu macam seolah-olah diketepikan, sudah tentulah akan ada yang melihat ini sebagai suatu yang janggal ya, tetapi MQA itu sendiri daripada masa kelahirannya, *ceh-* adakah dia berperanan untuk akredit hospital kerajaan? Samaikan dilihat seolah-olah dahulu ya, sekarang sudah tidak. Begitukah?

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Tak ada.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Tak ada.

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Sememangnya dan boleh saya jawab dengan lebih jelas daripada itu dengan subseksyen 3(2), Akta MQA itu sendiri. Akta 679 tahun 2007, ia telah yang saya sebutkan telah secara jelas mengecualikan program ataupun apa-apa kelayakan profesional daripada keperluan akreditasi yang dilakukan oleh mereka.

So, mereka sendiri- MQA itu sendiri telah menjelaskan bahawa Program *Parallel Pathway especially di oversea*. Program-program MQA juga kalau boleh saya sebut ya, program-program yang dilaksanakan oleh MQA akreditasi juga melibatkan pakar-pakar daripada KKM. *They are the same team, Dato' Yang di-Pertua. They are the same team, ya. They are working together. Hand in glove.*

*Finally, the panel of assessor* itu adalah orang yang kurang lebih sama juga. Inilah dia yang kalau kita tak faham seolah-olah ada *turf war* antara MQA dengan MMC, dia tidak sebegitu sama sekali, tetapi kadangkala persepsi ini terus di lanjut-lanjut kan. Jadi, ia menjadi satu masalah untuk kita tangani persepsi-persepsi yang seperti itu yang saya rasa dengan kelulusan dan *endorsement* daripada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, saya yakin ia perkara itu seperti mana yang telah saya syarah kan lebih awal tadi dan juga beberapa- termasuklah juga dari sudut komposisi MMC. Ada sedikit sebanyak persepsi bahawa kita nak menafikan pakar-pakar kita di KPT. Ia juga bukan begitu.

Akhirnya, saya dan *my counterpart*, YBM Menteri KPT *settled for the number of* dahulunya 9:3, kita pergi kepada 7:5. Tujuh daripada KKM, lima daripada KPT. Juga, hal itu kita tangani dengan kita membuat pindaan kepada komposisi MMC supaya benar-benar MMC itu akan berperanan. *MMC is just not-* MMC bukan sahaja untuk KKM. MMC adalah *the custodian* kepada semua. Ini yang kita nak kena fahami, Dato' Yang di-Pertua. Saya rasa begitu saja yang dapat saya rumuskan dan yang lain-lain ada juga beberapa isu yang lebih spesifik, lebih teknikal. Saya yakin perkara ini kita akan dapat jawab secara bertulis untuk Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Sekali lagi saya ucapkan banyak terima kasih dan kepada Dr. Wan Martina sebutkan, beliau mengangkat isu ini memberikan saya peluang untuk menjelaskan- mungkin ada lagi

perkara-perkara yang belum jelas, tetapi *insya-Allah* dalam masa terdekat ini, apa yang lebih penting Dato' Yang di-Pertua adalah kami dalam KKM dan juga bersama sekali dengan rakan-rakan PUU daripada KPT, PUU daripada KKM dan juga tim Bahagian Perkembangan Perubatan KKM akan bersama untuk benar-benar memerhatikan keperluan yang dikatakan sebagai *regulation*. Perintah dan *regulation* ini dengan itu *insya-Allah* akan dapat dalam waktu yang kurang lebih dua bulan. Kita akan dapat melaksanakan pindaan Akta Perubatan ini, Akta 50 ini.

*Insya-Allah*, mereka yang masih lagi menantikan untuk mereka *eligible* untuk didaftarkan dalam NSR dan juga melalui program *gazettement* program di mana mereka akan diberikan enam hingga- berapa bulan..?... [*Bertanya Pegawai Bertugas kementerian di belakang*] Tempoh 18 bulan mengadakan ataupun melalui apa yang dikatakan *work experience training*. *Insya-Allah*, dengan itu akan menjadikan lebih mantap setelah lulus peperiksaan-peperiksaan kelulusan mereka- FRCS Edinburgh, *cardiothoracic* dan semua yang lain, Dato' Yang di-Pertua.

Saya mengharapkan sokongan ini akan lebih mengangkat apa yang dikatakan sebagai prestasi kepakaran. Saya tahu saya tak jawab lagi soalan-soalan yang berkaitan dengan soalan nisbah pakar kepada penduduk, juga begitu Sabah. Kita tahu satu doktor nisbah 900 penduduk [1:900], walaupun nasional adalah satu doktor nisbah 412 penduduk [1:412], sekarang ini. Jadi, kesemua jurang dan ekuiti kesenjangan ini akan kita terus tangani dan terus kita depani Dato' Yang di-Pertua.

Sekali lagi ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan yang mulia yang membahaskan pindaan ini. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua... [*Tepuk*]

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan dan penjelasan yang cukup baik dan juga kepada tim Yang Berhormat Menteri yang hadir sejak tadi sehingga saat ini. Terima kasih semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[*Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui*]

[*Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa*]

[*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*]

[*Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah **mempengerusikan Jawatankuasa***]

[*Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa*]

[***Fasal-fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang*]



***[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

***[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]***

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

***[Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah **mempengerusikan Mesyuarat**]***

***[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perpaduan (Puan Saraswathy a/p Kandasami) dan diluluskan]***

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.43 petang]***